

***Himpunan Risalah***  
***Dalam Beberapa***  
***Persoalan Ummah***

**Hadis Ahad, Azab Kubur, Aurat Wanita,  
Penurunan Nabi Isa, Modernisme dan Islam Liberal.**

Penyusun

Hafiz Firdaus Abdullah

**Judul:**

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah

**Penyusun:**

Hafiz Firdaus Abdullah  
www.al-firdaus.com  
hafizfirdaus@yahoo.com  
SMS: 019-384 8467

© **Hafiz Firdaus Abdullah.**

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2004

**Penerbit:**

Perniagaan Jahabersa  
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim,  
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.  
Fax: 07-235 1603  
<http://www.jahabersa.com.my>  
[jahabers@tm.net.my](mailto:jahabers@tm.net.my)  
[jahabers@starhub.net.sg](mailto:jahabers@starhub.net.sg)

## **Kandungan**

|   |     |
|---|-----|
| Kata Pengantar  | 5   |
| 1. <b>Azab Dan Nikmat Kubur Dalam al-Quran dan al-Hadis</b><br>Ustaz Dr. Abdullah Yasin                                   | 7   |
| 2. <b>Serangan Terhadap Isu Aurat Wanita</b><br>Ustaz Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin  | 35  |
| 3. <b>Membantah Azab Kubur Menyanggah Akidah<br/>Ahli Sunnah Wa Jamaah</b><br>Ustaz Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin          | 45  |
| 4. <b>Gerakan Modernis: Antara Kemajuan dan Hawa Nafsu</b><br>Muhammad Rafiq @ Saw Eng Sian                               | 57  |
| 5. <b>Empowering Women through the Teachings of Islam:<br/>Uncovering the Untruths of Western Feminism</b><br>Umm Ziyaad. | 69  |
| 6. <b>Membedah Kotak Pemikiran Astora Jabat</b><br>Tok Janggut  | 81  |
| 7. <b>Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah : An Introduction</b><br>Muhammad Khairul bin Mohamed                                   | 97  |
| 8. <b>Mazhab Imam al-Syafi'i Terhadap Sunnah dan Hadis</b><br>Mohd Yaakub bin Mohd Yunus.                                 | 107 |

4

9. **Aurat dan Pakaian Wanita: Satu Analisa Ke Atas Artikel "Memahami Aurat Wanita" karangan Zainudin Idris.** 127  
Hafiz Firdaus Abdullah
10. **Kedudukan Hadis Ahad: Dari zaman awal Islam sehingga kini.** 169  
Hafiz Firdaus Abdullah.
11. **Menganalisa dan Menjawab Lima Alasan Mereka yang Menolak Penurunan `Isa Pada Akhir Zaman.** 183  
Hafiz Firdaus Abdullah
12. **Membongkar Aliran Islam Liberal** 199  
Hafiz Firdaus Abdullah

*Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Salam dan Selawat kepada Rasulullah, ahli keluarga baginda, para sahabat baginda dan semua generasi umat Islam yang bersungguh-sungguh dalam mengikuti mereka.*

Hadis *ahad*, azab kubur, aurat wanita, penurunan Nabi Isa pada akhir zaman, modernisme dan Islam Liberal, demikianlah beberapa isu yang dibangkitkan oleh segelintir pihak dalam akhbar-akhbar harian dan majalah tempatan. Semua ini dibangkitkan atas alasan kononnya ingin membuka dan mematangkan pemikiran umat.

Akan tetapi sejauh manakah kebenaran dan keberkesanan usaha ini? *Alhamdulillah* buku di tangan para pembaca sekarang ini disusun khas dalam rangka menjawab persoalan ini. Ia terdiri daripada himpunan beberapa risalah atau artikel yang dipilih khas dalam subjek-subjek di atas. Lebih istimewa, para penulis risalah-risalah ini terdiri daripada mereka yang memiliki latar belakang yang berbeza-beza, daripada para tokoh agamawan yang luas ilmunya hinggalah kepada rakan-rakan penulis yang memiliki kesedaran yang tinggi terhadap ilmu-ilmu Islam dan kewajipan untuk menegakkannya.

Semoga buku ini membawa manfaat yang besar kepada para pembaca sekalian. Malah diharapkan buku ini dapat menyedarkan kepada para pembaca sekalian tentang siapakah yang sebenarnya yang perlu dibuka dan dimatangkan fikiran mereka.

Atas tujuan dakwah serta *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, dialu-alukan agar buku ini disebarikan kepada umat seluruhnya agar sama-sama dapat kita

6

peroleh manfaat daripadanya. Semoga Allah 'Azza wa Jalla merahmati segala usaha kita. Juga didoakan agar Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi ganjaran yang sebaik-baiknya kepada para penyumbang artikel, juga kepada pihak *Majalah i* ([www.karangkraf.com.my](http://www.karangkraf.com.my)) yang mengizinkan beberapa artikel mereka untuk dikemukakan dalam buku ini. Tidak ketinggalan ialah kepada isteri penulis – Maryati bt Mat Nasir – yang telah bekerja keras untuk menyunting dan menyemak artikel-artikel yang ada dalam buku ini.

*Wassalamu'alaikum waRahmatullahi waBarakatuh.*

Hafiz Firdaus bin Abdullah

15 Julai 2004

**Azab Dan Nikmat Kubur  
Dalam al-Quran dan al-Hadis**

oleh

Ustaz Dr. Abdullah Yasin.<sup>1</sup>

**Mukaddimah**

Persoalan akidah merupakan perkara yang paling asas di dalam Islam. Kalau Islam diibaratkan bangunan maka kedudukan akidah adalah bagaikan asas atau tapak binaan tersebut. Jika akidah seseorang rosak maka akan musnah semua amalan yang dibina di atasnya. Atas dasar itulah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memulai dakwahnya dengan akidah sebelum mengajar syari'at.

Walaupun Islam menganjurkan penggunaan akal fikiran namun dalam pembahasan akidah peranan akal wajib dibatasi. Apalagi persoalan akidah banyak berkaitan dengan perkara ghaib yang tidak mampu dicapai oleh akal manusia yang sangat terbatas.

---

<sup>1</sup> Beliau ialah salah seorang tokoh ilmuan dan pendakwah terkenal di Malaysia, termasuk salah seorang guru saya sendiri (Hafiz Firdaus). Semoga Allah memelihara beliau dan mempermudahnya untuk terus mendalami ilmu dan menyampaikannya kepada umat Islam seluruhnya. Artikel ini pada asalnya ialah sebuah kertas kerja seminar yang dibentangkan di UIAM. Dalam edisi ini dilakukan beberapa penambahan agar lebih sesuai untuk terbitan dalam bentuk buku.







**sampai mengada-adakan urusan yang baru. Ini kerana setiap urusan yang baru adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah kesesatan.** (Riwayat Abu Daud dengan sanad yang sahih sebagaimana nilai al-Albani di dalam *Shahih Sunan Abu Daud, Kitab al-Sunnah* – no: 4607)

Baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* juga pernah memuji pegangan Salaf Soleh iaitu mereka yang hidup dalam lingkungan tiga kurun pertama keIslaman. Hal ini diisyaratkan oleh baginda di dalam sabdanya:

!! !! !!!! !! !!!! !! ! !! !!!! !! !!!! !! !! !! !!!!!!!!

**Sebaik-baik umat aku adalah pada kurun aku, kemudian pada kurun yang mengikutinya, kemudian pada kurun yang mengikutinya.** (*Shahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib*, no: 3650)

### **Ciri-Ciri Akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah***

Adapun ciri-ciri khas akidah puak *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* ialah:

1. Menyandarkan keyakinan mereka berdasarkan keterangan dari Al-Quran dan Al-Hadis yang sahih serta akal yang sejahtera.
2. Mendahulukan keterangan Al-Quran dan Al-Hadis jika dianggap bercanggah dengan akal fikiran, bukan sebaliknya.
3. Mengutamakan pegangan akidah Salaf Soleh kerana merekalah yang telah

mendapat pujian Rasul *shallallahu 'alaihi wasallam*.

### **Alam Barzakh**

Sebenarnya istilah *alam kubur* hanyalah berdasarkan kebiasaan (*ghalib*) kerana setiap manusia yang wafat biasanya dikuburkan. Malahan menguburkan jenazah menjadi salah satu kewajipan (*fardhu kifayah*) ke atas orang yang masih hidup. Ini tidak bermakna bagi setiap manusia mesti ada kuburnya apabila mereka mati kerana ada-kalanya atas sebab-sebab tertentu terdapat manusia yang tidak diketahui kuburnya. Sebabnya pelbagai, mungkin kerana ditelan binatang buas, terbakar hangus, berkecai jasadnya kerana kemalangan dan sebagainya.

Istilah yang tepat menurut al-Qur'an dan al-Hadis ialah *Alam Barzakh*. Menurut keyakinan (iqtikad) *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, setiap manusia akan berada di dalam satu alam yang dinamakan *alam barzakh*. Ia berada di antara alam pilihan (dunia) dengan alam akhirat. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam surah Al-Mukminun 23:99-100:

***Kesudahan golongan yang kufur ingkar itu apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara mereka, berkatalah dia: "Wahai Tuhanku, kembalikanlah daku (hidup semula di dunia) - Supaya aku mengerjakan amal-amal yang salih dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan".***

***Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang dia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (dinding) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada Hari Kiamat).***

Menurut kamus *Mukhtar al-Shahhah* (مختار الصحاح) oleh Abu Bakr Al-Razi, makna *barzakh* ialah *dinding pembatas antara dua benda*. Ia juga membawa makna apa yang terdapat di antara alam dunia dan alam akhirat sejak dari waktu kematian seseorang sehingga dia dibangkitkan. Jadi siapa yang mati maka itu bermakna dia telah masuk ke dalam *alam barzakh* **tanpa mengambil kira bagaimana cara kematiannya**.

### **Manusia Di Alam Barzakh**

Manusia terdiri daripada jasad dan roh sekalipun dengan hubungan antara keduanya yang bersifat sangat relatif (nisbi). Terdapat lima bentuk hubungan antara roh dan jasad, iaitu:

1. Hubungan antara roh dan jasad di dalam rahim ibu (janin).
2. Hubungan keduanya di muka bumi setelah dilahirkan.
3. Hubungan antara keduanya ketika tidur.
4. Hubungan antara keduanya ketika di *alam barzakh*.
5. Hubungan antara keduanya ketika dibangkitkan dari *alam barzakh*.

Walaupun roh berpisah setelah kematian namun perpisahan antara keduanya bukanlah perpisahan yang mutlak (*firaq kulliy*). Sungguh banyak dalil yang menjelaskan bahwa roh dikembalikan kepada jasad di dalam kubur ketika disoal oleh malaikat *Munkar* dan *Nakir*. Roh juga dikembalikan ketika menjawab salam orang yang menziarahi kubur. Pengembalian roh ini adalah pengembalian khas dan tidak semestinya pengembalian yang dapat menghidupkan jasad melainkan pada hari kebangkitan.

Sehubungan dengan hakikat ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menjadikan untuk manusia tiga peringkat kehidupan, yaitu:

1. Kehidupan Dunia.
2. Kehidupan *Barzakh*.
3. Kehidupan *Qarar*.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menjadikan bagi tiap-tiap kehidupan tersebut khas dengan hukum-hakamnya yang tersendiri berbeza dengan kehidupan yang lain. Manusia dijadikannya memiliki jasad dan roh.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menetapkan hukum-hakam di dunia berdasarkan jasad kasar manusia sedangkan roh hanya mengikutinya. Oleh sebab itu Allah menjadikan hukum-hakam syari'at didasarkan kepada ucapan lisan dan amalan anggota sekalipun rohaninya bercanggah dengan apa yang diucap atau yang diamalkan.

Adapun hukum-hakam *Barzakh*, Allah *Subhanahu wa Ta'ala*

menetapkannya berdasarkan roh sedangkan jasad kasarnya hanya mengikutinya. Ini berbeza dengan kehidupan di dunia sebagaimana yang telah diterangkan di atas. Oleh itu di alam *Barzakh* badan akan turut merasakan kepedihan azab jika rohnya disiksa sebagaimana badan akan turut merasakan nikmat jika roh mendapat nikmat. Ini kerana jasad adalah penyebab untuk mendapat nikmat atau sebaliknya siksaan.

Adapun pada Hari Kiamat ketika jasad dibangkitkan dari alam *Barzakh* untuk menghadap Allah, maka berhimpunlah jasad dan roh secara hakiki untuk menerima nikmat ataupun siksaan. Di alam akhirat inilah pertautan jasad dan roh menjadi yang paling sempurna. Ia melebihi pertautannya di alam yang lain kerana pertautan kali ini tidak akan dicemari oleh kematian, tidur, kerosakan dan sebagainya.

### **Azab Dan Nikmat Kubur Bukan Suatu Yang Mustahil**

Sungguh banyak perkara yang tidak dapat disaksikan oleh mata kasar di dalam alam dunia ini tetapi kita yakini akan kewujudannya. Malah bukan saja tentang kewujudannya tetapi apa yang dirasakan oleh rohani juga dapat dirasakan oleh jasmani. Di antara contoh perkara tersebut ialah:

1. Beberapa orang yang tidur nyenyak di atas satu hamparan. Di antara mereka ada yang bermimpi indah. Ketika bangun jasadnya turut merasakan nikmat yang dirasakan oleh rohnya ketika dalam mimpi.

Demikian sebaliknya bagi orang yang bermimpi buruk dan mengerikan. Bukan saja rohnya tersiksa tetapi badan juga terasa tersiksa. Mereka yang tidur berhampiran masing-masing tidak mengetahui apa yang dirasakan oleh rakannya. Jika perkara seperti ini tidak dapat kita ingkari hakikat kewujudannya maka demikianlah dengan *alam barzakh*, malahan kejadian di *alam barzakh* akan lebih hebat lagi.

2. Malaikat Jibril *'alaihissalam* yang turun membawa wahyu kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam bentuk seorang lelaki. Baginda dapat melihat dan mendengar ucapannya sedangkan para sahabat yang berada di sekeliling baginda tidak dapat melihat dan mendengarnya.
3. Para Jin bercakap dengan sesama mereka dengan suara yang lantang. Mereka berada ditengah-tengah umat manusia tetapi kita tidak mendengar pertuturan mereka.

### **Jahil, Sesat, Dusta**

Berdasarkan beberapa contoh di atas nyatalah bahawa azab dan nikmat kubur bukanlah suatu yang mustahil. Bagi mereka yang mempunyai keimanan yang mantap , ilmu pengetahuan agama yang mencukupi dan akur akan kekuasaan Allah yang tiada tandingannya pasti akan yakin tentang kewujudan

siksaan dan nikmat kuburan.

Hanya orang jahil dan sesat serta suka mendustakan ucapan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan meragukan kekuasaan Allah sahajalah yang akan mengingkari adanya azab dan nikmat kubur.

### **Mazhab Mu'tazilah**

Di antara umat Islam ada yang menganut fahaman *Mu'tazilah*. Di antara fahaman *Mu'tazilah* yang sangat bercanggah dengan fahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* ialah bahawa *Mu'tazilah* tidak percaya akan adanya azab dan nikmat kubur.<sup>2</sup> Mereka beranggapan kononnya azab dan nikmat kubur itu tidak rasional dan bercanggah dengan akal yang waras.

Mereka mendakwa antara lain, bagaimana manusia akan disiksa dan mendapat nikmat di dalam kubur padahal ada manusia yang tidak dikesan kuburnya? Bagaimana dengan mereka yang hancur tubuhnya kerana letupan bom, yang dimakan oleh binatang buas dan hangus terbakar menjadi abu? Semua pertanyaan ini hanya muncul dari orang yang jahil tentang makna alam kubur atau lebih tepat – *alam barzakh* sebagaimana yang dipaparkan di atas.

Pengarang kitab *al-Irsyad ila Shahih al-I'tiqad*, Dr. Salih Fauzan Al-Fauzan

---

<sup>2</sup> Perbezaan besar antara Mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan Mazhab *Mu'tazilah* adalah yang pertama mengutamakan wahyu di atas akal manakala yang kedua mengutamakan akal di atas wahyu. (Hafiz Firdaus).





***yang zalim itu dalam penderitaan "sokratul-maut" (ketika hendak putus nyawa), sedang malaikat-malaikat pula menghulurkan tangan mereka (memukul dan menyiksa orang-orang itu) sambil berkata (dengan menengking dan mengejek): "Keluarkanlah nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri); pada hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina (kamu) sehina-hinanya disebabkan apa yang telah kamu katakan terhadap Allah dengan tidak benar dan kamu pula (menolak dengan) sombong takbur akan ayat-ayat keteranganNya". [al-An'aam 6:93]***

Ungkapan ***...pada hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina...*** mengandung makna azab ketika akan mati atau azab di dalam alam Barzakh. Ini kerana seandainya yang dimaksudkan dengan azab pada ayat di atas adalah selepas Hari Kiamat maka sudah tentu ia tidak disebut sebagai ***...pada hari ini kamu dibalas.***

**Kedua:**

***Dan Firaun bersama-sama kaumnya ditimpa azab seksa yang seburuk-buruknya. Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!" [al-Mukmin 40:45-46]***

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memperlihatkan (mendedahkan) azab kepada Firaun dan pengikutnya pagi dan petang lalu kemudian menyiksa mereka dengan azab yang keras setelah kiamat. Ini bermakna azab sebelum kiamat itu adalah azab kubur dan bukan azab di akhirat (neraka) mahupun di dunia. Ini kerana:

1. Azab tersebut berlaku sebelum kiamat.
2. Di alam akhirat tidak ada pagi dan petang.
3. Azab tidak diperlihatkan ('aradh) kepada Fir'aun di dunia.
4. Ayat ini untuk umum tidak hanya khusus untuk Fir'aun dan pengikutnya saja. (Kaedah Ilmu Tafsir)

**Ketiga:**

***Disebabkan dosa-dosa dan kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan, kemudian dimasukkan ke dalam neraka; maka mereka tidak akan beroleh sebarang penolong yang lain dari Allah (yang dapat memberikan pertolongan).*** [Nuh 71:25]

Ayat ini menyatakan azab yang ditimpakan ke atas orang-orang dari umat Nabi Nuh *'alaihissalam*. Setelah mereka ditenggelamkan kerana kesalahan-kesalahan mereka (فأدخلوا ناراً) الله sambung dengan (ماخطبناهم أغرقوا) ***kemudian dimasukkan ke dalam neraka.*** Maksud ***neraka*** di sini ialah azab di alam Barzakh dan bukan di alam setelah Kiamat sebab kata sambung (*'ataf*) yang

digunakan dalam ayat di atas adalah huruf (الفاء) = (فَأَدْخَلُوا). Menurut kaedah bahasa Arab, kegunaan kata sambung (الفاء) mengandungi makna tertib yang dekat bukan berselang lama. Kaedah tersebut dalam bahasa Arab disebut:

! !!!!!!! !!! !!!!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!! ! !!!!!!! !

Atas dasar kaedah ini maka maksud ayat di atas adalah, umat Nuh yang derhaka itu dimasukkan terus ke dalam neraka setelah mereka ditenggelamkan tanpa menunggu lama. Demikianlah menurut zahir ayat. Ia tidak bermaksud azab api neraka setelah Hari Kiamat kerana azab tersebut masih lama setelah kejadian taufan Nabi Nuh a.s.

#### **Keempat:**

***Bermegah-megahan telah melalaikan kamu , sampai kamu masuk ke dalam kubur.*** [al-Takaathur 102:1-2]

Diriwayatkan bahawa 'Ali *radhiallahu 'anh* berkata: Kami masih meragukan akan adanya azab kubur sehingga turunlah ayat ini. (*Sunan al-Tirmizi, Kitab al-Tafsir, no: 3413*)

**Kelima:**

***Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit dan Kami akan himpulkan dia pada Hari Kiamat dalam keadaan buta.!*** [Ta-Ha 20:124]

Imam Ibn Katsir ketika menafsirkan ayat di atas mengemukakan sebuah hadis daripada Abi Hurairah *radhiallahu 'anh* bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* berkata tentang firman Allah: ***فإن له معيشة ضيقة*** ***maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit***, maksudnya adalah azab kubur. Berkata Imam Ibn Katsir setelah itu: "Isnadnya *jayyid* (baik)."

**Dalil-dalil Daripada al-Hadis**

Jika direnung dengan cermat hadis-hadis yang berkaitan dengan azab dan nikmat kubur nescaya kita akan dapati bahawa hadis-hadis tersebut adalah perincian terhadap ayat-ayat Al-Quran yang berhubungan dengannya. Adapun hadis-hadis tersebut, antaranya adalah:

**Pertama:**

!!! ١٥ !!!!! !!!!!!!! !! !!!!!!!É!!! !! !! !!!!!!! !!!!!!!É!!! ! !!! !!!!! !!!!! !





***penghuni kubur ini) sedang disiksa di dalam kubur mereka. Andaikata mereka tidak dikuburkan nescaya aku memohon kepada Allah agar Dia memperdengarkan kepada kamu siksaan kubur sebagaimana yang aku mendengarnya.*** [Shahih Muslim, Kitab Syurga dan sifatnya dan nikmatnya dan ahlinya, no: 2867]

**Ketiga:**

!!! !!! !!!!!!!! !!! !! !!!!!!É!! !! !! !!!!! !!!!!É!! ! !!!!!!!! !!! !

!!° !!!!! !!!!!!! !! !!!!!!!! !!! !! !!!!! !!!!! !!!!!É!!!!!! !! !! !!!!! !

!!!° ! !!!!! !É!!!!!! !!!!! !! !!!!! !!!!!

***Daripada Abi Hurairah radhiallahu 'anh bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Jika salah seorang dari kamu selesai membaca tasyahhud akhir (dalam solatnya) maka hendaklah ia memohon kepada Allah daripada empat perkara: Daripada azab Jahannam, daripada azab kubur, daripada fitnah hidup serta mati dan daripada fitnah Dajjal."*** [Shahih Muslim, Kitab Masjid, no: 588]





26

6366]

!

### **Ghaib Hakiki dan Ghaib Idhafi**

Pada asalnya hanya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang mengetahui akan perkara ghaib. Ini sebagaimana firman-Nya:

***Katakanlah lagi: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah! Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).*** [al-Naml 27:65]

Namun demikian menurut pandangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga berkuasa untuk memberitahu Rasul-Nya beberapa perkara ghaib. Ini berdasarkan firman-Nya:!

***Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuinya itu kepada sesiapa pun - Melainkan kepada mana-mana Rasul yang di redai-Nya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka Ia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan).*** [al-Jinn 72:26-27]

Atas dasar itulah kita yang bermazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* membahagi perkara ghaib kepada dua jenis, iaitu:

1. *Ghaib Hakiki*, iaitu perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah. Tidak seorangpun dari kalangan makhluk-Nya yang mengetahui jenis ghaib ini walaupun Malaikat ataupun para Rasul. Contohnya: Bilakah kiamat akan terjadi.
2. *Ghaib Idhafi*, iaitu beberapa perkara ghaib yang dapat diketahui oleh para Rasul kerana mereka diberitahu oleh Allah melalui wahyu. Contohnya: Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dapat menyatakan beberapa tanda-tanda kiamat yang bakal terjadi seperti matahari akan terbit dari sebelah barat, pengembala miskin akan memiliki bangunan tinggi dan lain-lain.

Kewujudan *ghaib idhafi* diperkuatkan lagi oleh firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat-ayat berikut:

***Dan bukanlah Nabi Muhammad seorang yang boleh dituduh dan disangka buruk, terhadap penyampaiannya mengenai perkara-perkara yang ghaib.*** [al-Takwir 81:24]

Oleh itu adalah keliru jika ada orang yang mendakwa kononnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak ada *authority* untuk menyatakan perkara-perkara ghaib. Ini kerana baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* mempunyai keistimewaan yang tidak dimiliki oleh manusia biasa walaupun bergelar bomoh atau dukun. Baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* mendapat wahyu dan ucapan

baginda adalah juga berdasarkan wahyu, bukan berdasarkan hawa nafsu. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan di dalam Al-Quran:

***Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang manusia seperti kamu yang diwahyukan kepadaku bahawa ..."***  
[al-Kahf 18:110]

***Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.*** [al-Najm 53:3-4]

### **Al-Qur'an dan al-Hadis**

Sungguh banyak ayat Al-Quran yang menyuruh kita orang-orang yang beriman agar mematuhi Allah dan Rasul-Nya. Malahan jika terjadi percanggahan pendapat di antara sesama kita tentang sesuatu perkara kita disuruh agar mengembalikan perkara tersebut kepada Allah dan Rasul-Nya iaitu kepada Al-Quran dan Al-Hadis. Ini berdasarkan firman Allah:

***Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.***

***Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada***

***(Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. [al-Nisa' 4:59]***

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bukan hanya bertugas sebagai "posmen" atau penyampai risalah Allah kepada umatnya sebagaimana dakwaan golongan anti hadis, tetapi baginda juga pada masa yang sama bertugas sebagai penjelas terhadap keumuman atau apa yang tersirat di dalam Al-Quran. Tugas ini diperjelaskan sendiri oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam firman-Nya :

***Dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya. [al-Nahl 16:44]***

Atas sebab itu walaupun Al-Quran tidak memperincikan secara jelas tentang azab dan nikmat kubur, penjelasan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tentangnya secara terperinci wajib kita imani dan pegangi. Apalagi hadis-hadis yang menerangkan tentang azab dan nikmat kubur sebagaimana yang dipaparkan di atas adalah hadis-hadis yang sahih belaka.

### **Sebab-Sebab Azab Kubur**

Al-'Allamah Al-Safaarainiy berkata, sebab-sebab penghuni kuburan disiksa terbagi kepada dua bahagian, iaitu:

1. *Mujmal* (umum). Mereka disiksa di dalam kubur kerana kejahilan mereka terhadap Allah dan enggan mematuhi suruhan Allah serta melakukan maksiat. Azab kubur dan azab akhirat adalah akibat daripada murka Allah kepada hamba-Nya. Siapa yang dimurkai Allah di dunia ini kerana durhaka kepada-Nya dan tidak segera taubat kepada-Nya lalu mati dalam keadaan demikian maka untuknya azab kubur setimpal dengan kemurkaan Allah kepadanya.
2. *Mufassal* (Terperinci). Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah diperlihatkan dan diperdengarkan azab kubur ketika baginda melalui dua kuburan, yang satu disiksa kerana suka menceritakan keburukan orang sedangkan yang satu lagi kerana tidak menjaga kebersihan ketika buang air kecil. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bermimpi (semua mimpi para rasul adalah wahyu) diperlihatkan oleh Allah kepadanya sebab-sebab manusia disiksa di dalam kubur seperti orang yang solat tanpa bersuci (taharah), orang yang melalui seseorang yang sedang dizalimi lalu enggan menolongnya, orang yang membaca Al-Quran lalu tidur pada malamnya kemudian tidak mengamalkan apa yang dibacanya itu pada waktu siang, orang yang berzina, orang yang makan riba, orang yang malas solat Subuh, orang yang enggan mengeluarkan zakat, orang yang gemar menyibar fitnah di dalam masyarakat, orang yang takabbur (sombong), orang yang ria' dan orang yang suka mencaci orang lain sama ada melalui ucapan atau tindakannya. (Riwayat al-Bukhari)

**Kitab Rujukan**

1. *Aqidah Al-Wasitiyyah*; Ibn Taimiyah.
2. *Al-Roh*; Ibn Qayyim
3. *Al-Irsyad Ilaa Sahih Al-I'tiqad*; Dr. Saleh Bin Fauzan Al-Fauzan
4. *Al-Hayat Al-Barzakhyyah*; Muhammad Al-Zahir Khalifah
5. *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*; Ibn Kathir.
6. *Ahkaam Al-Janaaz*; Nasiruddin Al-Albaaniy.
7. *Lum'at Al-I'tiqad Al-Haadi Ilaa Sabil Al-Rasyad*; Ibn Qudamah Al-Muqaddasiy; Syarh: Syeikh Muhammad Bin Saleh Al-'Utsaimin.

## **Serangan Terhadap Isu Aurat Wanita**

Oleh

Ustaz Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin.<sup>3</sup>

Episod serangan pemikiran Barat terhadap Islam dan umatnya bukanlah perkara baru. Ini melalui tulisan golongan orientalis mereka dan kempen media massa yang dikuasai Barat. Malangnya terdapat di kalangan umat secara sedar ataupun tidak, sedikit sebanyak termakan dengan serangan mereka. Benteng umat Islam dalam hal ini ialah pegangan Ahli al-Sunnah wa al-Jama`ah yang bersepakat tanpa khilaf bahawa untuk memahami Islam rujukannya ialah al-Quran dan al-Sunnah. Pandangan setiap individu hendak dinilai dengan dua neraca ini.

Antara perkara yang cuba dipertikaikan oleh Barat ialah persoalan aurat wanita di dalam Islam. Mereka menganggap kadar aurat yang dinyatakan oleh nas-nas Islam telah mengongkong kebebasan wanita. Cara yang terbaik bagi mereka ialah wanita diberi kebebasan dalam menampilkan tubuh mereka yang

---

<sup>3</sup> Artikel ini adalah ihsan daripada *Majalah i* edisi Mac 2004. ([www.karangkraf.com.my](http://www.karangkraf.com.my)). Ustaz Dr. Mohd. Asri kini adalah pensyarah di USM, Penang dan merupakan orang yang banyak membantu saya (Hafiz Firdaus) dalam mengkaji dan menulis ilmu-ilmu agama. Semoga Allah memelihara beliau dan mempermudahkannya untuk terus mendalami ilmu dan menyampaikannya kepada umat Islam seluruhnya.



merupakan aset besar bagi diri wanita itu sendiri. Maka kita lihat bagaimana wanita-wanita Barat mendedahkan tubuh mereka dan menggayakan tingkah laku seks mereka. Ini bagi mereka lambang ketamadunan dan kebebasan.

Ada segelintir di kalangan umat yang terpengaruh dengan dakwah ini. Antaranya mempertikaikan batas-batas aurat wanita dalam Islam. Sebagai langkah awal maka muncullah pandangan yang menganggap rambut wanita bukanlah aurat dan menutup kepala itu sebenarnya menutup akal. Pandangan ini sebenarnya tidak lebih hanya petikan pandangan dua orang tokoh Mesir yang mendewakan kehidupan Barat iaitu Al-`Ashmawi dan `Abd al-`Azim Ramadhan. Keduanya menganggap kepala wanita bukanlah aurat dan menutup kepala itu sebenarnya menutup akal. Sebenarnya pandangan mereka itu telah dijawab oleh Mufti Mesir Muhammad `Ali at-Tantawi dan tokoh mufassir Mesir, as-Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya`rawi r.h. Sesiapa yang inginkan pendetilannya boleh rujuk buku "*al-Gharah `ala al-Hijab*". Buku tersebut menyebut hujah-hujah kedua lelaki berkenaan serta jawapan at-Tantawi dan al-Mutawaali asy-Sya`rawi terhadap mereka.

### **Mengapa Timbul Penentangan Terhadap Hijab?**

Perjuangan menentang hijab berlaku sejak dahulu lagi. Kononnya hijab adalah punca kemunduran dunia Islam. Mereka lupa bahawa punca kemunduran sebenar ialah kerana kita meninggalkan agama yang tulen dan membiarkan kepalsuan, bid`ah serta kemungkaran hidup dalam masyarakat. Mereka ini akan

cuba mengulas nas-nas al-Quran dan al-Sunnah agar menepati kehendak mereka, dan kehendak mereka pula selalunya selari dengan Barat. Marqus Fahmi dalam tulisannya al-Marah fi asy-Syarq juga mempertikaikan hijab. Tulisan beliau telah dijawab oleh tokoh-tokoh cendekiawan Islam semasa, termasuk Anwar al-Jundi.

Persoalan aurat sudah banyak dibahasakan. Setiap pengkaji Islam boleh merujuk kitab-kitab tafsir yang beralaskan nas-nas syarak dalam menafsirkan Surah al-Ahzab ayat 59 dan al-Nur ayat 60.

Dalam Surah al-Ahzab, Allah berfirman:!

***"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan ke atas tubuh mereka pakaian mereka, cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."***

Dalam Surah al-Nur pula Allah menyatakan:!

***"Dan mana-mana perempuan tua yang telah putus kedatangan haid, yang tidak mempunyai harapan berkahwin lagi maka tidak ada salahnya mereka menanggalkan pakaian luarnya, dengan tidak bertujuan mendedahkan perhiasan mereka; dalam pada itu perbuatan mereka menjaga kehormatannya (dengan tidak menanggalkan pakaian luarnya***

***itu adalah) lebih baik bagi mereka; dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”***

Para ulama dalam hal ini, ada yang bertegas menyatakan seluruh tubuh wanita adalah aurat. Ini seperti yang dipegang oleh kebanyakan ulama di Saudi sekarang. Sesiapa yang ingin pendetilan bolehlah merujuk kepada kitab-kitab fatwa para ulama di Saudi, antaranya; buku *al-Hijab* yang ditulis oleh as-Syeikh Soleh Fauzan. Sementara jumhur (majoriti) ulama pula menyatakan muka dan tapak tangan tidak termasuk dalam aurat. Hujah-hujah yang kuat dalam masalah ini telah dijelaskan as-Syeikh Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya *Al-Niqab lil al-Mar'ah baina al-Qaul bi bid'atih wa al-Qaul bi Ujubih*.

Saya amat cenderung kepada pendapat jumhur ini. Dalam majalah ini juga saya pernah mengemukakan rencana khas yang membuktikan bahawa pendapat yang terkuat, wajah wanita bukannya aurat. Ada fuqaha mazhab Hanafi yang lebih longgar, membenarkan pergelangan kaki dibuka. Abd al-Karim Zaidan telah menghimpunkan perbincangan ini dalam tulisannya *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Saya tidak bercadang untuk mendetilkan persoalan ini, sebaliknya sekadar untuk menjelaskan bahawa adalah lebih baik para pembaca merujuk kepada para ilmuan dan cendekiawan Islam yang dipercayai agamanya dari merujuk kepada beberapa kerat penulis jalanan yang diragui diri dan ilmunya.

**Pengaruh Pemikiran Barat**

Persoalannya, mengapakah isu tutup aurat sering kali diserang? Apakah tujuannya? Serangan ini muncul sejak lama lagi. Antara puncanya adalah tindak balas umat Islam terhadap perkembangan yang berlaku di dunia Barat. Barat yang sebelumnya ketinggalan jauh di bandingkan kemajuan yang pernah dicapai oleh umat Islam kembali berjaya menguasai tamadun kebendaan dan cuba memunculkan diri mereka sebagai simbol kejayaan tamadun manusia moden. Ini sebenarnya hasil kecuaiannya umat Islam terutama golongan agama dan pemerintah. Golongan agama yang tidak faham telah menjadikan agama begitu jumud menolak kemodenan dan hanya tertumpu kepada persoalan fardu `ain. Sementara banyak pemerintah umat Islam hanya mementingkan diri dan meninggalkan umat. Justeru itu semua pandangan kebanyakan bangsa tertumpu kepada Barat, termasuklah umat Islam. Barat telah dianggap kononnya simbol kepada gaya hidup zaman moden, juga kononnya mereka adalah pejuang hak dan kebebasan manusia moden.

Dalam menghadapi cabaran ini, maka tiga sikap utama telah muncul di tengah umat Islam yang telah ketinggalan ke belakang:

**Pertama:** Di kalangan mereka ada yang menerima apa sahaja dari Barat dan menolak agama serta tidak menghiraukan langsung nas-nas agama. Ini seperti Taha Hussain di Mesir. Beliau menyeru agar Mesir mencontohi dan meninggalkan keislamannya untuk maju ke hadapan. Katanya dalam bukunya *Mustaqbal ath-Thaqafah fi Misr*:

Jalan ke arah itu hanyalah satu..iaitu kita mesti mengikut jejak langkah orang-orang Eropah dan cara mereka. Kita mesti menjadi sekutu mereka dan rakan kongsi dalam ketamadunan, sama ada yang baik atau yang buruk, sama ada yang manis atau yang pahit, sama ada yang disukai atau yang dicercai.

Bahkan dalam beberapa tempat beliau dengan jelas mengajak agar Mesir meniru Eropah sekalipun dalam beragama. Bagi golongan ini, menutup aurat sudah pasti ditentang oleh mereka kerana ianya boleh membezakan kita dengan Barat.

Ahmad Reda Bik yang merupakan penyeru agar ditumbangkan sistem pemerintahan Islam di Turki menganggap bahawa selagi lelaki dan wanita Turki tidak bercampur bebas dan membuka hijabnya maka tiada kedaulatan undang-undang dan kebebasan di Turki. (lihat: *al-Ittijah al-Wataniah fi al-Adab al-Mu`asir*, jld 2, m.s. 273)

**Golongan yang kedua:** Mereka tidak menyatakan mereka menolak agama tetapi apa yang mereka lakukan ialah cuba menafsirkan nas-nas Islam agar sesuai dengan kehidupan moden di Barat. Apa sahaja nas al-Quran atau as-Sunnah yang menyanggah Barat akan cuba ditakwil sedaya upaya agar dapat disesuaikan dengan cara hidup di Barat. Bagi mereka seolah-olah kehidupan Barat adalah asas dan nas-nas mesti disesuaikan dengannya. Sedangkan dalam manhaj (methodologi) Islam nas-nas al-Quran adalah asas dan kehidupan mesti disesuaikan dengannya bukan sebaliknya. Ini seperti yang disebut oleh al-

Qaradawi dalam *al-Marji`iyyah al-`Ulya fi al-Islam*: "Mereka menuntut agar Islam berubah tetapi mereka tidak meminta agar perubahan diislamkan".

Sebab itu saya katakan, kalaulah sekiranya wanita Barat memakai purdah, percayalah mereka (golongan kedua ini) sungguh-sungguh akan mempertahankan dalil wajib memakai purdah. Kalau wanita Barat bertudung nescaya bersungguh-sungguh mereka (golongan kedua) akan kumpulkan dalil wajib bertudung kepala. Namun oleh kerana mereka melihat dunia Barat tidak menutup aurat seperti wanita Islam, maka segala nas agama cuba ditafsirkan agar bersesuaian dengan keadaan tersebut. Lihat apa kata seorang tokoh mereka, Dr. `Imad `Abd al-Hamid an-Najar dalam *Jaridah al-`Akhbar*:

...adapun mengenai hijab dan percampuran antara wanita dan lelaki dalam kehidupan harian, ini adalah perkara yang boleh ditentukan oleh sesebuah masyarakat berdasarkan keadaannya. Bagi setiap masyarakat ada pakaian dan cara-cara yang memudahkan individunya. Apa yang disebut oleh al-Quran mengenai hijab adalah khusus untuk isteri-isteri Rasulullah. Hukum-hakam ini bukanlah semestinya berkaitan dengan seluruh wanita."

### **Aliran Islam Liberal**

Dewasa ini ada yang menamakan golongan ini sebagai aliran Islam Amerika atau Islam Liberal. Mereka ini tidak menyatakan yang mereka ingin

meninggalkan agama tetapi mereka menafsirkan agama seiras pandangan-pandangan umum yang diterima oleh masyarakat Barat. Sedangkan, disiplin asas dalam pengkajian nas (teks) hendaklah nas-nas yang menentukan sesuatu keputusan bukan keputusan yang menentukan tafsiran nas. Kata tokoh tafsir, Dr. Solah al-Khalidi dalam buku *Mafatih li at-Ta`amul ma`a al-Quran*:

Sesungguhnya sebahagian manusia telah tersalah dalam hubungan mereka dengan al-Quran. Mereka memasuki alam al-Quran yang luas dengan cara yang tidak betul. Di kalangan mereka ada yang membawa bersamanya (dalam memasuki alam al-Quran) himpunan ilmu pengetahuan, *thaqafah*, akhlaq, adat istiadat dan sikap yang bertentangan dengan arahan al-Quran, maka cahaya al-Quran terhalang darinya. Ada pula yang memasuki alam al-Quran dengan suatu pemikiran sebelumnya yang mengganggu fikirannya ketika dia melihat al-Quran maka terhalanglah pandangannya, lantas dia terjatuh dalam kekaburan dan kekeliruan. Ada pula yang mengambil al-Quran dengan niat serta latarbelakang tertentu, juga tujuan yang hendak diperolehnya maka dia menyelewengkan jalannya, memutar belitkan, memaksa-maksa dalil dan nas dan memayah-mayahkan ulasan untuk dijadikan alasan bagi dirinya.....

Dengan melalui kaedah yang salah ini, segala dalil akan ditafsirkan agar serasi dengan kehendak yang diputuskan. Inilah cara al-Quran diperalatkan. Sesiapa yang ingin penjelasan yang mendalam dalam bab ini, dia boleh merujuk

kepada buku tulisan al-Khalidi di atas.

**Golongan ketiga:** (Adalah mereka yang) menapis apa yang ada di Barat dengan tapisan Islam. Kemajuan diakui, bahkan kemajuan yang dinikmati di Barat adalah cedokan dari kemajuan yang pernah wujud di dunia Islam dahulu. Bukan semua yang ada di Barat mesti ditolak. Namun bukan semua mesti diterima. Timbangannya ialah tafsiran yang betul terhadap nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Islam adalah agama yang hidup dan sesuai untuk segala masa dan zaman. Kaedah syarak' juga menyatakan bahawa "tidak dinafikan perubahan fatwa dengan perubahan zaman". Tetapi hendaklah dibezakan bahawa di dalam ajaran Islam ada perkara yang tetap dan yang boleh berubah. Inilah golongan dan pendirian umat Islam yang lurus dengan agamanya.

Dengan penuh kesedaran juga, saya katakan, masih ada perkara-perkara yang berhajat kepada semakan di dalam ajaran Islam yang diamalkan, terutama yang membabitkan persoalan ijtihad. Namun hendaklah dibekalkan dalam jiwa pengkaji perasaan takutkan Allah dalam memetik hukum-hakam. Banyak juga perkara-perkara baru yang ditimbulkan oleh kemajuan Barat perlu dinilai dengan perasaan yang adil dan saksama. Pintu ijtihad terbuka dan tiada siapa berhak menutupnya. Bagaimanapun bagi ijtihad itu ada syarat-syarat yang tidak boleh diketepikan dengan mudah.



## **Membantah Azab Kubur Menyanggah Akidah Ahli Sunnah Wa Jamaah**

Oleh

Ustaz Dr. Mohd Asri Zainul Abidin<sup>4</sup>

Malang bagi umat ini apabila munculnya golongan yang cuba menjadikan syak dan hilang keyakinan orang ramai terhadap agama sebagai modalnya dalam mencari populariti dan keuntungan dunia semata. Mungkin juga mereka ini menganggap ini sebagai satu kerja yang boleh menarik perhatian orang ramai seperti mana bomoh sihir yang cuba menarik pelanggannya. Dia akan berasa puas apabila pelanggan yang tidak tahu muslihat sihir atau syaitan yang digunakannya, kagum dan terpesona lalu menganggap dia sebagai bijak dan luar biasa. Namun bagi yang mengetahui muslihatnya tidak akan merasai sebarang kehairanan. Bak kata pepatah Arab "apabila tahu sebab, hilanglah kehairanan". Sebaliknya yang tahu menilai akan dapat menghitung sejauh mana bomoh tersebut telah tenggelam dalam dunia kesyirikannya.

Bagi bomoh pula apa yang difikirkannya ialah sejauh manakah dia dapat mencari makan dengan bantuan syaitan. Dia sanggup membuat tuduhan palsu, kenyataan yang boleh memporak-perandakan masyarakat, kaum keluarga, suami isteri dan seterusnya. Demikian juga dia menimbulkan syak wasangka antara satu sama lain, tuduh menuduh dan hilangnya keyakinan. Mereka yang jahil dan

---

<sup>4</sup> Artikel ini adalah ihsan daripada *Majalah i* edisi April 2004.

lemah akidahnya akan terpengaruh dan terjerumus bersamanya di dalam kesesatan. Ia mengaut keuntungan daripada kejahilan dan kelemahan orang lain. Dua orang yang bersahabat baik, mungkin menjadi musuh, syak, ragu dan bersangka buruk antara satu sama lain di atas ramalan dan tuduhannya. Bomoh sihir sebenarnya hidup di atas penderitaan akidah dan keruntuhan keyakinan orang lain.

Apa yang nyata, agama tidak wajar diperlakukan demikian. Seorang tokoh agama, atau da'i mempersembahkan Islam kepada orang ramai dengan keikhlasan hatinya. Dia berusaha mengeluarkan insan daripada kejahilan kepada cahaya petunjuk. Daripada permusuhan kepada persaudaraan. Daripada syak terhadap Allah dan Rasul-Nya, kepada keyakinan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap keduanya. Dia berusaha agar manusia berpegang kepada Islam, bukan mempertikaikannya. Hatinya ikhlas, jiwanya luhur dalam menyampaikan agama dan membimbing manusia. Dia wajar selalu bertanya, apakah kesan terhadap agama daripada kenyataan atau tulisanku ini? Sekiranya kenyataan itu membawa keredaan Allah, diteruskan sekalipun manusia membantah. Sekiranya membawa kepada kemurkaan Allah, dia berhenti sekalipun orang ramai menyokong. Agama terbina dan bangkit di atas keikhlasan orang yang seperti ini. Agama runtuh apabila ianya dijadikan saluran untuk menempa tempat, nama dan harta semata.

### **Mengapa Azab Kubur Dipertikai?**

Saya amat hairan, apakah faedahnya individu yang menimbulkan isu sama ada azab kubur wujud atau tidak? Mempertikaikan pula hadis-hadis yang berkaitan dengannya dengan dakwaan-dakwaan yang salah lagi palsu. Dia cuba untuk mengandaikan perkara-perkara ghaib dengan akal ceteknya semata.

Berita-berita tentang kubur adalah perkara ghaib. Kita tidak melihatnya tetapi beriman menerusi perkhabaran yang disampaikan Allah dan Rasul-Nya. Demikianlah salah satu ciri seorang mukmin, dia beriman kepada perkara-perkara yang datang menerusi sumber al-Quran dan al-Sunnah. Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya *Al-Marji'iyah al-'Ulya fi al-Islam li al-Quran wa al-Sunnah* memetik huraian al-Imam al-Syatibi (w. 791H) mengenai golongan sesat pada zamannya yang membelakangkan dalil-dalil syarak, menolak hadis-hadis sahih semata-mata kerana akal dan hawa nafsu. Setelah memetik ungkapan al-Imam al-Syatibi, al-Qaradawi menyebut:

Bagi mereka itu ada murid-muridnya pada zaman kita ini yang diiklankan perkataan-perkataan mereka. Mereka berbangga dengan dakwaan aqlaniyyah (menggunakan akal) dan ilmiah. Mereka menolak hadis-hadis yang menceritakan mengenai perkara ghaib (unseen) dan sam'iyat (perkara yang hanya diketahui menerusi perkhabaran dan tidak dapat disaksikan dengan mata) seperti malaikat, syaitan, hal-hal di dalam kubur dan kejadian-kejadian hari kiamat dan penjelasan yang sahih mengenai Syurga dan Neraka.

Mereka mendakwa sesungguhnya ilmu tidak dapat membuktikannya. Mereka lupa bahawa sesungguhnya insan tidak mengetahui mengenai alam nyata di sekelilingnya melainkan hanya tiga peratus. Adapun sembilan puluh tujuh peratus insan jahil mengenainya. Bahkan ilmu moden membuktikan bahawa insan sekalipun menemui banyak fenomena-fenomena alam, mengetahui sistem falak, zarah dan benda-benda lain, namun dia masih jahil mengenai hakikat dirinya sendiri. (al-Qaradawi, *Al-Marji'iyah al-'Ulya fi al-Islam li al-Quran wa al-Sunnah*, m.s 134, cetakan: Muassasah al-Risalah, Beirut).

Azab kubur adalah perkara ghaib. Tanpa kepercayaan terhadap khabar dari Allah dan Rasul-Nya s.a.w memang sukar untuk kita menerima kewujudannya. Jika tidak kerana perkhabaran yang disampaikan Allah dan Rasul-Nya kita juga tidak ingin mempercayainya. Namun, demikianlah golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, mereka sentiasa menjadikan akal tunduk kepada dalil-dalil syarak. Berbeza dengan *mu'tazilah* dan golongan yang berkiblat kepada akal dan barat yang menyatakan nas-nas syarak hendaklah tunduk kepada akal mereka, nas-nas syarak akan tertolak jika menyanggah akal mereka. Mereka ini bertanya: "bagaimana wujudnya azab kubur, sedang ada orang yang mati tidak berkubur?"

Kita katakan bahawa menyandarkan perkataan azab kepada kubur hanyalah atas kebiasaan manusia mati berkubur. Bukanlah bererti Allah tidak mampu mengazabkannya jika dia tidak berkubur. Allah Maha Berkuasa di atas

segalanya. Sama seperti kita menyandarkan perkataan kedai kepada kopi, lalu kita sebut kedai kopi. Ini bukan bererti kedai tersebut mesti 24 jam ada kopi. Juga tidak bermaksud jika kopi kehabisan di kedai tersebut maka ia mesti ditutup atau ditukar namanya. Sandaran ini untuk menunjukkan pada kebiasaan atau lazimnya. Ini sebenarnya perkara yang mudah untuk dimengertikan. Malang ia tidak mampu difahami oleh orang mengakui bijak dan kuat berfikir. Kata al-Syeikh 'Abd al-Rahman Habannakah al-Maidani dalam buku *Al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*:

Maksud nikmat dan azab kubur ialah nikmat dan azab pada *alam barzakh* di antara kematian dan kebangkitan (kiamat). Sama ada ia berlaku di dalam kubur ataupun selain kubur. Disandarkan kepada ungkapan kubur memandangkan kebanyakan orang mati dikuburkan. ('Abd al-Rahman Habannakah al-Maidani, *Al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha* m.s. 551, cetakan: Dar al-Qalam, Damsyik).

Kata Dr. Said Ramadan al-Buti (tokoh yang selalu dipetik oleh majalah *al-Islam*) dalam bukunya *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kauniyyah* ketika menghuraikan mengenai soalan dua malaikat di dalam kubur:

Sesungguhnya menyandarkan perkataan soalan kepada kubur (soalan kubur) adalah atas kebiasaan, di mana kebiasaannya mereka yang mati dikebumikan di dalam kubur...jika engkau bertanya: "Bagaimana boleh berlakunya soal dan jawab sedangkan insan mati dalam berbagai keadaan?" Jawapannya:

Sesungguhnya perkara ini dalam ruang apa yang boleh berlaku, bukan daripada perkara-perkara yang mustahil...bukan susah bagi Allah *Jalla Jalaluh* untuk membalikkan kehidupan sekali lagi di atas zarah-zarah jasad, sama ada ia berhimpun dalam kubur, atau bertebaran di bumi yang luas, atau bertaburan dalam perut binatang buas. Lalu Allah jadikan dia sedar soal-jawab kubur dan melihat malaikat yang bertanya dan bercakap dengannya. Tidak ada kepentingan kehendak engkau untuk mengetahui cara bagaimana ia berlaku. Ini kerana kehidupan selepas kematian berkait dengan sistem yang lain, yang benar-benar berbeza dengan sistem kehidupan alam yang kita lihat. (Al-Buti, *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kauniyyah*, m.s. 310-311, cetakan Dar al-Fikr al-Mu'asir, Beirut).

Bahkan al-Buti dalam buku yang sama, setelah menyebut dalil-dalil yang nyata mengenai azab kubur, menyatakan:

Apabila engkau mengetahui ini, maka kami katakan: Adapun ingkar sama sekali terhadap kewujudan azab kubur adalah membawa kepada kekufuran. Ini kerana telah terbukti dalil yang putus mengenainya. (Ibid, m.s. 313).

### **Isyarat Al-Quran Berkaitan Azab Kubur**

Apakah benar al-Quran tidak menyentuh atau mengisyaratkan sama sekali tentang azab kubur? Ini sebenarnya dakwaan daripada mereka yang tidak memerhatikan ayat-ayat al-Quran dengan teliti. Firman Allah dalam Surah al-Mukminun 23 ayat 99-100:

***Sehingga apabila tiba maut kepada salah seorang di kalangan mereka, berkatalah ia: Wahai Tuhanku, kembalikanlah daku (hidup semula di dunia). Supaya aku dapat mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan. Tidak! Bahkan sesungguhnya ia hanya perkataan yang dia ucapkan, sedang di hadapan mereka ada barzakh hingga hari mereka dibangkitkan semula.***

Firman Allah dalam Surah al-Ghafir 40 ayat 46:

***Mereka didedahkan kepada api neraka pada waktu pagi dan petang, dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): "Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang sedahsyat-dahsyatnya!"***

Apakah yang dimaksudkan dengan "Mereka didedahkan kepada api neraka pada waktu pagi dan petang"? Ia bermaksud azab sebelum hari kiamat. Ini kerana ayat selepas itu menyebut, yang maksudnya: "dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang sedahsyat-dahsyatnya!". Jelas

sekali azab yang pertama ialah azab sebelum kiamat yang dibentangkan kepada mereka pada waktu pagi dan petang.

Dalam Surah Ibrahim 14, ayat 27:

***Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat.***

Diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari daripada al-Barra bin 'Azib r.a.: "Ayat ini diturunkan mengenai azab kubur".

Justeru di dalam *Sahih al-Bukhari*, al-Imam al-Bukhari (w. 256H) meletakkannya dalam bab "*Ma ja a fi 'azab al-Qabr*" (dalil-dalil mengenai azab kubur) ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan azab kubur.

Sekiranya dikatakan bahawa ayat-ayat al-Quran tidak secara terang menyebut perkataan azab kubur. Kita katakan; namun al-Sunnah menyebutnya secara jelas, terang dan banyak sehingga ke peringkat mutawatir iaitu keyakinan bahawa ia bersumber daripada Rasulullah s.a.w. tidak dapat disangkal lagi. Walaupun secara lafaz ia tidak *mutawatir* tetapi secara makna ia *mutawatir*. Sesiapa mengingkarinya ternyata jahil atau tidak beriman dengan al-Sunnah. Ini diakui oleh para imam Ahli Sunnah wa Jama'ah yang faham mengenai selok belok hadis-hadis Nabi s.a.w. Antaranya:

- Berkata Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah (w. 728H) dalam *Majmu' al-Fatawa*: "Adapun hadith-hadith azab kubur dan soalan munkar dan nakir terlalu banyak lagi mutawatir daripada Nabi s.a.w." (Ibn Taimiyyah, *Majmu' al-Fatawa*,



jld. 2, m.s. 435, cetakan: Maktabah al-'Abikan, Riyadh).

- Kata al-Imam Ibn Abi al-'Izz al-Dimasyqi (w. 792H) dalam kitab akidahnya yang masyhur *Syarh al-'Aqidah al-Tahwiyyah*: "Sesungguhnya telah mutawatir hadis-hadis daripada Rasulullah s.a.w. mengenai kepastian azab dan nikmat kubur bagi sesiapa yang layak mendapatnya, dan soalan dua malaikat. Wajib beriktikad dan beriman dengannya. Tidak boleh kita memperkatakan mengenai bagaimana caranya. Ini kerana akal tidak dapat memahami bagaimana caranya. Ini kerana ia tidak sama dengan kehidupan dunia". (Ibn Abi al-'Izz, *Syarh al-'Aqidah al-Tahwiyyah*, m.s. 578, cetakan: Muassasah al-Risalah, Beirut).
- Kata al-Imam al-Munawi (w. 1031H) dalam *Faidh al-Qadir Syarh al-Jami' al-Sagheir*: "Sesungguhnya Ahl al-Sunnah telah sepakat wajibnya beriman dengan soal dan azab kubur. Ini berdasarkan ayat-ayat dan hadis-hadis yang mutawatir maknanya". (al-Munawi, *Faidh al-Qadir*, jld. 1, m.s. 131, cetakan: al-Maktabah al-Tijariyyah, Mesir).
- Kata al-'Allamah Hafizd al-Hakami (w. 1377H) dalam *A'alam al-Sunnah al-Mansyurah*: "Hadis-hadis yang sahih mengenai azab kubur sampai ke darjah mutawatir" (al-Hakami, *A'alam al-Sunnah al-Mansyurah*, m.s 100, cetakan: Maktabah al-Suwadi, Saudi).

### **Hadis-Hadis Berkaitan Azab Kubur**

Bahkan di sana terlalu banyak perkataan para ulama Islam yang menyatakan bahawa hadis-hadis mengenai azab kubur ini sampai ke darjah mutawatir. Justeru itu *Ahl al-Sunnah* menjadikan beriman dengan azab kubur adalah salah satu daripada pegangan mereka. Antara hadis-hadis yang banyak itu, apa yang diriwayatkan oleh Umm al-Mu`minun `Aisyah r.a.: **"Aku tidak lihat Rasulullah s.a.w selepas solat melainkan baginda meminta perlindungan daripada azab kubur"**. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Maka baginda selalu memohon dalam solat-seperti yang diriwayatkan `Aisyah: **"Ya Allah aku memohon perlindungan dengan-Mu daripada azab kubur."** (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadis-hadis Nabi s.a.w juga menggambarkan azab kubur berlaku pada roh dan jasad. Kata Ibn Taimiyyah: "Bahkan azab dan nikmat kubur berlaku ke atas jiwa dan badan. Hal ini disepakati oleh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*." (Ibn Taimiyyah, op.cit. jld. 2, ms. 434). Demikian kata Ibn Abi al-'Izz: "Demikian juga azab kubur berlaku pada jiwa dan badan. Ini disepakati oleh *Ahl Sunnah wa Jama'ah*." (Ibn Abi al-'Izz, op. cit, m.s. 579).

Walaupun begitu, berbeza pendapat di dalam masalah sama ada ia berlaku pada roh sahaja, atau keduanya tidak membawa kepada kufur selagi mana seseorang mengakui wujudnya azab kubur. Apa yang paling utama seseorang hendaklah mengakui dan beriman wujudnya azab kubur.

Sesiapa yang membaca hadis-hadis Nabi s.a.w, akan menemui hadis-hadis yang sahih sehingga ke darjah mutawatir mengenai azab kubur, seperti yang disebut oleh para ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Marilah kita memohon perlindungan dengan Allah daripada azab kubur seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Tinggalkanlah sesiapa yang tidak beriman dengannya sehingga dia menemui azab tersebut.

Apa yang pelik, mengapakah masalah yang menjadi pegangan umat ini dibangkit dan dipertikaikan. Apakah sudah habis dan kekeringan idea mengenai agama atau apakah ini rentak menggayakan ilmu? Atau juga ini gaya mencari rezeki dan promosi?.

### **Gerakan Modernis: Antara Kemajuan dan Hawa Nafsu**

Muhammad Rafiq @ Saw Eng Sian.<sup>5</sup>

Kebelakangan ini, umat Islam khususnya di Malaysia menghadapi satu gelombang gerakan baru yang melabelkan diri mereka sebagai umat Islam yang maju, progresif dan moden. Dengan istilah yang lebih ringkas, golongan ini digelar "Islam Modernis". Benarkah golongan ini sebagai umat Islam yang maju, progresif dan moden? Apakah Islam sebelum ini tidak bersifat maju, progresif dan moden sehingga perlu timbulnya gerakan sedemikian bagi merubah umat Islam ke arah kemodenan tersebut? Apakah benar maksud kemodenan yang ingin dicapai oleh golongan ini ataupun ia sekadar suatu gimik penyelewengan terhadap ajaran Islam atas label kemajuan bagi membolehkan ia diamalkan menurut hawa nafsu? Inilah antara persoalan yang akan dikupas dalam artikel ini.

#### **Sejarah Kelahiran Gerakan Modernis**

Lahirnya gerakan ini sedikit sebanyak mempunyai pengaruh daripada pertembungan antara golongan agamawan ortodoks dan golongan modernis di barat yang menyaksikan kelahiran ideologi sekularisme yang memisahkan agama

---

<sup>5</sup> Beliau adalah seorang pensyarah jurusan komputer di salah sebuah kolej swasta tempatan, boleh dihubungi di alamat saw74@tm.net.my

dari segala aspek kehidupan. Ideologi sekularisme ini dilihat sebagai punca yang membebaskan masyarakat barat dari cengkaman kemunduran dan melahirkan masyarakat barat hari ini yang dilihat sebagai suatu masyarakat yang moden dan maju. Lantaran daripada itu, sesetengah golongan umat Islam terpesona dengan bentuk kemajuan yang ditonjolkan oleh masyarakat barat dan cuba mencari jalan supaya umat Islam turut dapat mengecapi kemajuan yang dikecapi oleh masyarakat barat. Tidak dinafikan bahawa kemajuan yang dicapai, khasnya dalam bidang sains dan teknologi, adalah sesuatu yang harus diberi penghormatan dan dicontohi. Akan tetapi terdapat segolongan umat Islam yang cuba meniru dari masyarakat barat secara keseluruhannya tanpa mengambil kira sama ada apa yang ditiru itu bersesuaian dengan nilai-nilai Islam atau tidak.

Akibat daripada ini berlaku kekeliruan yang besar dalam komuniti umat Islam. Kemajuan yang diimport dari barat didatangkan bersama-sama dengan nilai-nilai yang janggal dan juga bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Golongan tradisionalis<sup>6</sup> menolak apa yang diimport kerana nilai-nilai tersebut tidak

---

<sup>6</sup> Istilah tradisionalis digunakan sebagai perkataan lawan kepada istilah moden. Istilah ini digunakan kerana golongan tradisionalis ini tidak melambangkan pendirian Islam yang sebenar. Ini berbeza jika perkataan ulama digunakan. Ulama selalunya dianggap mewakili pendirian Islam, maka jika ia digunakan sebagai lawan kepada moden, akan timbul salah anggap seolah-olah ulama adalah golongan anti-pembangunan dan dengan itu Islam adalah agama yang anti-pembangunan. Sering kali agama Islam terfitnah lantaran individu tertentu yang tidak layak, dinobatkan sebagai ulama lalu mereka ini mengeluarkan kata-kata yang dianggap mewakili pendirian Islam, sedangkan pada hakikatnya ia bercanggah dengan ruh Islam.

bersesuaian dengan budaya tempatan dan juga sesetengah daripada nilai Islam. Berbeza pula dengan golongan yang mengimport kemajuan tersebut, mereka menganggap golongan tradisionis sebagai anti-pembangunan lantaran penolakan mereka terhadap pembangunan material yang berlandaskan sains dan teknologi. Hasilnya, timbul dua aliran pemikiran yang saling bertembung, satu mendakwa membawa Islam yang berkonsepkan kemajuan dan menuduh golongan tradisionis mengamalkan Islam yang tidak lengkap kerana hanya mementingkan aspek spiritual semata-mata, manakala golongan tradisionis pula menganggap golongan moden ini hanya menitik-beratkan aspek pembangunan material dan meninggalkan aspek kerohanian.

Hakikat yang sebenar ialah terdapat jurang yang besar yang memisahkan pemikiran kedua-dua aliran ini. Tidak dinafikan bahawa terdapat golongan tradisionis yang mempunyai fikiran yang jumud yang menolak keseluruhan pembangunan material yang berkonsepkan sains dan teknologi dari barat. Dalam pada itu, terdapat juga golongan moden yang mengambil keseluruhan budaya barat tanpa dipertimbangkan sama ada apa yang diimport itu bersesuaian dengan nilai Islam ataupun tidak. Pada masa yang sama, terdapat juga segolongan umat Islam yang dapat membezakan apakah yang baik yang perlu dicontohi dan apakah yang buruk yang perlu dijauhi. Golongan pertengahan ini tersepit di antara pertembungan kedua aliran yang ekstrim ini. Perkara yang paling malang ialah Islam sebagai suatu agama yang suci dan sempurna terfitnah lantaran perbuatan kedua golongan yang ekstrim ini.

Akhir-akhir ini, golongan modenis lebih mendapat tempat dalam media masa berbanding dengan golongan tradisional. Kesempatan ini digunakan sebaik mungkin oleh golongan ini untuk menyebarkan ideologi mereka. Selain daripada menyeru kepada pembangunan material yang berasaskan sains dan teknologi, golongan modenis ini turut mempropagandakan nilai-nilai serta budaya barat yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Mereka meletakkan fahaman bahawa untuk kita maju sebagaimana orang barat, kita perlu meniru cara-cara mereka. Lalu perkataan moden ini disalah ertikan sebagai mengikuti cara hidup dan budaya barat. Dengan kata lain, untuk menjadi seorang yang maju dan moden, kita perlu mengamalkan nilai dan budaya barat walau pun ianya bercanggah dengan syariat Islam.

Ini jelas adalah satu kekeliruan yang nyata tetapi tersembunyi lantaran propaganda yang tersebar merata-rata. Istilah kemajuan dan kemodenan ini digambarkan seolah-olah ia milik eksklusif masyarakat barat. Apa sahaja yang berasal dari barat dikatakan maju dan moden dan apa sahaja yang bersifat tempatan dikatakan tradisional dan mundur. Misalnya, pakaian baju kurung, kebaya, baju melayu dikatakan pakaian tradisi, manakala pakaian ala barat yang mendedahkan aurat dikatakan pakaian yang moden. Makanan tempatan dikatakan makanan tradisi manakala makanan ala barat sebagai makanan yang moden. Hiasan rumah yang berasaskan rekabentuk tempatan dikatakan tradisi manakala rekaan rumah ala barat dikatakan rekabentuk moden. Lagu berirama tempatan dikatakan lagu tradisi manakala lagu yang berirama ala barat dikatakan lagu moden.

Kekeliruan ini membawa kesan yang buruk dalam pemikiran agama orang Malaysia kerana rata-rata orang Malaysia, tak kira agama, beranggapan bahawa agama itu adalah suatu tradisi. Dengan itu untuk menjadi seorang manusia moden, mereka perlu meninggalkan apa yang dianggap tradisi termasuk agama! Fenomena ini dapat dilihat dengan jelas dalam masyarakat bukan Islam di Malaysia yang mana ramai anak-anak muda mereka yang dibesarkan dengan pendidikan barat telah meninggalkan budaya tradisi bersama agama mereka atas istilah kemodenan yang mereka sebenarnya keliru. Kita juga sering lihat masyarakat menganggap mereka yang meninggalkan ajaran agama sebagai seorang yang moden. Sebagai contoh, mereka yang berpakaian mendedahkan aurat dikatakan "Melayu Moden". Malah penulis pada satu ketika pernah didatangi oleh seorang non-muslim yang mendakwa beliau melihat seorang "*modern muslim*" yang minum arak.

Sekalipun demikian, situasi masyarakat Islam masih berbeza dengan situasi masyarakat bukan Islam. Pengaruh agama dalam diri umat Islam masih amat kuat dan penolakan agama secara total akan mengakibatkan kejutan yang tidak dapat diterima oleh majoriti umat Islam. Golongan modenis yang keliru dengan istilah kemodenan ini mencari-cari jalan supaya umat Islam dapat dimodenkan tanpa perlu mereka meninggalkan agama mereka. Namun begitu mereka tidak menemui titik pertemuan antara nilai-nilai Islam dengan nilai-nilai budaya barat yang lahir daripada hawa nafsu manusia. Pembangunan material berasaskan sains dan teknologi hanyalah bertindak sebagai suatu penyamaran terhadap agenda golongan modenis ini yang pada hakikatnya hanya mahu



menjalankan kehidupan harian mereka menurut hawa nafsu yang dipengaruhi oleh budaya barat, tetapi tidak mahu dianggap oleh masyarakat sebagai menyalahi syariat Islam. Sebagai contohnya, golongan ini mahu berpakaian seperti orang barat yang tidak menutup aurat kerana ia kelihatan lebih anggun, dan berhibur sebagaimana orang barat kerana ia lebih menyeronokkan. Namun begitu, perkara-perkara ini tidak dapat dilakukan melainkan seseorang itu perlu melanggar syariat Allah S.W.T.

Sebagaimana yang telah dijelaskan, adalah agak mustahil buat masa ini untuk mengajak umat Islam meninggalkan agama mereka untuk mencapai erti kemodenan sebagaimana yang dikehendaki oleh golongan modenis. Satu-satunya cara yang dapat merealisasikan agenda ini ialah dengan mengubah tafsiran agama supaya ia secocok dengan kehendak nafsu pengamalnya.

### **Beberapa Strategi Gerakan Modernis**

Serangan ideologi modenis ini dimulakan dengan individu-individu tertentu yang membuat tafsiran sendiri terhadap nas-nas Al-Quran dan Al-Hadis supaya secocok dengan perbuatan dan amalan hidup mereka. Misalnya mereka mendakwa berpakaian menutup aurat bagi wanita Muslim sebagaimana yang sering kita lihat adalah tidak perlu kerana Al-Quran kononnya tidak menjelaskan bahawa cara penutupan aurat adalah sedemikian. Contoh yang lain pula ialah mereka menggunakan hawa nafsu untuk menafsirkan ayat 129 surah Al-Nisa bagi menidakkan amalan poligami kerana tafsiran mereka yang songsang terhadap

maksud "***kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh***" dalam ayat tersebut.

Idea-idea sebegini mudah mempengaruhi golongan jahil yang pemikirannya sudah dirosakkan oleh pemikiran barat. Hujah-hujah ini hanya memberi kepuasan kepada individu tersebut bagi merasakan seolah-olah dirinya masih berjalan di atas pentas syariat. Namun bagi kebanyakan masyarakat awam, ideologi sedemikian masih diragukan kerana mereka hanya percaya kepada golongan berpendidikan agama ataupun bergelar ustaz untuk mengeluarkan sebarang hukum agama, suatu perkara yang tidak dimiliki oleh golongan moden.

### **Gerakan Anti-Hadis**

Serangan ideologi ini juga disokong oleh gerakan anti-hadis yang muncul hampir selari dengan kemunculan gerakan moden ini. Kita dapati agenda kedua golongan ini adalah hampir sama, yakni mencipta Islam yang dapat ditafsirkan menurut akal dan hawa nafsu mereka. Tujuan mereka adalah sama, iaitu membolehkan mereka mengamalkan perbuatan serta budaya barat tanpa dianggap menyalahi syariat Islam (yang ditafsir menurut hawa nafsu mereka). Namun begitu, gerakan anti-hadis ini amat sukar mendapat tempat dalam masyarakat Islam kerana method mereka yang terlalu radikal yang menolak hadis-hadis nabi secara terang-terang. Ia merupakan kejutan yang amat besar sehinggakan masyarakat Islam awam yang mempunyai pengetahuan agama yang

sangat minima pun sukar menerimanya.

Gerakan ini kemudian mengambil fasa kedua dengan berselindung di sebalik takrifan-takrifan ilmiah yang dipermudahkan untuk pemahaman masyarakat awam. Ini disokong oleh sesetengah pendokong gerakan ini yang mempunyai pengetahuan agama dan juga penguasaan bahasa Arab. Takrifan-takrifan ini kelihatan cukup ilmiah disokong dengan rujukan-rujukan teks Arab dan sandaran ulama-ulama agung yang kononnya menyokong pendapat tersebut. Mereka ini membuatkan orang awam yang rata-rata tidak memahami bahasa Arab, mengenali ulama-ulama yang digunakan dan memahami asas-asas ilmu Islam terpesona dengan kupasan ilmiah dalam suatu isu agama, sedangkan hakikat fakta yang sebenar telah diselewengkan demi menyokong pendapat golongan ini yang batil.

### **Menolak Hadis Ahad dan beberapa penyelewengan yang lain.**

Di antara kaedah-kaedah penyelewengan yang sering digunakan dalam "fasa kedua" ini dakwaan Hadis Ahad tidak boleh dijadikan hujah dalam Akidah. Selain itu sering juga didakwa bahawa apabila para ulama saling berbeza pendapat dalam suatu hukum, maka suatu hukum itu tertolak. Ada juga yang mengatakan bahawa umat Islam boleh secara semberono mengikuti mana-mana hukum asalkan terdapat ijtihad ulama dan juga secara semberono menolak suatu hukum kerana ia merupakan hukum ijtihad ulama dan bukan suatu hukum yang qat'ie (muktamat). Mereka gemar memaparkan kepelbagaian pendapat dalam

suatu isu, kemudian meninggalkannya dalam kegelapan tanpa menerangkan pendapat mana yang paling benar yang menepati Al-Quran dan Al-Sunnah menurut takrifan yang sahih. Masyarakat awam yang tidak mempunyai asas ilmu Islam seperti usul hadis dan usul fiqh akan terpedaya dengan kaedah-kaedah yang tidak mempunyai sebarang rasional dalam ilmu Islam, ataupun yang terdapat dalam ilmu Islam namun telah disalahgunakan.

Selain daripada itu golongan ini juga menyelewengkan fakta sebenar seperti membuat khabar palsu dan disandarkan kepada ulama tertentu seolah-olah itulah pendirian ulama tersebut. Ada juga yang menyelewengkan kata-kata ulama sehingga seolah-olah ulama tersebut mengeluarkan fatwa sedemikian. Tidak kurang juga mereka yang menggunakan ulama yang tidak ahli dalam suatu isu sebagai sandaran dalam suatu isu yang dibincangkan, misalnya menggunakan seorang ulama sufi untuk menentukan urusan fiqh. Termasuk dalam hal ini ialah menggunakan pendapat minoriti dan juga pendapat dari ulama yang difatwakan sesat oleh kebanyakan ulama lain dalam menyokong suatu hujah hanya semata-mata kerana pendapat tersebut sesuai dengan hukum yang ingin dihalalkan oleh golongan ini.<sup>7</sup>

---

<sup>7</sup> Untuk melihat contoh penyelewengan ilmiah yang dilakukan oleh penulis yang tidak bertanggungjawab, disarankan pembaca membaca buku "Pembongkaran Jenayah Ilmiah buku Salafiah Wahabiah" oleh saudara Hafiz Firdaus Abdullah, Jahabersa, 2003. Penulis juga menyarankan pembaca untuk membaca buku "Menangkis Pencemaran Terhadap Agama & Tokoh-Tokohnya" oleh Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin, Karya Bestari, 2004, untuk mengetahui bentuk penyelewengan terhadap agama dan tokoh-tokohnya.

Penyelewengan-penyelewengan sedemikian yang diistilahkan sebagai jenayah ilmiah adalah jauh lebih merbahaya daripada penyelewengan dalam fasa pertama. Golongan *ahlul hawa* ini mengeksploitasikan kejahilan umat Islam tentang agama dengan memesongkan tafsiran-tafsiran agama yang kelihatan seolah-olah ilmiah, tetapi sebenarnya penuh dengan kepalsuan. Rujukan Arab dan sandaran ulama diperalatkan untuk mengaburi orang awam terhadap penyelewengan ilmu Islam yang sebenar. Orang awam yang tidak dapat mengesan penyelewengan mereka ini telah ditipu oleh golongan penurut hawa nafsu ini. Jenayah ilmiah ini amat sukar dikesan kecuali oleh mereka yang benar-benar pakar dan mampu membuat rujukan kepada sumber asal yang dikedok oleh golongan ini.

### **Para tokoh ilmuan perlu bangun membantu umat**

Oleh itu, diharap lebih ramai cendekiawan agama yang benar-benar ikhlas akan tampil untuk membetulkan fitnah-fitnah dan penyelewengan fakta agama yang ditimbulkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab ini. Disarankan juga supaya orang awam lebih berhati-hati dalam menerima sumber ilmu. Ikutlah saranan Al-Quran iaitu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama (Al Zikr) sekiranya kamu tidak mengetahui<sup>8</sup>. Pastikan golongan rujukan adalah mereka yang benar-benar berilmu dan ikhlas dalam

---

<sup>8</sup> Al-Nahl: 43, Al-Anbiyaa: 7

beragama. Dalam masa yang sama, berusaha untuk menuntut ilmu-ilmu Islam yang sahih agar dapat dijadikan neraca yang dapat membezakan mana yang benar dan mana yang palsu.

### **Kesimpulannya.....**

Kesimpulannya, serangan ideologi yang berpunca daripada dalaman telah menjadi satu fitnah yang tidak harus dipandang ringan oleh umat Islam. Usaha telah dijalankan oleh musuh-musuh Islam untuk merekrut agen-agen penyebar kesesatan di kalangan umat Islam sendiri. Paling malang ialah ada umat Islam yang merelakan diri mereka diperalatkan sama ada secara sedar ataupun tidak oleh anasir-anasir yang mempunyai niat jahat terhadap agama Islam. Golongan ini melancarkan kempen yang hebat melalui sokongan internet dan media masa bagi mewujudkan Islam versi baru yang kononnya bersifat maju, progresif dan moden, sedangkan ia hanyalah Islam yang menurut hawa nafsu golongan yang telah dirasuk syaitan.

Islam tulen yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. dan yang dipraktikkan oleh generasi awal (Salafus salih) adalah Islam yang sentiasa maju dan progresif. Hanya kelemahan umat mutakhir dalam berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenar membuatkan mereka mundur kebelakang. Kemunduran umat Islam hari ini tidak ada kaitan dengan agama Islam. Umat Islam yang terdahulu telah maju, dan mereka maju kerana mengikuti apa yang telah menjadikan umat sebelum mereka maju (yakni Al-Quran dan As-Sunnah

melalui pentafsiran yang sah). Amat malang umat hari ini yang mengaku dirinya moden dan maju, sedangkan ia membelakangkan apa yang telah menjadikan majunya umat terdahulu (yakni Al-Quran dan As-Sunnah melalui pentafsiran yang sah). Imam Malik pernah berkata, "Tidak akan menjadi baiknya suatu kaum melainkan dengan apa yang menjadi baiknya umat terdahulu".

Sungguh benar kata-kata ini kerana kemajuan yang diwar-warkan oleh golongan moden ini hanyalah khayalan mereka semata-mata. Golongan ini telah meletakkan kayu ukur yang salah terhadap erti kemajuan. Dalam keghairahan mereka mengejar erti kemajuan, mereka ini masih tidak ke mana. Negara di Asia Barat seperti Turki yang melalui pensekularan nilai-nilai hidup selama hampir satu abad masih tidak ke mana-mana. Mereka masih ketinggalan dari segi ekonomi, sains dan teknologi. Lebih malang ialah keruntuhan akhlak bertambah serius, tekanan hidup bertambah kronik, manusia semakin hilang punca, jauh sekali untuk mereka mampu membela nasib umat Islam yang ditindas di seluruh dunia. Sekurang-kurangnya datuk nenek mereka masih mampu membina empayar Osmania yang mencapai puncak kegemilangan tamadun dunia selama hampir tujuh abad tanpa perlu mengejar nilai-nilai sekular barat sebagaimana yang menjadi kegilaan golongan moden ini.

**Empowering Women through the Teachings of Islam:  
Uncovering the Untruths of Western Feminism**

By

Umm Ziyaad<sup>9</sup>

So we live in a sexist society. The following evidences are clear in the world we live (the severity depends on how westernized or how far the society is from Islam):

- The highest paid women in the world are women who dress scantily or rather go undressed in public.
- Look at the society around you; women are regarded as sexual objects, used as cheap attraction on advertisements.
- The more beautiful or attractive a woman is or acts towards men, the better she is treated in the workplace.
- Female beauty is no longer held as something precious and treasured as a pearl is protected by its shell.

---

<sup>9</sup> Umm Ziyaad (nama pena) bekerja dalam jurusan perisian komputer di salah sebuah syarikat tempatan. Beliau boleh dihubungi di alamat ummziyaad@hotmail.com



- Around the world, at least one in every three women has been beaten, coerced into sex or otherwise abused during her lifetime.<sup>10</sup>
- Female beauty is open for all to see and all to criticize.
- The concept of beauty is no longer abstract to the eyes of the beholder, much less ruled by morality. Beauty is instead restricted to a certain physical form and those unfortunate women who are not able to conform to this socially constructed but extremely faulty ideal, suffer greatly.

The very, very sad thing is after years and years of being conditioned by the "ever-evolving" Western ideologies, women themselves have bought these erroneous concepts. In the West, women have accepted what they've been told all along and therefore act willingly to comply with whatever society sees as fit – a society designed to fulfill the ill-desires of men, devoid of proper guidance.

Muslim women today are at war. A war I say? This isn't a war necessarily fought in the frontlines of Palestine, Kashmir, or Chechnya. No, this is a different kind of war. A war which aims to overcome the mind, change the perceptions of right and wrong, and twist the understanding of her relationship with Her Lord. A war that if the Muslim woman loses, she will suffer the loss of

---

<sup>10</sup> Heise, L., Ellsberg, M. and Gottemoeller, M. *Ending Violence Against Women. Population Reports, Series L, No. 11.*, December 1999

her identity, the natural characteristics that were created within her and she will devastatingly be defeated in this world and perhaps also in the next.

This war is fought in many fronts. It encompasses all aspects of the Muslim's life, **and a Muslim woman must be aware of this ideological/intellectual war being waged against herself** and the ummah as a whole. She must do all she can to fight the Evil – as her success or failure determines the fate of future generations of Islam.

Today, two worlds collide as they have never collided before – the West and Islam. Two different civilizations are in contra with each other. Neither is willing to co-exist. Believed by its champions to be the embodiment of the world's most evolved civilization, Samuel P. Huntington stated in his *Clash of Civilizations* that the West is obsessed with the declination of its power and convinced with its superiority, and thus feels itself compelled to spread its civilization to other as it perceives, 'inferior' societies.

As a result, the idea of the female-kind in both Islamic and Western societies contradict, and because the West seems to be the more dominant these days Muslim women are in conflict with their Islamic identity and tempted to adopt the ideas of the West that seems to be attractively packaged for them with promises of modernization and with that, the so-called empowerment of women.

Ironically from the so-called country where feminism has flourished and thrived to fight for *women's rights*, a woman is raped every 2 minutes (according to the U.S. Department of Justice), nearly one-third of American women (31 percent) report being physically or sexually abused by a husband or boyfriend at some point in their lives (according to a 1998 Commonwealth Fund survey<sup>11</sup>), between 11-20% of girls were pregnant as the direct result of rape<sup>12</sup>, prostitution, sexual harassment as well as various other forms of female oppression occurs and increases at an alarming rate.

Feminism is not and has never been the answer to returning the rights of women. **Unconsciously, feminism has been a deceiving tool for women to gain 'rights', which disastrously worsen their social status in society.** The camouflaged '*freedom*' sought for women in the West has actually restricted them more into a social cage that they themselves help to build and nurture. In the 21<sup>st</sup> century, women are more oppressed than they have ever been before, and the worst part is they are programmed to like it and to support it along with the rest of society.

---

<sup>11</sup> The Commonwealth Fund, *Health Concerns Across a Woman's Lifespan: 1998 Survey of Women's Health*, May 1999

<sup>12</sup> Boyer and Fine. *Sexual Abuse as a Factor in Adolescent Pregnancy and Child Maltreatment*. Family Planning Perspectives, 1993

In addition to all that we find more and more Western women who feel they don't want to become women any more. Being female is viewed in a sexist society as weak, oppressed, and low. So you see women who choose to have female partners and live an 'alternative lifestyle', enabling them to escape the inferior image of being female. The society tells them, '*To be born female is bad...*' This coming from the most evolved and developed civilization in the world? Sounds more like a modern-day revival of female infanticide in the time of Arab pre-Islamic ignorance (*Jahiliyyah*).

Because the West teaches us that truth has an evolving nature, that the Truth we see today might not stay true tomorrow, religion and ethics are flexible and easily bent to satisfy human desires and limited intellect. God is not the All-Knowing Creator that is worshipped, but rather the West promotes and upholds the worship of man (a feeble creation). As we can see how in the West, it was unusual to see women wearing pants in public just a few decades ago, amazingly today if she wants to go topless in downtown New York, '*she has the right to do so*'. Only in the 70's homosexuals were medically diagnosed as morally deranged individuals and this '*alternative lifestyle*' was seen as filthy, evil, and sick. Today, people who have a problem with accepting this way of life are instead identified as *homophobic* and told to get professional help. Look at our society here in Malaysia... How have we changed in the past few years?

**To *bridge* the differences between the West and Islam, some Muslim groups whether ignorantly or not try to portray Islam as a watered-down religion; idealizing beliefs championed by the West.**

Among these groups is the Sisters in Islam of Malaysia who are calling out to the attention of the public that Islam as we know and practice must be purified so that the *real Islam*, which to them is supposed to be free from misinterpretations and misconstrued rulings made by men of authority, namely Islamic scholars and rulers, can come out<sup>13</sup>. Among the issues that this group outrageously bring up are the Muslim woman's hijab<sup>14</sup> and polygamy<sup>15</sup> – both are seen as ways of subjugating women under the control of men. On the surface of the matter, as Muslims, a spontaneous thought would be if this is what they feel, then wouldn't they also be implying that the blessed Prophet (SAW) himself was a male chauvinist?

Sadly, groups such as the Sisters in Islam fail to understand the essence

---

<sup>13</sup> "Ending the Patriarchy", in *Time Asia* by Zainah Anwar

<http://www.time.com/time/asia/covers/501030310/viewpoint2.html>

<sup>14</sup> "What's With the Hijab?", 12th February 2004

<http://www.sistersinislam.org.my/Letterstoeditors/120204.htm>

<sup>15</sup> "Controversy on Polygamy", 8th January 2002

<http://www.sistersinislam.org.my/letterstoeditors/08012002.htm>

of being a Muslim woman or otherwise called a *Muslimah* is all about. A Muslim woman is Muslim first. She submits to God's orders following the guidance given by the Last Messenger, Muhammad (SAW). She does not submit to men, instead she and her Muslim brethren submit together to the Almighty God. She does not fight for the sake of her 'kind' at the expense of her Muslim brothers, because in Islam we are all brothers and sisters and when we do fight, it is for the collective betterment of the ummah as a whole with all situations taken into account.

An example from the early Muslim women who lived in the time of the Prophet (SAW) was his own wife, Umm Salamah. She had asked him (in a hadith collected by Imam Ahmad and At-Tirmidhi) about women's lack of opportunity to fight in battles as opposed to men, and that they get half of what men get in women's share of inheritance. A reply to Umm Salamah's concerns was revealed in the form of a verse in the Qur'an (Chapter of Women: 32), in which God tells the Muslim women (and men) to not wish for the things that God has made others (of the opposite sex) to excel, and that for each man and woman is reward for what they have earned. This means while women are created in His infinite Wisdom to excel in childbearing and men are created to excel in the art of war, they both earn equal rewards for their toils although their good deeds are different in nature. Similarly, each of them will be punished fairly if their deed is

evil<sup>16</sup>.

The point worthy of attention from this account is that Umm Salamah listened to God's words and obeyed with no hesitation. This is the epitome of her submission as a Muslim woman in that she conforms only to the rule of God above all others. God created men and women and as the Creator, He knows that which is best for His creations. Therefore, when God tells the Muslim women to cover like they are supposed to, they are then to dress and be known like Muslim women. If God informs us that polygamy is permissible and that the Prophet (SAW) himself practiced it and also said that the best of men from this ummah are those with the most wives, then we do not question its acceptance in Islam.

When it comes to interpretations and rulings made by the knowledgeable in Islam, disappointingly unbeknownst to the Sisters in Islam, the Muslim nation have always had women scholars who played important roles in the teaching and spreading of Islamic knowledge from the very beginning. And among many who were experts, *par excellence* in their field were the female companions of the Prophet (SAW). Imam Ibnul-Qayyim, a reputed scholar of Islam gave a detailed account of 22 female companions who issued Islamic rulings under the rules of

---

<sup>16</sup> *Tafsir Ibn Kathir*, <http://www.tafsir.com/default.asp?sid=4&tid=10981>

fiqh<sup>17</sup>. These dignified women received direct guidance from the Prophet (SAW) himself and lived during the time of revelation and formation of Islamic laws. How could the 'true' Islam somehow escaped from their knowledge while they had the chance to verify their religion in the presence of the Last Messenger (SAW) himself?

In the 2<sup>nd</sup> century after Hijrah, we had the likes of Aliyyah Bint Hasan<sup>18</sup>, a manumitted slave turned scholar of hadith and fiqh. The nobles of Basra would come to her house and discuss with her religion and Islamic law. In the 3<sup>rd</sup> century, there was Aminah Ramlyah<sup>19</sup> who attended lectures given by Imam Malik in Madinah and then Imam Shafi'e in Makkah, two major scholars of Islam and founders of their own schools of thought. She then left for Kufa where she delivered lectures to those who were seeking knowledge. Her reputation was so great that Imam Ahmad bin Hanbal, founder of the Hanbali school of thought would visit her. Karimah Bint Ahmad Maruzi<sup>20</sup> was a world famous scholar of hadith in the 5<sup>th</sup> century after Hijrah and Zaynab Bint Makkee<sup>21</sup> was one of the

---

<sup>17</sup> *Leading Ladies: who made a difference in the lives of others*, approved by Mufti Muhammad Taqi Usmani, and Mufti Abdul Qadir, published by Idara Talifat e Ashrafia

<sup>18</sup> *Ghuulaman Islam, Khilafat awr Hindustan*

<sup>19</sup> *Dariah Maaraf Islamia, Mashahir Niswa, Bakamal Muslaman Khawteen*

<sup>20</sup> *Khazinat ul Asfia, Tarikh Saqqlya*

<sup>21</sup> *The life of Shaykul Islam Ibn Taymiyyah Rahi-mahullah*, <http://planetmsa.com/content/view/4>



teachers of Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah who taught him hadith in the 7<sup>th</sup> century.

These women not only gave birth, raised children and managed households without the modern conveniences women have today, they also took the task of imparting their knowledge of Islam to the society around them including to the men who later became some of the greatest scholars in Islamic history. Therefore contrary to what Sisters In Islam claim to be, interpretations of Islamic texts as well as rulings made on female matters such as the Muslim women's Hijab and the permissibility to practice polygamy, or any other issue in Islam were not mere products of men's efforts to subjugate women. Unlike in the Western patriarchal society, women and men in Islam do not have to twist the truth that are found in the sacred Islamic texts in order to win over their male or female counterparts. Evidently for Muslims, Islam guarantees that our rights as women and as men will be forever taken care of.

You see this is why Islam is the solution to all social problems including the oppression of women in the present day. The reality is that the noble status and rights of women are forever embedded in religious texts that have never been changed over the past 1400 years. Unlike other religions, Islam strongly prohibits innovation (bid`ah) in matters of belief and worship, and so the original teachings of Islam is still and will always be intact as God wills. In Islam, women

are sacredly believed to be the 'twin halves' of men. Women and men are equal in the eyes of God, and women enjoy a special and honorable status that reveres their femininity.

**Women in Islam are not ashamed to be women. To be born female is never *bad*. The value of women is not merely how she looks and behave in accordance to men (a creation), but rather a Muslim's excellence is marked by righteousness and obedience towards the Creator, in adherence to Islam.** A famous hadith states that "God does not look upon your wealth or your appearance, but He looks upon your hearts and your deeds." As women are treated with honor and respect in the days of the Prophet (SAW), women are also treated with honor and respect in Muslim societies today that sincerely abide by the true teachings of Islam.

As the divine religion that was transmitted through the divinely inspired Final Messenger (SAW), Islam is Perfect in all matters as it came from the All-Perfect God. Therefore a distinction must be made between Islam, which is perfect and Muslims whose practice of Islam vary greatly in many different levels, more so when they adopt westernization.

The solution is Islam. For the Muslim, this is the clear path to success. For Muslims, the solution is glaring right in front of us. The Qur'an and The Authentic Sunnah.

So Truth that is without need of any change lies in Islam. The answer to all our problems is going back to the pure teachings of Islam. Islam teaches us balance in all aspects of life in order to achieve social stability and in this context, harmony between the two sexes. Men and women are not rivals to each other. Instead, they are guided and trained to work with one another to realize Islam in everyday life. **Men and women are not perfect but Islam is. The closest to perfection that one can get is by practicing Islam as closely as it was meant to be.** And this is the goal of every Muslim, for success in this life and most importantly in the hereafter.

## **Membedah Kotak Pemikiran Astora Jabat**

Oleh

Tok Janggut.<sup>22</sup>

### **Pendahuluan**

Membedah pemikiran seseorang dari tulisannya (dan juga beberapa siri ceramah dan perdebatan) bukanlah suatu perkara yang mudah. Di samping kita tidak mahu berlaku tidak adil dengan beliau, kita juga tidak mahu bersikap acuh tidak acuh dengan kesalahan pendapatnya. Sebagaimana ulama-ulama dan ilmuan zaman silam dibedah dan dibersihkan pendapat mereka, maka tidak salah sekiranya pendapat penulis ruangan agama Utusan Malaysia ini kita bedah pemikiran dan method agamanya memandangkan ia banyak mendatangkan kontrovesi di dalam pemikiran moden umat Islam Malaysia masa kini.

### **Method pemikiran Astora**

Method pemikiran Astora Jabat dinilai oleh penulis dari penulisannya, siri

---

<sup>22</sup> Tok Janggut (nama pena) adalah salah seorang rakan penulis yang lazim berdialog dengan Astora Jabat dan mereka yang sefaham dengan Astora di alam maya (internet). Beliau bertugas sebagai seorang peguam di Lembah Klang dan boleh dihubungi di alamat tok\_janggut11@yahoo.co.uk

ceramah dan juga perdebatan secara peribadi melalui kaedah maya dengan beliau. Insya-Allah serba sedikit, tulisan ini bertujuan memberikan sedikit gambaran kepada kaedah atau manhaj yang digunakan oleh penulis bernama Astora Jabat

### **Method Pertama: Mendahulukan akal daripada naqal.<sup>23</sup>**

Islam datang membebaskan akal manusia daripada tercengkam dengan pemikiran kolot, tahayul dan jumud.<sup>24</sup> Memelihara akal adalah di antara *Maqosid* (tujuan) syarak Islam. Namun begitu kebebasan yang diberikan oleh Islam bukanlah kebebasan mutlak melainkan kebebasan akal yang dipandu oleh nas Islam itu sendiri. Ini kerana akal bukanlah Tuhan yang membuat syariat untuk manusia dan menerangkan untuk mereka hukum-hukum agama mereka. Pandangan akal sepatutnya "tidak melampaui had kefahaman terhadap nas naqli. **Sekiranya kita membenarkan akal melangkahi batasan nas naqli, maka nas naqli itu tidak ada faedahnya.** Bahkan akan membawa kepada pembatalan syariah keseluruhannya kerana syariah membataskan bagi mukallaf dengan satu batasan yang mengandungi akidah kepercayaan, percakapan dan

---

<sup>23</sup> Yang dimaksudkan dengan naqal/naqli ialah sumber wahyu: al-Qur'an dan al-Sunnah yang sah.

<sup>24</sup> Rujuk surah al Baqarah: 164, Ali Imran: 190-191 dan sebagainya.

perbuatan”<sup>25</sup>

Berkata Al-Imam al-Syathibi:

Apabila bertembung naqli dan aqli dalam pelbagai masalah syarak, maka berdasarkan syarat, naqli didahulukan dan ia adalah diikuti. Akal dikemudiankan dan ia menjadi pengikut. Akal tidak akan diberikan ruang untuk menilainya melainkan dengan kadar yang dibentangkan kepadanya oleh naqli.<sup>26</sup>

Namun begitu, kecenderungan Astora Jabat menggunakan akal mendahului nas jelas dalam banyak tulisan beliau. Di antara yang kita dapat sebutkan di sini:

**Pertama:**

Mengambil pendapat dan pandangan akal semata-mata dan menganggapnya sebagai khilaf. Contoh yang ketara disiarkan oleh beliau di dalam majalan *Al Islam* keluaran Julai 2004 di bawah tajuk "*Cerita karut dalam Israk Mikraj*". Di dalam artikel Julai ini, Astora memetik kata-kata berikut:

---

<sup>25</sup> *Mu'awwiyat Tathbiq Al Syariah* (Halangan-halangan Pelaksanaan Syariah Islam) oleh Prof. Manna' Khalil Al Qathtahn terjemahan Maktabah al Qaradawi 1998 ms 121-122. Rujuk juga *Al Muwafaqat Juzuk 1*

<sup>26</sup> *Al Muwafaqat Juzuk 1* ms 49-50

Di antara ulama sekarang yang percaya Israk dan Mikraj Rasulullah s.a.w secara jasad dan roh ialah Dr Ahmad Shalabi dari Kuliah Dar al-Ulum, Universiti Kaherah. Cuma beliau menolak beberapa kejadian ganjil (seolah-olah kejadian naik kelangit dan perjalanan ke baitul maqdis dari Mekah itu sudah tidak cukup ganjil - pen) dalam Israk Mikraj itu dan beliau menganggapnya sebagai cerita karut marut **termasuk cerita Rasulullah s.a.w menunggang buraq**<sup>27</sup>

Astora menganggap pendapat Dr Ahmad Shalabi ini <sup>28</sup> di dalam *buku "al Isra' wal Mi'raj Dirasah Tashih Lilqadha' 'Ala as Shatahaat Wal Khayyal"* sebagai perkara yang benar kekarutan, iaitu cerita Rasulullah s.a.w menunggang buraq. Tetapi, Astora tidak memberikan komentar bagaimana pandangan Dr Ahmad Shalabi mengenai hadis Muslim riwayat Anas b Malik r.a yang dipetikinya pada permulaan artikel ini. Hadis tersebut berbunyi:

***Anas bin Malik berkata Rasulullah s.a.w bersabda "Aku telah didatangi Buraq. Iaitu seekor binatang yang berwarna putih lebih besar dari keldai dan lebih kecil dari baghal. Ia merendahkan badan sehingga perut buraq itu mencecah bumi. Baginda bersabda lagi "aku terus menunggangnya sehingga sampai ke BaitulMaqdis."*** (Hadis sahih riwayat

---

<sup>27</sup> Al Islam *Cerita karut Marut dalam Israk dan Mikraj* oleh Astora Jabat Julai 2004 ms 29

<sup>28</sup> Jika benar seperti dakwaan Astora mengenai tulisan ini kerana Astora memang terkenal cenderung mengambil pendapat di luar konteks apa yang dibincangkan.

Muslim)

Adakah Astora menyatakan mana-mana ulama boleh membatalkan nas yang dibentangkan lantas ia menjadi khilaf? Malangnya method Astora mentarjih nas langsung tidak bertepatan dengan kaedah ilmu. Dia hanya mengemukakan pendapat ulama tersebut tanpa menukilkan hujah-hujahnya. Lantas terus membuat kesimpulan dari kata-kata Dr Ahmad Shalabi tersebut mengenai kekarutan Rasullullah s.a.w menunggang buraq. Apakah akal manusia dapat mengatasi naqal yang sahih? Inilah kecenderungan pendapat Astora yang tertolak.

**Kedua:**

Contoh kedua dalam mendahulukan logik akal<sup>29</sup> di atas nas ialah di dalam perbincangan mengenai azab kubur. Astora beranggapan bahawa azab kubur tidak wujud kerana salah satu hujahnya ia menyanggah logik akal. Menurutnya, bagaimana dengan manusia yang mati terbakar, meletup, hanyut dalam air dan sebagainya yang tidak mempunyai kubur? Apakah mereka tidak disiksa? Jelas

---

<sup>29</sup> Padahal akal manusia itu terbatas seperti deria manusia yang lain. Untuk perbincangan lanjut mengenai perkara ini boleh mendapati buku yang ditulis oleh Ustaz Ali Tantawi bertajuk "*Islam yang semestinya di fahami*" terbitan dan terjemahan Pustaka Salam Malaysia.



inilah pemikiran yang mendahulukan akal dari nas. Astora gagal memahami bahawa pertama Allah mampu melakukan apa sahaja termasuk memberi ganjaran kubur kepada mereka yang tidak bertemu jasadnya dengan tanah (tidak mempunyai kubur). Kedua, jelas di sini kedangkalan dan kegagalan pemikiran dan ilmu Astora untuk memahami dan membezakan konsep kubur dan konsep alam barzakh.<sup>30</sup>

**Ketiga:**

Menyimpulkan suatu perkara lain dan lari dari maksud yang ditetapkan merupakan kaedah yang selalu digunakan oleh Astora. Dengan kata lain, apa yang selalu dilakukannya ialah sama ada mengambil kata-kata ulama luar dari konteksnya atau mengambil nas naqli dan kemudian mentafsirkan sendiri dengan akalnya tanpa sebarang rujukan bagi menyokong kata-kata tersebut.

Kita ambil contoh mudah apabila beliau memetik kata-kata Dr Yusuf Al Qaradawi daripada bukunya *Malaamih al-Mujtama' al-Muslim allazi Nansyududuhu*, bahagian ke lapan dan kemudian meletakkan tajuk utama artikel

---

<sup>30</sup> Perbincangan alam barzakh telah banyak dibincangkan oleh ulama dahulu dan masa kini. Secara asasnya alam barzakh bukanlah kubur seperti yang kita lihat ditanah-tanah perkuburan. Rujuk juga artikel mengenai azab kubur oleh Ustaz Dr. Abdullah Yasin dan Ustaz Dr. Mohd. Asri dalam buku ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Alam Barzakh ini.

tersebut sebagai "*Nabi suruh tolak hudud*"<sup>31</sup> Namun begitu, bagi sesiapa yang membaca secara menyeluruh buku tersebut dan buku-buku lain karya Dr Yusuf Al Qaradawi akan memahami apakah maksud hadis nabi tersebut. Ia tidak lain membawa maksud bahawa sebarang pembuktian perlu dilakukan dengan memastikan bahawa hakim telah berpuas hati "melampaui keraguan munasabah" (*beyond reasonable doubt*) bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan seperti yang didakwa. Prinsip ini juga merupakan prinsip penghukuman jenayah di dalam negara ini.<sup>32</sup> Sekiranya terdapat keraguan di dalam pemikiran hakim, maka si tertuduh akan terlepas atau mungkin dikenakan hukuman yang lebih ringan.

Kewujudan prinsip melampaui keraguan munasabah ini<sup>33</sup> di dalam hukum jenayah negara ini tidaklah bermakna bahawa hukuman jenayah tersebut tidak langsung wujud serta ditolak oleh si hakim dan perlembagaan negara ini. Begitu juga perihalnya dengan keraguan yang dimaksudkan oleh hukum hudud. Sekiranya terdapat keraguan di dalam pembuktian pertuduhan, contohnya zina, maka hukuman hudud tidak jatuh ke atasnya. Namun begitu, tidak bermakna,

---

<sup>31</sup> Utusan Malaysia 2hb Ogos 2002

<sup>32</sup> Secara asasnya pendakwaraya mestilah membuktikan "melampaui keraguan mubasabah" bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan seperti yang didakwa. Sekiranya pendakwaraya gagal memenuhi prinsip ini, maka hakim wajib menggugurkan tuduhan dan menganggap tertuduh tidak bersalah.

<sup>33</sup> Wujud juga prinsip "adalah lebih baik membebaskan sepuluh orang yang bersalah daripada menghukum seorang yang tidak bersalah" di dalam undang-undang jenayah.

Rasullulah s.a.w, para sahabat, ulama terdahulu dan masa kini (termasuk Dr Yusuf Al Qaradawi) menolak hukum hudud dan kewajipan pelaksanaannya. Tetapi, dengan tajuk pada Utusan Malaysia sebegini besar, Astora Jabat sekaligus seolah-olah telah memberikan kesimpulan secara tersirat bahawa Dr Qaradawi cenderung untuk menolak hukum hudud.

**Keempat:**

Antara kecenderungan Astora Jabat yang lain ialah beliau tidak melihat hadis secara totalitas, juga tidak melihat pendapat ulama secara menyeluruh. Beliau mengambil sekadar yang perlu dan kemudian membiarkan akalannya memandu syarak dan bukan sebaliknya. Contoh terbaik yang dapat kita berikan ialah mengenai isu hadis Ahad. Hadis ahad ialah hadis yang diriwayatkan oleh kurang dari 3 jalan. Lantas ia di klasifikasikan sebagai hadis ahad. Hadis ahad ini ada yang berstatus sahih, hasan, dhaif dan maudhu' (palsu) sesuai dengan method ukuran yang telah ditetapkan dalam ilmu hadis.

Ulama hadis tidak membezakan di antara hadis sahih dan selain darinya berdasarkan kepada ramainya perawi yang meriwayatkannya. Selagi mana hadis tersebut sahih, tidak kira ia ahad atau mutawatir, ia tetap diterima sebagai sumber aqidah dan hukum. Sebahagian ulama ushul terkemudian ada yang

berpendapat hadis ahad tidak membawa ilmu yang yakin dalam persoalan aqidah. Namun pendapat ini hanya *valid* apabila hadis ahad tersebut berdiri dengan sendirinya. Jika hadis ahad tersebut memiliki pelbagai pembuktian yang lain atau telah menjadi iktikad umat sejak dari zaman Salaf, maka ia tetap dijadikan dalil dalam persoalan aqidah.

Namun begitu, Astora tidak berpandangan demikian. Akalnya menyatakan bahawa hadis ahad adalah hadis yang tertolak kerana bilangan perawinya yang sedikit.<sup>34</sup> Penolakan Astora ini juga sekaligus telah membakul sampahkan lebih 90% hadis-hadis yang terdapat di dalam kitab-kitab hadis. Beliau menolak penggunaan hadis-hadis ahad dalam masalah aqidah dengan berpandukan kata-kata ulama terkemudian tetapi gagal memahami apakah yang dimaksudkan oleh ulama-ulama tersebut akan syarat-syarat penolakan dan penerimaan hadis ahad dalam masalah aqidah.<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> Kurang daripada 3 orang perawi dalam satu-satu hadis.

<sup>35</sup> Pencerahan mengenai perkara ini telah diterangkan secara panjang lebar oleh Hafiz Firdaus dalam artikelnya berkenaan hadis ahad dalam buku ini.

**Method Kedua: Menggunakan hujah khilaf dan keliru mengenai ijtihad**

Khilaf<sup>36</sup>, sepertimana menurut Astora di dalam artikel "*Beramal hukum minoriti*"<sup>37</sup> dan "*Khilafiah itu sunatullah*"<sup>38</sup>, sememangnya adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu, pemahaman khilaf menurut kotak pemikiran Astora bermaksud "terdapat pandangan lain di dalam perkara itu tanpa mengira pandangan itu benar atau salah asalkan ia selari dengan pendapat saya". Maksudnya di sini, Astora memetakan dan memprinsipkan khilaf itu, selagi mana ada pandangan lain di atasnya, ia menjadi khilaf. Beliau tidak mengambil kira sama ada pandangan tersebut shaz (ganjil), pelik, atau tertolak kerana berasal daripada aliran yang berada di luar aliran kita – *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Baginya, asalkan ada pandangan, apa sahaja nas yang digunakan (atau tidak digunakan) adalah tidak penting. Apa yang penting bahawa terdapat si fulan mengatakan bahawa perkara ini sekian, sekian lantas ia menjadi khilaf.

Astora menegakkan hujah-hujahnya dengan mengatakan bahawa pendapatnya pendapat minoriti dan tidak semestinya apabila ia bercanggah dengan majoriti atau jumur ia tertolak. Berkata Astora:

---

<sup>36</sup> Perselisihan pendapat atau ikhtilaf yang membawa maksud pandangan yang berbeza.

<sup>37</sup> Utusan Malaysia *Beramal Hukum Minoriti* 30hb Mei 2004

<sup>38</sup> Utusan Malaysia *Khilafiah itu sunatullah* 23hb Mei 2004

Hakikatnya tidak semua hukum fiqah yang dianggap betul, kuat dan majoriti dianggap betul, kuat dan majoriti pada zaman ini...Begitu juga tidak semua hukum yang dianggap salah, lemah dan minoriti dianggap salah, lemah dan minoriti pada zaman ini.<sup>39</sup>

Pendapat ini benar pada prinsipnya tetapi salah pada pelaksanaannya di sisi Astora Jabat. Ini kerana:

**Pertama:** Astora meletakkan bahawa khilaf akan berlaku dalam semua perkara di dalam syariat Allah s.w.t.. Walhal sebenarnya "khilaf itu hanya berlaku dalam perkara yang cabang (furu') dan perkara-perkara ijtihad, bukan dalam perkara dasar dan I'tiqad".<sup>40</sup>

Maka oleh kerana terdapat "khilaf" ini, Astora menyatakan bahawa hukum fiqh yang tidak qatie (muktamad) bukanlah satu hukum yang datangnya dari Allah yang tidak boleh dipertikaikan. Menurutnya:

Kebanyakan hukum fiqh itu tertakluk kepada ruang zaman dan tempat yang berbeza di mana ia tidak boleh dipandang kudus atau suci seperti hukum yang muktamad daripada Allah dan Rasul-Nya. Dalam erti kata lain kebanyakan hukum fiqh boleh diterima dan ditolak. Selain ia juga perlu dinilai semula kerana

---

<sup>39</sup> *ibid.*

<sup>40</sup> Dr Wahbah Az Zuhaili *Fiqh dan perundangan Islam* (terjemahan DBP 1997), jld 1, ms 49

terdapat banyak hukumnya yang tidak lagi dianggap sesuai dengan zaman dan tempat yang berbeza pada ketika ini.<sup>41</sup>

Kita mengakui bahawa terdapat ijtihad yang sesuai dengan satu-satu masa dan keadaan sahaja. Tetapi menyatakan bahawa hukum fiqh bukanlah hukum yang datang dari Allah dan Rasul-Nya adalah suatu pertuduhan yang berat. Ini seolah-olah Astora menuduh para ulama yang berusaha keras menggali dan meneliti hukum halal dan haram berijtihad di atas akal tanpa menyandarkannya kepada nas wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sebenarnya perbezaan pendapat berlaku bukan semata-mata tidak ada nas di atas suatu permasalahan. Banyak sebab lain yang mengakibatkan perbezaan pendapat di dalam perkara fiqh. Di antaranya ialah "kepelbagaian bahasa arab yang digunakan sehingga berlaku lafaz dalil berbentuk *mujmal* (tidak detail) atau *mushtarak* (berkongsi makna) atau mempunyai dua maksud iaitu umum dan khusus atau makna haqiqi dan majazi atau makna hakiki dan makna mengikut adat (uruf) ataupun perbezaan ini berlaku kerana sesuatu lafaz yang kadang-kadang disebut secara mutlak (tidak terbatas) dan kadang-kadang secara *muqayyad*." <sup>42</sup> Antara yang menyebabkan perbezaan pendapat ialah bentuk periwayatan yang berbeza dan ini berlaku – sebagaimana sebut Dr. Wahbah az

---

<sup>41</sup> *ibid*

<sup>42</sup> *ibid* ms 50-51

Zuhaili – kerana lapan sebab seperti tidak sampai hadis kepada seseorang itu atau sampai dengan jalan yang dhaif pada seseorang tetapi sampai pada jalan yang sahih pada orang yang lain dan sebagainya.<sup>43</sup>

**Kedua:** Kegagalan Astora memahami maksud khilaf ini menyebabkan Astora memuatkan pendapat sesiapa sahaja, asalkan ia menyokong pandangannya, tanpa mengira dalil yang digunakan oleh orang tersebut. Asalkan seseorang itu bernama "Arab" dan menulis kitab "Arab", maka pendapat dia diambil oleh Astora tanpa mengambil kira sama ada orang tersebut daripada aliran *Ahl al-Sunnah* atau selainnya<sup>44</sup>, sama ada orang tersebut ahli hadis, ahli tafsir atau hanya sekadar pemikir jalanan yang ingin mencari populariti dengan pendapat yang "lain daripada kebiasaan."

Ini baginya adalah satu khilaf dari pandangan 'minoriti' yang terdapat di dalam perundangan Islam. Tetapi hakikat sebenarnya, pandangan tersebut yang diambilnya bukanlah pandangan seorang mujtahid yang mampu berijtihad.

---

<sup>43</sup> *ibid* ms 52 Banyak lagi perbezaan lain seperti perbezaan sumber, perbezaan usul fiqh, ijtihad dan qiyas, dan percanggahan dan *tarjih* antara dalil-dalil.

<sup>44</sup> Sebagaimana pesan Rasulullah s.a.w., umat Islam akan berpecah kepada pelbagai aliran, yang benar dan selamat ialah aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* atau ringkasnya *Ahl al-Sunnah*. Terdapat banyak aliran lain yang menyimpang daripada *Ahl al-Sunnah* seperti *Mu'tazilah*, *Khawarij*, *Jahmiyah*, *Syi'ah al-Rafidhah*, *Murji'ah* dan sebagainya. Apa yang lazim dilakukan oleh Astora ialah mengambil pendapat mana-mana tokoh yang disukainya tanpa membezakan aliran tokoh tersebut.



Pandangan-pandangan yang dikatakan oleh Astora sebagai khilaf juga disandarkan (atau kadang kala langsung tidak mempunyai sandaran) kepada nas yang pelik atau pandangan mujtahid yang diambil di luar maksud sebenarnya. Ijtihad sebenarnya amat jauh dari pandangan yang diambil dari golongan yang Astora anggap sebagai golongan 'minoriti' ini.

Secara ringkasnya, pintu ijtihad tidak tertutup. Astora menganggap bahawa semua perkara boleh diijtihad dan dikhilafkan. Namun hakikatnya, ulama yang mujtahid hanya boleh mengijtihadkan perkara-perkara yang diberikan ruang untuk diijtihadkan.

Nas-nas syariah Islam ada yang bersifat *Qatie dhilalah* (pendalilan hukum secara muktamad) yang tidak membawa makna kecuali satu sahaja. Di antaranya ada yang *dzonni dhilalah* (pendalilan hukum secara samar-samar) yang membawa lebih dari satu makna.<sup>45</sup>

... nas-nas qatie datang dalam perkara yang terlepas dari tempat khilaf iaitu dalam perkara yang berkaitan dengan asas-asas pokok bagi akidah. *Qawaied Kulliyah*<sup>46</sup> dan dalam hukum-hukum amali yang tidak berubah dengan masa dan

---

<sup>45</sup> *Mu'awwiyat Tathbiq Al Syariah* ms 123

<sup>46</sup> kaedah yang terangkum di dalamnya segala masalah yang berkaitan.

tempat perkara ini tidak ada ruang ijtihad baginya.<sup>47</sup>

Sementara itu di dalam perkara dzonni, para ulama bukanlah berijtihad sehingga dikatakan mereka tidak menyandarkan ijtihad mereka di atas nas. Walhal para ulama ini pun berijtihad dalam kerangka dan batasan *Qawaied kulliyah* dan *Maqosid syariah*<sup>48</sup> untuk mengeluarkan hukum cabang yang bersesuaian dengan masa dan keadaan. Ijtihad mereka mungkin berbeza pada masa tersebut, tetapi *Qawaied kulliyah* dan *maqosid* ini tetap kekal dan kedua-dua perkara ini juga bersandarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Maka tertolaklah dakwaan Astora bahawa ijtihad para ulama tidak datang daripada pemerhatian terhadap hukum-hukum Allah.

Benar, mungkin ijtihad dan pandangan mereka tersilap dalam meneliti dan melihat dalil atau kaedah-kaedah syarak. Tetapi ini tidak bermakna ijtihad ulama ini tidak disandarkan kepada nas lalu beralaskan akal semata-mata. Pandangan yang disandarkan kepada akal semata-mata atau berlawanan dengan kaedah umum di atas bukanlah satu khilaf yang diterima dalam perundangan.

---

<sup>47</sup> *Ibid*

<sup>48</sup> Matlamat atau tujuan syarak.

## **Penutup**

Pada analisa saya, method pemikiran dan perbahasan Astora sebagaimana yang saya uraikan di atas mungkin terjadi kerana dua sebab, yang pertama lagi yang paling ketara ialah gagal memahami maksud dan kaedah fiqh, hadis, khilaf dan kaedah-kaedah syarak yang lain.

Kedua, **mungkin** untuk melariskan lagi jualan majalah dan surat khabar majikannya yang akhirnya membawa pulangan material yang baik kepada beliau. Tidak ketinggalan juga ialah tujuan kepentingan politik, pengampunan terhadap pemimpin-pemimpin tertentu dan sebagainya.

Semoga Allah s.w.t. mengampuni saya seandainya analisa saya di atas adalah tidak tepat. Namun seandainya ia benar, maka saya berharap para pembaca sekalian dapat berhati-hati terhadap *kotak pemikiran Astora Jabat*. Pada waktu yang sama, saya harap Astora Jabat dapat membetulkan saya seandainya analisa saya tidak tepat. Namun seandainya ia tepat, saya berdoa agar Astora Jabat kembali bertaqwa kepada Allah dan bertaubat daripada menggossipkan ilmu-ilmu agama demi kebaikan umat.

***Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* : An Introduction**

By

**Muhammad Khairul bin Mohamed<sup>49</sup>****Introduction**

The purpose of this article is to provide the English reader with a definitive understanding of the well-accepted term of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*. The essay as the title suggests attempts to outline the fundamental criteria of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* according to authentic narrations of Hadith along with the words and understanding of *mujtahids* and scholars of earlier generations (*al-Salaf al-Salih*). Through this firm understanding, it is hoped *insyaAllah*, that the accurate understanding can be made clear and in due course be propagated and transmitted to the Muslim public.

Another key reason of this essay is as a mean of addressing the sad phenomenon of obscurity befalling the majority of the *Ummah* today, in view of the term *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*. Today, while many are claiming to be the followers of the *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*, only very few truly understand what it entails. Due to this lack of understanding, a number of Muslims whose belief is challenged by alien or innovated thoughts, have sadly failed in defending

---

<sup>49</sup> Muhammad Khairul adalah seorang jurutera komputer yang bertugas di Lembah Klang. Beliau boleh dihubungi di alamat [abuadam@darussalam.net](mailto:abuadam@darussalam.net)

the very belief of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* and fallen prey to a new set of ideologies that are foreign to Islam. Some of these ideologies have been the subject of debates and upon close scrutiny were proven to be far deviated from the belief of the saved sect (*Firqah Al-Najiah*) and the principles of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*. This particular subject however is beyond the scope of this writing, thus will not be covered, but *insyaAllah* will be discussed in another series.

The core reference of this article is a number of research papers and Islamic literatures written by local scholars and authors in highlighting the belief and history of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*. A few reference materials by foreign authors, contemporary and classical were also consulted.

### **Definition**

Firstly, let us examine the two groups of words that collectively make up the very term *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*.

The first group *Ahl Al-Sunnah* (أهل السنة) from terminology point of view carries the meaning of the Islamic teaching profile as a whole. It can therefore be gathered that someone who is able to carry out the perfect teaching of Islam is referred to as *Ahl Al-Sunnah*. This is so as it is evident that Islam is very identical

to the Sunnah<sup>50</sup>.

This is as illustrated by a hadith of the Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* as narrated by Irbah bin Sariyah *radhiallahu 'anh*<sup>51</sup>:

**"...So hold fast to my sunnah and the examples of the Rightly Guided Caliphs who will come after me (Khulafa Al-Mahdiyin Al-Rashidin). Adhere to them and hold them fast. Beware of new things (in religion) because every heresy is a misguidance."** (reported by Ahmad, Abu Daud, At-Tirmidhi, Ibn Majah, Al-Hakim and Ad-Darimi).here

Imam Al-Barbahari *rahimahullah* mentioned in the book *Syarh As-Sunnah*

Know this, Islam is sunnah and sunnah is Islam. Both are interdependent in meaning and significance. It is part of the sunnah to be consistent in *jama'ah*, whomever is inclined towards other than *jama'ah* and abandon it has in effect let go the rope of Islam and is in clear misguidance.<sup>52</sup>

The second group of words, *Al-Jama'ah* (الجماعة) is probably the most widely used term amongst the Muslims throughout history as it carries a strong sense of unity. The word *Al-Jama'ah* is originated from a hadith of Rasulullah

---

<sup>50</sup> Ar-Ruhaili, Dr. Ibrahim bin Amir, *Mauqif Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah min Ahl Ahwa' wa Al-Bid'a* (Indonesian translation, Pustaka Al-Kautsar, 2002) p. 13.

<sup>51</sup> An-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Sharaf, *Riyad Us-Saliheen* (Arabic-English edition, Dr. Muhammad Amin and Abu Usamah Al-Arabi, Darussalam, 1998) Vol. 1, pp. 166, no. 157.

<sup>52</sup> *Mauqif Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah min Ahl Ahwa' wa Al-Bid'a* p. 14.

*sallallahu alaihi wassalam* in defining the characteristic of the saved sect - *Firqah Al-Najjah*.

**Muawiyah bin Abu Sufyan *radhiallahu 'anh* reported that Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* said: "The people of the book split in their religion into seventy two sects and my ummah will split into seventy three sects. Seventy two will be in hell-fire except one (and that is the) *jama'ah*. And there will come out from my ummah people through which would run the vain desires, like hydrophobia which infects its victim through and through and leaves not a vein or a joint without its taint."** (reported by Ahmad and Abu Daud).<sup>53</sup>

The connotation of *Al-Jama'ah* refers to none other than that the people of the Sunnah for they certainly are the true followers of Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* and his companions *radhiallahu 'anhum*.<sup>54</sup> In *Syarah Aqidah At-Thahawiyah*, Imam Ibn Abi Al-Izz Al-Hanafi *rahimahullah* has mentioned, "*Al-Jama'ah* is the group of Muslimin from the *sahabah*, *tabi'in* and those of the Muslims who are persistently following them until the Day of Judgment."

*Jama'ah*, in this context specifically means the *jama'ah* of the *sahabah* since they were the pioneers through which the foundation and path of the deen

---

<sup>53</sup> Al-Tabrizi, Waliuddin Muhammad bin Abdullah Al-Khatib al-Umari, *Mishkat Al-Masabih* (Arabic-English edition, Abdul Hameed Siddiqi, Kitab Bhavan, 2000) Vol. 1, Kitab Al-Qadar, p. 112, no. 172.

<sup>54</sup> *Mauqif Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah min Ahl Ahwa' wa Al-Bid'a* p. 15.

were established. They *radiallahu 'anhum* could have not agreed on matters of misguidance, although this may happened to the later generations as history has proven. This has been the opinion of Caliph Umar bin Abdul Aziz.

Sheikh Al-Islam Ibn Taimiyah *rahimahullah* in his *Majmu' al-Fatawa* has summarized the term *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* in the following words,

"It is called *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* because they with the majority of the ummah stand on the truth and not with the separated group, people of innovations, followers of desires, who has deviated far from the *firqah al-najiyah* and wandered away from Al-Quran, Al-Sunnah and ijma' of the ummah."<sup>55</sup>

### **Other names of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah***

When the subject of *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* is looked at carefully, one cannot avoid coming across terms similar in meaning to *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* for example *Firqah Al-Najiyah* and few others. A point to note, these names do have their basis in the hadith of Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* and were understood to carry the same meaning as *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah*. We shall briefly look at these names.

---

<sup>55</sup> *Mauqif Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamaah min Ahl Ahwa' wa Al-Bid'a* pp. 16-17.



### **1. Firqah Al-Najiyah**

This name is taken from the following hadith of *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* as reported by Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* and literally mean the 'sect that is saved':

**Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam said: "The people of Israel split into seventy one sects and my ummah will split into seventy two sects. All will be in hell-fire except (the saved) one which is al-jama'ah."** (reported by Ahmad and Abu Daud)

In another hadith *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* explained who the saved sect is:

**"..it is one to which I and my companions belong"** (reported by At-Tirmidhi)<sup>56</sup>

Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahullah* commented as mentioned in Al-Baghdadiy's *Syarf Ahl Al-Hadith*: "If they (*Firqah Al-Najiyah*) are not people of the hadith, I wouldn't know who else." And according to Syaikh Abdul Qadir al-Jailani in *al-Ghujiyah Al-Jaylani*: "...and the *Firqah Al-Najiyah* is the *Ahl Al-Sunnah wa Al-*

---

<sup>56</sup> Al-Tabrizi, Waliuddin Muhammad bin Abdullah Al-Khatib al-Umari, *Mishkat Al-Masabih* (Arabic-English edition, Fazlul Karim, Islamic Book Service, 1994) Vol. 1, p. 172, footnote 106.

*Jama`ah."*<sup>57</sup>

## **2. Al-Tai'fah al-Mansurah**

The source of this name is taken from two hadiths reported by Al-Mughirah bin Shu'bah and Muawiyah bin Qurrah *radhiallahu 'anhuma* below,

**Narrated Al-Mughirah bin Shu'bah *radhiallahu 'anh*, the Prophet *shallallahu 'alaihi wasallam* said "They will remain victorious (and on the right path) people from my followers till Allah's order (the Last Day) comes, and they will still be victorious."** (Mutaffaqun Alaih: agreed upon)<sup>58</sup>

**Narrated Muawiyah bin Qurrah *radiallahu 'anhu*, "I heard the Prophet *shallallahu 'alaihi wasallam* saying "A group of my people amongst my followers will remain obedient to Allah's orders and the Prophet's sunnah and they will not be harmed by anyone who will desert them and who will also oppose them, till Allah's order (the Last Day) comes upon them while they are still on the right path"."** (Mutafaqun Alaih:

---

<sup>57</sup> Mat, Dr. Johari, *Asas-asas Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah dan Khalaf* (Paper presented in seminar on Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah, Badan Perkhidmatan Penerangan Islam Selangor dan WP, 1997) pp. 14-15

<sup>58</sup> Abdul Baqi, Fuwad, *Al-Lu' Lu' wal Marjan*, (Arabic-English edition, Dr. Muhammad Muhsin Khan, Darussalam 1995) vol. 2 p. 159 no. 1249.

agreed upon)<sup>59</sup>

Abdullah bin Al-Mubarak *rahimahullah* added: "To me they (*Al-Ta'ifah al-Mansurah*) are the people of hadith."<sup>60</sup>

### **3. Al-Salaf Al-Salih**

*Ahl Al-Sunnah* is also known as *Al-Salaf*, derived from the original *Al-Salaf Al-Salih*. They are called *Al-Salaf* for their commitment to the path and method of their predecessors *Al-Salaf Al-Salih* who were the best of generations. This is already mentioned in earlier hadith.

Further, *Al-Salaf* is generally linked to two common meanings according to the historical and the methodological contexts. Historically, it signifies the people of the first three generations, the companions, and the *tabi'in* and *tabit tabi'in*. Methodologically wise, it would refer to people from the Muslim community who are strictly following the method of the said three generations.

The use of the term historically can be found in the hadith of Rasulullah *sallallahu alaihi wassalam* reported by Abu Hurairah, Imran bin Hussain *radhiallahu 'anhuma* and A'ishah *radiallahu 'anha*:

---

<sup>59</sup> *Al-Lu' Lu' wal Marjan*, vol. 2 p. 159 no. 1250.

<sup>60</sup> Al-Asqalani, Ibnu Hajar, *Fath Al-Baari*, vol. 13 pp. 293 as quoted in *Asas-asas Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama'ah dan Khalaf*.

**"The best of people are (in) my generation, then those in the following generation, then those in following generation. Then there will come after them a people who will become obese and love obesity; they will testify before being asked to do so."** (reported by Muslim, Abu Daud, At-Tirmidhi and Al-Hakim)<sup>61</sup>

The methodology association to the term *Al-Salaf* indicates the approach and technique used by the first three generations in their interaction with Al-Quran and Al-Sunnah. Although emulating the generations of *Al-Salaf* is not historically possible but it is always possible methodologically. Thus, there is no reason why a group of people who is devoted to the style of *Al-Salaf* not to be referred to as one.<sup>62</sup>

## **Conclusion**

To conclude, *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* is not only a term made up of respectable words but a term that has an integral part in the Deen. Some may argue that the term was not emphasized during the time of the Prophet *shallallahu 'alaihi wasallam*, but if one is to inspect correctly it is not the term

---

<sup>61</sup> Bilal Philips, Dr. Abu Ameenah, *The Best in Islam According Al-Quran and Sunnah*, (Dar al-Falah, Sharjah 1996) pp. 43-44. Also see *Sahih Muslim*, Book Pertaining to Merits of the Companions hadiths no. 6154-6159.

<sup>62</sup> *Asas-asas Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah dan Khalaf*, pp. 17-18.

alone that is essential, what is more important to note is the underlying principles that make up the term.

*Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* is the term linking Muslims today to the struggle and commitment shown by the *Al-Salaf Al-Salih*. It is duty-bound for every Muslims to understand the functional significance of the term and not just the historical context.

Only through sound understanding of the term *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah* can one truly understand the established stand of the people of this Deen throughout many *fitan* (plural of *fitnah*) throughout Islamic history.

Finally, there is too much confusion caused by strange ideas confronting the Ummah these days, be it revived or new. In fighting these there is no better tool to use in distinguishing original Islamic teaching from those that are foreign or deviated, than to apply the formative standard that has been set by the *Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah's*.

## **Mazhab al-Imam al-Syafi'i Terhadap Sunnah dan Hadis**

oleh

Mohd Yaakub bin Mohd Yunus<sup>63</sup>

Kita di Malaysia lebih mengenali Mazhab al-Syafi'i sebagai satu mazhab dalam hukum-hukum fiqh. Sebenarnya Mazhab al-Syafi'i merangkumi semua cabang-cabang Islam seperti akidah, hadis dan sebagainya. Dalam artikel ini penulis ingin memperkenalkan Mazhab al-Syafi'i dari sudut Sunnah dan Hadis.

### **Al-Imam al-Syafi`i sebagai pembela sunnah.**

Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* (150H-204H) diperkenalkan oleh al-Imam al-Zahabi, seorang ahli sejarah yang ulung seperti berikut:

"Muhammad bin Idris bin 'Abbas bin 'Uthman bin Syafi' bin al-Saib bin 'Ubaid bin 'Abd Yazid bin Hisyam bin al-Mutallib bin 'Abd Manaf bin Qusaiy bin Kilab bin Murrah bin Ka'ab bin Luaiy bin Ghalib. **Beliau adalah Imam, 'alim zamannya, pembela sunnah, faqih agama, Abu 'Abd Allah al-Qurasyi** (keturunan Quraisy), juga al-Mutallibi (keturunan al-Mutallib) al-Syafi'i (keturunan al-Syafi'i) al-Makki. Kelahiran Ghazzah, bernasab (berketurunan) Rasulullah s.a.w." (Al-

---

<sup>63</sup> Muhammad Yaakub bertugas sebagai seorang pegawai di salah sebuah bank tempatan. Beliau boleh dihubungi di alamat [yaakub@affinbank.com.my](mailto:yaakub@affinbank.com.my)

Zahabi, *Siyar 'Alam al-Nubala`*)

Al-Imam Ahmad *rahimahullah* berkata : "Sungguh Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* adalah seorang pembela sunnah." Tambah Al-Imam Ahmad *rahimahullah* lagi , "Aku tidak pernah melihat orang yang lebih mengikut sunnah seperti Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah*." Al-Imam Ahmad *rahimahullah* seterusnya berkata, "Di antara kesungguhan Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* yang terpuji adalah apabila ia mendengar hadis yang belum ada padanya, maka ia mengambilnya dan meninggalkan pendapatnya." (al Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, 1/471 & 476).

Beberapa kenyataan dari beliau di bawah ini akan dapat memberi satu gambaran yang lebih jelas tentang kesungguhan Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* untuk mengikut sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sehingga beliau digelar sebagai pembela sunnah (Nashir al-sunnah).

"Apabila hadis itu sahih, maka dia adalah madzhabku." (Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Sifat Shalat Nabi*, 58)

"Setiap apa yang aku katakan, sedangkan dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* terdapat hadis sahih yang bertentangan dengan perkataanku, maka hadis nabi adalah lebih utama. Oleh itu, janganlah kamu mengikutiku (bertaqlid padaku)." (Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Sifat Shalat Nabi*, 59)

"Kaum muslimin telah sepakat bahwa barang siapa yang telah terang baginya Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka tidak halal baginya

untuk meninggalkannya kerana mengikuti perkataan seseorang." (Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Sifat Shalat Nabi*, 58)

Seorang lelaki berkata kepada al-Imam al-Syafi`i: "Apakah engkau akan berpegang dengan hadis ini, wahai Abu 'Abd Allah?". Jawab beliau: "Apabila diriwayatkan daripada Rasulullah sesuatu hadis yang sahih dan aku tidak mengambilnya, maka ketahuilah bahawa akalku telah hilang". (Al-Zahabi, *Siyar 'Alam al-Nubala`*, 10/34)

Kata al-Humaidi: Suatu hari al-Syafi`i meriwayatkan sebuah hadis. Aku bertanya: "Apakah engkau akan berpegang dengannya?". Dia menjawab: "Apakah engkau menganggap aku ini datang dari gereja, atau memakai tali pinggang kristian sampai apabila aku mendengar sesuatu hadis daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* lalu aku tidak berpegang dengannya. (Al-Zahabi, *Siyar 'Alam al-Nubala`*, 10/34)

"Langit manakah yang akan memayungiku, bumi manakah yang akan menanggungku, jika aku meriwayatkan hadis daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* lalu aku tidak berpegang kepadanya" (Al-Zahabi, *Siyar 'Alam al-Nubala`*, 10/34)

"Setiap hadis daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah pendapatku, sekalipun kamu tidak mendengarnya daripadaku" (Al-Zahabi, *Siyar 'Alam al-Nubala`*, 10/35)



"Apabila sahinya sesuatu hadis maka itulah mazhabku. Jika sahinya sesuatu hadis maka campakkan pendapatku ke dinding". (Al-Zahabi, *Siyar 'Alam al-Nubala`*, 10/35)

"Setiap perkara yang aku telah perkatakannya, sedang ada riwayat yang sah di sisi ulama hadis daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menyanggahi apa yang aku ucapkan, maka aku menarik balik ucapanku semasa hidupku dan selepas mati". (Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *'Ilam al-Muwaqqi'iin*, 2/263)

Demikianlah mazhab Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* terhadap sunnah-sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sepatutnya dijadikan contoh ikutan kepada kita semua yang bermazhab syafi'i.

### **Mazhab Al-Imam al-Syafi`i dalam menerima hadis *ahad*.**

Sebelum kita melihat pegangan Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* terhadap hadis *ahad*, kita akan terlebih dahulu meneliti mazhab Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* dalam menerima atau menolak sesebuah hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Semoga dengan pemahaman yang benar dalam syarat-syarat sah dan diterimanya hadis menurut Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah*, ianya akan dapat kita jadikan pedoman dalam berinteraksi dengan sunnah-sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* termasuk hadis-hadis yang berstatus *ahad*.

Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* bercerita:

Ada seorang berkata: "Sebutkan kepadaku batas minimum syarat untuk diterima hujjah terhadap ahli ilmu sehingga berita atau riwayat orang khusus diterima dan dianggap (benar) bagi mereka."

Aku (Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah*) menjawab : "Riwayat satu orang dari satu orang, hingga sampai kepada Nabi atau hingga kebawah (peringkat terakhir / paling bawah). Hujjah dan perbahasan dengan riwayat satu orang tidak dapat diterima kecuali jika memenuhi sejumlah kriteria.

Di antara kriteria itu adalah yang meriwayatkan adalah seorang *tsiqah* (terpercaya) dalam agama, dikenal jujur dalam berbicara, faham dengan apa yang diriwayatkannya, mengetahui maksud lafaz, dan ketika menyampaikan hadis ia menyampaikan sesuai dengan apa yang didengar tepat dengan huruf-hurufnya dan tidak menyampaikannya dengan makna (dengan lafaz dari dia sendiri). Kerana bila ia meriwayatkannya dengan makna (dengan pemahaman dia sendiri), padahal ia tidak mengetahui maksud lafaz, maka mungkin terjadi ia salah memahami sehingga seharusnya haram, malah ia katakan halal. Dan apabila ia menyampaikannya (meriwayatkannya) dengan huruf-hurufnya, maka kesalahfahaman tersebut tidak akan terjadi. Ia harus meriwayatkannya seperti itu baik dengan cara dihafal atau ditulis.

Bila ada ahli penghafal hadis yang lain meriwayatkan hadisnya, maka riwayatnya harus sama dengan riwayatnya itu. Juga ia tidak tergolong seorang yang *mudallis* (menipu) dengan meriwayatkan dari seorang yang dijumpainya pada satu riwayat yang tidak didengar olehnya, ia harus meriwayatkan dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* riwayat yang tidak berbeza dengan apa yang diriwayatkan oleh orang-orang tsiqah daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Begitulah kriteria yang harus dimiliki mulai perawi terendah (paling bawah) hingga paling atas yang sampai kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Kerana masing-masing dari mereka diakui oleh orang yang mengambil riwayatnya dan oleh orang yang mengambil riwayat darinya, sehingga masing-masing dari mereka harus memenuhi kriteria ini." (Dr Muhammad AW al-'Aqil, *Manhaj Aqidah Imam al-Syafi'i rahimahullah Ta'ala*, 89)

Sekian kata-kata Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* yang darinya boleh kita membuat satu kesimpulan bahawa beliau menerima hadis dan mengikutinya dengan syarat hadis itu sahih dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan tidak membezakan antara hadis *ahad* atau hadis *mutawatir*. Kriteria yang telah ditetapkan oleh Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* ini adalah sama dengan kaedah yang telah dibuat oleh Ulama' Hadis dalam bidang *musthalah* iaitu:

1. Sanadnya tersambung (tidak putus / muttashil)
2. Para Perawinya adil

3. Perawinya *dhabit* (tepat dan sempurna hafalannya)
4. Selamat dari *syadz*. Yang dimaksudkan *syadz* adalah riwayatnya tidak bertentangan dengan riwayat orang lain yang lebih tsiqah darinya.
5. Selamat dari *'illat* atau cacat yang membuatnya cela.

Syaikh Ahmad Muhammad Syakir *rahimahullah* mengomentari ucapan Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* di atas sebagai berikut :

"Siapa sahaja yang memahami ucapan al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* pada bab ini, pasti ia akan mendapati, bahwa al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* telah merangkum kaedah-kaedah yang sahih tentang ilmu al-hadis (*al-Musthalah*), dan bahawa dialah yang pertama kali menjelaskan secara jelas tentangnya, dia juga sebagai pembela hadis serta orang yang berhujah tentang wajibnya mengamalkan sunnah. Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* juga memberi bantahan terhadap orang-orang yang menentang dan menolak hadis. Benarlah penduduk Makkah yang menggelari al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* dengan gelar *Nashir al-Sunnah* (pembela sunnah), semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* meridhainya." (Dr Muhammad AW al-'Aqil, *Manhaj Aqidah Imam al-Syafi'i*, 89)

Demikian serba ringkas tentang mazhab al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* dalam mengesahkan dan menerima sesebuah hadis yang boleh kita semua jadikan sebagai pedoman dan inilah manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang sebenar.

**Sikap Al-Imam al-Syafi`i terhadap hadis *ahad***

Para ulama hadis dan usul fiqh masa kini membahagikan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada dua bahagian, *mutawatir* dan *ahad*.

Hadis *mutawatir* adalah hadis yang diriwayatkan oleh ramai perawi sehingga mustahil terjadi pendustaan atau kesilapan dari mereka dalam meriwayatkan hadis tersebut. Sedangkan hadis *ahad* ialah hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat *mutawatir*. Ianya hanya diriwayatkan oleh seorang atau dua orang perawi sahaja. Hadis *ahad* juga terbahagi kepada sahih, hasan dan dha'if. Hadis *ahad* yang sahih dan hasan merupakan hujah sedangkan yang dha'if bukan hujah.

Terjadi perbezaan pendapat tentang hadis *ahad* sama ada ianya menunjukkan ilmu yang yakin atau hanya dugaan (*dzan*) sahaja. Secara amnya ada empat pandangan ulama' berkaitan dengan isu ini.

**Kelompok yang pertama** menyatakan hadis *ahad* menunjukkan ilmu yang yakin secara mutlak, baik ianya didukung oleh beberapa *qarinah* (petunjuk) ataupun tidak. Asalkan saja persyaratannya menunjukkan ia sebuah hadis yang sahih menurut kaedah ilmu hadis, maka hadis tersebut menghasilkan ilmu yang yakin walaupun ianya hadis *ahad*.

**Kelompok yang kedua** menyatakan hadis *ahad* menunjukkan *dzan* secara mutlak, baik didukung beberapa *qarinah* atau tidak. Kelompok ini sama sekali tidak berhujah dengan hadis *ahad* baik dalam hal aqidah mahupun hukum-hakam.

**Kelompok yang ketiga** menyatakan hadis ahad hanya boleh diterima dalam masalah hukum sahaja tetapi tidak menjadi hujah kepada masalah aqidah kerana perkara berkaitan aqidah harus datang dari ilmu yang yakin secara seluruhnya.

**Kelompok yang keempat** menyatakan hadis ahad menunjukkan ilmu yang yakin apabila disokong oleh beberapa *qarinah* atau tanda-tanda yang memberi keyakinan.

Berkaitan dengan perbezaan pendapat ini Al-Imam al-Syaukani *rahimahullah* berkata,

"Ketahuilah, bahawa perbezaan pendapat yang kami sebutkan pada awal perbahasan ini, iaitu perbahasan tentang hadis ahad, bahawa hadis ahad itu menunjukkan ilmu yang yakin atau *dzan*, terikat oleh syarat, iaitu bila hadis tersebut tidak ada hadis lain yang memperkuatkannya. **Adapun jika wujud hadis yang memperkuatkannya, atau hadis tersebut masyhur** atau *mustafidh*, maka tak ada perbezaan pendapat antara ulama seperti yang telah disebutkan." (Dr Muhammad AW al-'Aqil, *Manhaj Aqidah Imam al-Syafi'i*, 90)

Syaikh al Islam Ibnu Taymiyyah *rahimahullah* pula berkata,

"Para ahli usul fiqh dari pengikut Al-Imam Abu Hanifah, Al-Imam al-Syafi'i dan Al-Imam Ahmad *rahimahumullah* berpendapat : Jika hadis ahad **diterima oleh umat dengan menyakini dan mengamalkannya**, maka ia

menunjukkan ilmu yang yakin, kecuali menurut sekelompok kecil pengikut ahli ilmu kalam yang mengingkarinya." (*Majmu' al Fatawa*, 18/41-48)

Menurut Al-Imam al-Futuhi *rahimahullah*,

"Ibnu 'Aqil, Ibnu al-Jauzi, al-Qadhi Abu Ya'la, Abu Bakr al-Baqilani, Ibnu Hamid, Ibnu Barhan, Fakhruddin ar-Razi, Al-Amidi *rahimahumullah* dan yang lainnya berpendapat, bahawa apa yang diriwayatkan secara perseorangan dari umat yang **disepakati dan diterima oleh umat**, maka ia menunjukkan ilmu yang yakin." (Dr Muhammad AW al-'Aqil, *Manhaj Aqidah Imam al-Syafi'i*, 91)

Dalam mengambil dan meriwayatkan hadis *ahad* para sahabah dan generasi sesudah mereka yang terdiri dari para *tabi'in* dan *tabi'ut tabi'in* (generasi salaf al-ummah), berijma' (sepakat) atas wajibnya mengamalkan hadis *ahad* dan tidak ada yang berselisih akan hal ini kecuali kelompok yang bukan dari kalangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* seperti *Mu'tazilah* dan *Rafidhah*. Maka pendapat yang menyelishi kesepakatan generasi salaf al-ummah ini merupakan pendapat yang baru (*muhdats*) dan pendapat yang bid'ah.

Ini sebagaimana ditekankan oleh al-Khatib al-Baghdadi *rahimahullah*:

"Keharusan mengamalkan hadis *ahad* itu adalah pendapat seluruh *tabi'in* dan para fuqaha sesudahnya diseluruh negeri hingga kini. Tidak ada keterangan yang sampai kepadaku tentang adanya salah seorang dari mereka yang menentang atau menyalahinya." (Dr Muhammad AW al-'Aqil, *Manhaj Aqidah Imam al-*

Syafi'i, 91)

Dr. Abdullah bin Shalih al-Fauzan berkata,

"... wajib mengamalkan apa yang terkandung dalam hadis *ahad* dengan menyakini (kebenarannya) jika ia berbentuk berita, dan dengan mengamalkannya jika berupa *thalab* (tuntutan, iaitu perintah dan larangan), dengan syarat, hadis itu sahih daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Menurut pendapat yang benar, berdasarkan keumuman dalil-dalil yang mewajibkan beramal dengan hadis *ahad*, (maka) tidak ada perbezaan tentang hal itu antara *ahkam* (hukum-hakam) dan *aqaid* (keyakinan atau aqidah). .....Ketahuilah, bahawa membezakan antara *aqaid* dan *ahkam* di dalam berdalil dengan hadis *ahad*, merupakan pendapat yang anih dan baru yang tidak ada dalilnya dari al-Kitab dan al-Sunnah. Bahkan menyelisihinya yang ada pada (bercanggah dengan pendapat) al-salaf al-salih. (Dr. Abdullah bin Shalih Fauzan, *Syarh al-Waraqat*, 214)

Kesimpulannya generasi salaf al-Ummah telah menggunakan hadis *ahad* dalam seluruh perkara agama baik dalam masalah aqidah mahupun masalah hukum-hakam. Setiap hadis sahih yang datang daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* maka mereka menerimanya, mereka menggunakannya sebagai hujah dan mereka mengharamkan untuk menolaknya atau berselisih dengannya walaupun ianya berstatus *ahad*. Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* telah membela mazhab salaf al-ummah ini dan tidak ada satu keterangan yang sahih dari Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* yang menunjukkan beliau melarang menggunakan



hadis *ahad* atau membahagikan hadis *ahad* sebagai hanya boleh diterima dalam masalah hukum-hakam tetapi tertolak jika ianya menyentuh perkara berkaitan aqidah.

Menurut Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani,

"Menegaskan hal ini (penggunaan hadis *ahad* sebagai hujah), beliau (Al-Imam al-Syafi`i) telah menuliskan sebuah bab yang penting dalam kitab *al-Risalah* yang beliau beri judul "Dalil-dalil yang menetapkan kesahihan hadis *ahad*." Kemudian beliau (Al-Imam al-Syafi`i) menerangkan beberapa dalil yang umum, baik dari al-Quran mahupun dari al-Sunnah yang menjelaskan kesahihan hadis *ahad* dalam masalah aqidah (Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Hadits Sebagai Landasan Akidah dan Hukum*, 93)

Sebagai contohnya beliau telah menerima hadis ru'yah (yang berstatus *ahad*) iaitu hadis yang menerangkan bahawa golongan umat Islam yang beriman akan melihat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di hari akhirat nanti sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Al-Imam Baihaqi dalam kitab *Manaqib al-Syafi'i* dari Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah*, bahawa ketika ia ditanya oleh Sa'id bin Asad tentang hadis ru'yah, ia berkata : "Hai Ibnu asad, hukumlah aku baik aku hidup ataupun mati, jika aku tidak mengikutu hadis sahih yang datang dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, sekalipun aku tidak mendengarnya langsung." (Al-Imam al Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'I*, 1/421) Ini menunjukkan sikap beliau yang tetap menerima sesebuah hadis asalkan sahaja ianya sahih, walaupun hadis tersebut berstatus

*ahad* termasuk dalam perkara bersangkutan dengan aqidah.

Antara dalil yang digunakan oleh al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* dalam penerimaan hadis *ahad* adalah peristiwa pindahnya kiblat dari Baitul Maqdis ke Makkah yang berlaku di Masjid Quba. Dengan sanadnya yang sampai kepada Abdullah bin 'Umar *radhiallahu 'anhuma*, al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* meriwayatkan dari Ibnu 'Umar: Ketika orang-orang di Quba' sedang solat subuh, datanglah **seseorang** lalu ia berkata:

***"Telah turun al-Qur'an kepada Rasulullah, beliau disuruh solat mengadap Ka'abah (di Makkah). Maka ketika mendengar berita itu, mereka (jamaah yang sedang solat) langsung memusingkan badan mereka yang pada waktu itu sedang menghadap ke arah negeri Syam (Baitul Maqdis) ke arah Ka'abah."***

Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* berkata,

"Penduduk Quba' adalah orang-orang Ansar yang senantiasa bersegera kepada ketaatan. Mereka tidak melakukan hal itu kecuali kerana ada berita, sekalipun mereka tidak melihat Rasulullah dan tidak mendengar ayat tentang perubahan kiblat itu daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* secara langsung. Mereka juga melakukan ketaatan itu sekalipun hanya dengan berita daripada satu orang (khabar *ahad*), yang penting si pembawa berita itu jujur. Mereka tidak melakukannya kerana berita daripada satu orang, melainkan kerana mereka tahu dan yakin bahawa berita daripada yang jujur seperti itu wajib

dipercayai dan diterima sebagai dalil.

Mereka juga tidak membuat satu hal besar seperti ini dalam agama (iaitu perpindahan kiblat), melainkan atas dasar ilmu dan keyakinan bahwa mereka boleh membuat hal itu, mereka tidak perlu memberitahukan apa yang diperbuatnya (iaitu) berupa pindahnya arah kiblat kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dan jika berita dari satu orang (khabar ahad) tentang perpindahan arah kiblat yang mereka terima itu hanya sekadar boleh diambil, tentu Rasulullah akan bertanya kepada mereka: "Kamu sedang menghadap kiblat, jangan kamu pindah arah kecuali setelah mengetahui dan yakin mendengarnya daripadaku atau dari orang banyak atau lebih dari satu orang (yakni khabar *mutawatir*)" (Al-Imam al-Syafi`i, *al-Risalah*, 401-408)

Kata-kata ini bagai petir yang menyambar muka-muka mereka yang telah berdusta atas nama beliau dengan menyatakan Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* berpendapat hadis ahad tidak menunjukkan ilmu yang yakin. Berkaitan dengan hadis perpindahan kiblat ini Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* berkata,

"Hadis ini merupakan dalil yang sangat jelas yang menunjukkan bahwa para sahabah menerima hadis *ahad* sebagai hujah dalam menghapuskan suatu hukum dan menggantikannya dengan hukum baru. Andaikan khabar itu tidak termasuk hujah, maka mereka tidak akan menentang sesuatu yang telah terdapat

hukumnya dengan khabar tersebut. Berkata al-Imam Ibn Qayyim *rahimahullah*, "Perbuatan mereka itu (menerima khabar ahad) tidak ditentang oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, bahkan beliau mensyukuri mereka akan hal itu." (Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Hadits Sebagai Landasan Akidah dan Hukum*, 92)

Seterusnya al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* menyebutkan pula beberapa peristiwa yang terjadi di zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu ketika baginda menghantar seorang utusan atau wakil dari kalangan para sahabat ke beberapa daerah untuk menyampaikan ajaran Islam yang tentu sekali akan membahaskan pelbagai isu agama termasuk aqidah. Berkata al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah*:

"Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah mengutus Abu Bakar sebagai pimpinan pada musim haji pada tahun ke 9 yang diikuti oleh jama'ah yang jumlahnya banyak dari berbagai negeri. Abu Bakar menjalankan haji bersama mereka dan memberitahukan kepada mereka apa yang dibawa oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tentang perintah dan larangan. Pada tahun itu, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga mengutus 'Ali bin Abi Thalib untuk membacakan kepada mereka pada Hari Nahar, rangkaian ayat dari surah bara'ah (surah at Taubah) .... Baik Abu Bakar mahupun 'Ali dikenali oleh penduduk Makkah sebagai orang yang jujur, takwa dan taat beragama, sedang jemaah haji yang tidak mengetahui tentang sifat keduanya diberitahukan oleh jemaah yang lain

yang mengetahuinya. Jadi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak mengutus orang saat itu kecuali hanya satu orang (yaitu Abu Bakar) dan 'Ali, juga ketika mengutus untuk tugas lain. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga telah mengirim para sahabat ke berbagai negeri yang lain.

.....Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga mengutuskan Mu'adz bin Jabal *radhiallahu 'anh* ke negeri Yaman untuk memerangi orang yang membangkang dan mengajari penduduk Yaman tentang apa yang difardhukan kepada mereka serta mengambil zakat yang harus mereka keluarkan. Kerana kedudukan dan kejujuran Mu'adz sudah terkenal daripada kalangan mereka, maka merekapun mematuhi perintahnya. Setiap orang yang diberi tugas oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* diperintahkan untuk memberitahukan kepada penduduk negeri, tempatnya menjadi kewajiban bagi mereka. Dan tidak ada seorang pun dari mereka yang saya (Al-Imam al-Syafi'i *rahimahullah*) ketahui ketika datang seorang yang jujur yang diberi tugas oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* (untuk menyampaikan satu berita atau perintah), berkata: "Kamu itu hanya satu orang. Jadi kami tidak mempercayaimu tentang apa yang tidak kami dengar langsung dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*." (Al-Imam al-Syafi'i, *ar Risalah*, 401-408)

Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* pernah menceritakan bahawa,

**"Sesungguhnya penduduk Yaman telah datang kepada Rasulullah**

***shallallahu 'alaihi wasallam. Mereka berkata, "Utuslah kepada kami seorang yang akan mengajarkan kepada kami al-Sunnah dan Islam."***  
***Anas bin Malik berkata, "Maka bagindapun menggenggam tangan Abu Ubaidah dan berkata, ini adalah kepercayaan umat."*** (Hadis Riwayat Muslim dan Bukhari secara ringkas). Terhadap hadis ini Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* berkata,

“..jika hadis *ahad* bukan termasuk hujah, pasti Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak akan mengutus Abu Ubaidah seorang diri. Demikian juga yang dikatakan pada utusan-utusan baginda yang lainnya ke beberapa negeri, seperti bila baginda mengutus Ali bin Abi Thalib, Muadz bin Jabal dan Abu Musa al-Asy'ari seperti tercantum dalam *al-Sahihain (Shahih al-Bukhari & Shahih Muslim)* dan yang lainnya.

Tidak diragukan lagi bahawa di antara ajaran mereka kepada kaumnya adalah hal-hal yang menyangkut persoalan aqidah. Seandainya hadis *ahad* bukan termasuk ukuran dalam penetapan sebuah dalil, tentu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak akan mengutus sahabatnya orang perseorangan kerana demikian itu merupakan suatu yang sia-sia. Hal ini juga telah diulas oleh Al-Imam al-Syafi`i dalam *ar-Risalah*, “Sesungguhnya baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* mengutus **seorang** kepada suatu kaum dengan membawa khabar. Jika baginda menginginkan, mungkin baginda langsung akan mendatangi kaum itu dan berbicara kepada mereka

atau beliau memutuskan kepada mereka **beberapa** orang, namun beliau hanya mengutus **seorang** yang diketahui kejujurannya." (Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Hadits Sebagai Landasan Akidah dan Hukum*, 90-91)

Seterusnya al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* menggunakan surat keluarga 'Amr bin Hazm sebagai dalil untuk menerima hadis *ahad*. Surat tersebut merupakan surat yang ditulis sendiri oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk penduduk Yaman. Beliau *shallallahu 'alaihi wasallam* mengirimnya kepada 'Amr bin Hazm. Kemudian surat itu sampai kepada keluarga 'Amr, lalu orang Yaman mengambil kandungan surat tersebut sebagai hujah.

Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* berkata:

"Ketika didapati pada keluarga 'Amr bin Hazm, ucapan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang berbunyi : "Pada setiap jari tangan (jika dipatahkan) wajib diganti dengan 10 ekor unta, maka orang langsung mengambil hadis itu padahal sebelumnya mereka menolaknya kerana belum tahu bahawa ucapan itu adalah ucapan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*." (Riwayat ini disahihkan oleh Imam al-Hakim dalam al-Mustadrak, al-Suyuti dalam al-Durr al-Mantsur dan Ibnu 'Abdil Barr)

Semua hujah di atas membuktikan kedudukan sebenar hadis *ahad* di sisi umat generasi awal (Salaf al-Ummah) secara umum dan di sisi al-Imam al-Syafi`i secara khusus. Kita akhiri perbincangan ini dengan kata-kata al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah*:

"Seandainya seseorang boleh mengatakan dalam ilmu khusus (hadis ahad), bahawa umat Islam dahulu mahupun sekarang boleh bersepakat atas diakui hadis *ahad* (diterima sebagai hujah), maka aku (al-Imam al-Syafi`i) akan mengatakannya hal itu juga. Aku tidak ingat (tidak tahu) tentang adanya perselisihan di kalangan ulama akan kehujahan hadis ahad." (*ar-Risalah*, 457)

### **Penutup**

Inilah mazhab Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* dalam menerima al-Sunnah dan hadis *ahad* sebagai hujah. Sudah jelas bagi kita Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* mewajibkan penggunaan al-Sunnah, termasuklah hadis *ahad* dalam semua perkara agama dan beliau juga tidak membezakan penggunaannya (hadis *ahad*) dalam masalah aqidah dan masalah yang lain. Kita juga dapat melihat bahawa Al-Imam al-Syafi`i *rahimahullah* dan Imam-Imam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang lain telah sepakat untuk menggunakan hadis *ahad* dalam isu seperti azab kubur, soal jawab *munkar & nakeer*, turunnya Imam Mahdi & Isa al-Masih, syafaat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* di hari akhirat, *Tawheed Asma was Sifat*, hadis *ru'yah* dan banyak perkara lagi.

Kita harus berhati-hati dengan satu arus yang agak kuat dewasa ini yang dibawa oleh musuh-musuh Islam untuk menentang Sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tetapi berselindung di sebalik isu hadis *ahad*. Objektif yang utama adalah untuk menimbulkan keraguan dalam masyarakat Islam terhadap hadis-hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Musuh-musuh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sememangnya senantiasa membenci Sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi*



*wasallam*, malah seboleh-bolehnya mereka inginkan umat Islam agar menjauhkan diri dari sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ternyata dengan menolak penggunaan hadis *ahad* sebagai hujah boleh menggoyahkan institusi sunnah kerana hadis yang tarafnya *mutawatir* hanyalah sedikit. Secara tidak langsung dengan menolak penggunaan hadis *ahad*, begitu banyak hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih akan tersisih dari masyarakat Islam.

Nasihat saya kepada para pembaca yang budiman sekalian adalah kekal dengan manhaj yang telah disepakati oleh para salaf al-ummah. Inilah generasi yang telah dijamin oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai generasi yang terbaik untuk dijadikan contoh ikutan sebagaimana sabda baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*:

**"Sebaik-baik generasi ialah generasiku, kemudian orang-orang yang sesudahnya (*tabiin*) dan kemudian orang-orang yang sesudahnya (*tabiut tabiin*)"** (Hadis riwayat al-Bukhari)

al-Imam al-Auza'i (157H) *rahimahullah* pernah berpesan:

Bersabarlah dalam menetapi sunnah, berhentilah pada saat kaum (salaf al-Ummah) berhenti, katakanlah sebagaimana perkataan mereka dan diamlah sebagaimana mereka diam. Berjalanlah di atas jalan mereka yang terdahulu (al-Salaf) kerana jalan tersebut akan menghantar kepada tujuan yang telah mereka capai. (Diriwayatkan oleh al-Ajurri dalam *al-Syari'ah*).

**Aurat dan Pakaian Wanita:**

**Satu Analisa Ke Atas Artikel "Memahami Aurat Wanita" karangan  
Zainudin Idris.**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Dalam sebuah hadisnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* bersabda:

**!! !! !! !!!!!!! !! !!! ! !! !!!!!!! !!!!!!! f**

**"Wanita adalah aurat, apabila dia keluar maka syaitan menghias-hiaskannya (untuk menarik perhatian lelaki)." Hadis ini diriwayatkan oleh al-Imam al-Tirmizi *rahimahullah* (279H) dan ia disahihkan oleh Syaikh Nashr al-Din al-Albani. [*Shahih Sunan al-Tirmizi* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh 2000) – hadis no: 1173] Hadis di atas memperjelaskan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:**

**"Dan janganlah mereka (kaum wanita) memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya." [Surah al-Nur 24:31]**

Antara hukum yang dapat diambil daripada hadis dan ayat di atas adalah pemutlakan wanita sebagai aurat yang dengan itu dia wajib melindungi dirinya daripada dilihat oleh orang lain. Hukum ini merupakan kesepakatan umat Islam dari dahulu hingga kini. Akan tetapi mereka berbeza pendapat apakah anggota

yang dimaksudkan dengan firman Allah: **"kecuali yang zahir daripadanya"**. Sebahagian ilmuan berpendapat ia adalah muka dan telapak tangan. Sebahagian lagi berpendapat ia adalah muka, telapak tangan dan telapak kaki. Sebahagian lagi berpendapat ia adalah bentuk badan wanita di mana sekalipun telah berpakaian yang menutup seluruh tubuh, secara zahir dia tetap dapat dikenali sebagai seorang wanita. Maka pengenalan berdasarkan zahir bentuk badan adalah sesuatu yang tidak dapat dielak, lalu dia tidak dihukum kerananya. Walauapa pun antara tiga pendapat ini, wilayah perbezaan ini adalah amat kecil dan ia tidak mencemari kesepakatan umat tentang batas aurat dan pakaian para muslimah.

Pada bulan Febuari yang lepas umat Islam Malaysia dikejutkan oleh sebuah artikel berjudul *Memahami Aurat Wanita* yang dimuatkan dalam majalah *al-Islam* dan akhbar *Mingguan Malaysia* (15 Feb 2004). Artikel tersebut dipilih oleh Astora Jabat dan beliau mendakwa ia asalnya ditulis oleh seorang yang bernama Zainudin Idris. Artikel tersebut turut mendapat perhatian penulis. Ringkasnya ia mendakwa bahawa aurat yang wajib ditutup oleh kaum wanita mengikut syari`at Islam hanyalah kemaluan depan dan belakangnya. Bahkan beliau menulis: "Jika terbuka buah dada dan belakang sekalipun dikirakan sembahyang mereka sah, apakah lagi di luar sembahyang."

*Sejauh mana kebenaran artikel tersebut? Penulis tertarik untuk mengkaji dan menganalisisnya. Artikel ini – alhamdulillah – adalah hasil kajian dan analisa penulis sekadar mampu. Sebelum ini penulis telah mengarang artikel seumpama dalam bentuk yang lebih ringkas dan dihantar ke*

*beberapa forum di internet. Artikel tersebut telah berkembang luas dengan beberapa tambahan daripada orang lain, alhamdulillah.*

*Dalam mengusahakan artikel ini, ingin ditekankan bahawa yang menjadi tumpuan penulis ialah dalil dan metode perbahasan Zainudin Idris dan bukan peribadi beliau. Pendek kata bukan siapa yang menulis tetapi apa yang ditulisnya. Oleh itu metode perbahasan penulis dalam artikel ini ialah:*

- 1. Mengemukakan (copy and paste) artikel Memahami Aurat Wanita oleh Zainudin Idris daripada laman Utusan Online bertarikh 15 Febuari 2004. Ini bertujuan memudahkan para pembaca yang tidak sempat membaca artikel tersebut sebelum ini. Kemudian penulis memberi nombor bagi setiap perenggan kerana analisa penulis ke atas artikel tersebut adalah berdasarkan perenggan demi perenggan.*
- 2. Menukil seperenggan demi seperenggan daripada artikel Memahami Aurat Wanita dengan setiap nukilan disebut nombor perengganinya. Misalnya: "Disebut dalam perenggan pertama."*
- 3. Kemudian diikuti dengan analisa penulis, didahului dengan "Analisa."*

*Walau pun penulis cuba untuk tidak mengkritik peribadi saudara Zainudin Idris, beberapa soalan tetap perlu difikirkan tentang siapakah "Zainudin Idris" pada asalnya. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan persoalan ini menjadi penting:*

- 1. Siapakah Zainudin Idris? Identiti Zainudin Idris tidak dikenali dalam dunia penulisan berhubung dengan isu keagamaan di negara ini. Menurut Astora Jabat dalam ruangan E-Mail Pembaca bertarikh 22 Februari 2004, Zainudin Idris adalah seorang guru yang mempunyai sekolah pondok sendiri di Kelantan. Benarkah demikian kerana sehingga kini kita tidak mengetahui*

*kewujudan sebuah sekolah pondok yang mana anak-anak muridnya hanya berpakaian menutup kemaluan depan dan belakang sahaja.*

- 2. Dalam ruangan Respons Pembaca edisi Al-Islam bulan April 2004, mukasurat 82, Astora Jabat telah meminta agar Zainudin Idris tampil ke hadapan bagi membuktikan bahawa beliau adalah penulis asal artikel Memahami Aurat Wanita. Malah Astora sendiri mencadangkan agar Zainudin Idris mengemukakan gambar photonya atau membenarkan jurugambar Al Islam mengambil gambar beliau. Sehingga ke tarikh penulis (Hafiz Firdaus) mengarang artikel ini (15 Jun 2004), permintaan Astora Jabat di atas masih belum dikabulkan oleh Zainudin Idris. Semua ini mengarah kepada satu pertanyaan - Adakah "Zainudin Idris" benar-benar wujud?*
- 3. Dua soalan pertama di atas mengarah kepada soalan ketiga, iaitu wujudkah kemungkinan bahawa "Zainudin Idris" hanyalah nama samaran (nama pena) manakala orang sebenar di belakang nama tersebut ialah Astora Jabat sendiri? Dalam pelbagai forum perbincangan di alam maya (internet), majoriti berpendapat bahawa orang sebenar di belakang nama "Zainudin Idris" ialah Astora Jabat. Pendapat ini didasarkan kepada pelbagai kesamaan dalam metode perbincangan antara Astora Jabat dan Zainudin Idris. Dikatakan strategi Astora menggunakan nama "Zainudin" adalah untuk mengalih tumpuan pembaca dan menyelamatkan dirinya daripada dikritik hasil daripada artikel-artikel yang bakal dikemukakan.*

*Tiga persoalan di atas penulis serahkan kepada para pembaca untuk dianalisa dan dicari jawabannya. Sepertimana yang disebut sebelum ini, tumpuan penulis di sini ialah menganalisa dalil dan metode perbahasan pengarang artikel Memahami Aurat Wanita tanpa mengambil kira sama ada ia ditulis oleh saudara Zainudin Idris atau siapa jua. Berikut dikemukakan artikel Memahami Aurat Wanita oleh saudara Zainudin Idris.*

### **Memahami Aurat Wanita**

Oleh Astora Jabat

[*Mingguan Malaysia*, 15 Februari 2004, daripada [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)]

Berdasarkan maklum balas yang diterima, ramai pembaca tidak sempat membeli majalah Al Islam keluaran Februari kerana kehabisan di pasaran. Penulis menyiarkan dalam ruangan ini salah satu rencana yang dipercayai menjadi punca Al Islam mendapat sambutan luar biasa. Rencana bertajuk Rambut Wanita Bukan Aurat ditulis oleh Ustaz Zainudin Idris, pengikut Shah Waliyullah ad-Dihlawi (ulama reformis India).

Beliau menghasilkan rencana itu pada 10 Februari 1989 sebagai jawapan kepada kawan-kawannya yang keliru mengenai aurat wanita. Bagaimanapun, kerana ruang yang terbatas, penulis tidak dapat menyiarkan sepenuhnya rencana bahagian pertama itu.

Berikut disiarkan rencana Ustaz Zainudin itu.

[1] Pertikaian mengenai hukum aurat dan pakaian wanita sebenarnya telah lama berlaku di kalangan umat Islam. Setiap golongan bermati-matian dengan

pegangan masing-masing tanpa menganalisis secara teliti sumber asal al-Quran, sunah dan ijmak para ulama. Selain itu mereka tidak merenungi tentang apakah hikmat yang terkandung dalam risalah Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wassalam* yang begitu umum dengan kitab suci al-Quran yang amat berhikmat lagi maha agung. Al-Quran diturunkan bukan untuk orang Arab sahaja malah untuk manusia sejagat.

[2] Perkataan aurat menjadi sebutan biasa di kalangan orang kita dengan pengertian anggota-anggota yang diharamkan melihatnya sama ada lelaki dengan perempuan atau perempuan dengan perempuan atau lelaki dengan lelaki. Asal perkataan 'aurat' daripada bahasa Arab yang bermaksud 'keaiban' atau setiap sesuatu bahagian anggota yang ditutup oleh manusia secara mengejut dan malu.

[3] Imam Waliyullah memberi takrif aurat di dalam kitab Hujjatullah al-Balighah pada halaman 688, jilid 2; beliau berkata:

[4] "Ketahuilah bahawa menutup aurat, saya maksudkan ialah anggota-anggota yang mendatangkan keaiban dengan sebab ia terbuka di hadapan khalayak ramai mengikut adat umat yang sederhana hidupnya seperti yang terdapat pada bangsa Quraisy pada masa itu, ia termasuk di dalam pokok (asas) tamadun yang diakui di sisi setiap golongan yang dinamakan manusia, dan ia di antara perkara yang membezakan manusia daripada sekalian pelbagai jenis haiwan. Dengan sebab itu syariat mewajibkan menutup aurat tersebut, dua kemaluan manusia (qubul/depan dan dubur/belakang), dua buah kemaluan, ari-

ari dan bahagian anggota yang mengiringinya termasuk pangkal kedua-dua paha dikira yang paling jelas dari segi agama bahawa ia termasuk ke dalam bahagian aurat.

[5] Tidaklah perlu mendapatkan dalil lagi mengenai perkara itu. Persabdaan Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* menunjukkan, apabila seseorang kamu mengahwini amahnya maka janganlah ia lihat pada auratnya. Riwayat yang lain pula Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* bersabda: Maka janganlah lihat kepada anggota yang di bawah pusat dan di atas lutut.

[6] Nabi s.a.w bersabda lagi: Tidakkah engkau tahu bahawa paha itu aurat? Asal hukum menutup aurat di dalam syarak difaham daripada firman Allah taala di dalam surah al-A'raf, ayat 26. Allah berfirman: Wahai anak Adam sesungguhnya Kami turunkan pakaian yang menutup kemaluan kamu dan pakaian menutup seluruh tubuh dan pakaian takwa (sederhana) itu lebih baik.

[7] Pada ayat ini Allah mendedahkan kepada kita tiga jenis pakaian manusia, sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran. Pertama yang menutup dua kemaluan seperti pakaian Adam dan Hawa, sebagaimana Allah berfirman: Mulailah mereka berdua menutup atas mereka dengan dua daun syurga. (surah al-A'raf, ayat 22)

[8] Kedua, pakaian yang menutup seluruh tubuh seperti burung. Ini adalah pakaian berhias-hias. Ketiga, yang berasaskan kesederhanaan, kecergasan dan keadilan itu adalah lebih baik (libasataqwa).



[9] Sebenarnya para imam Islam telah pun menetapkan aurat yang wajib ditutup dan yang tidak wajib ditutup. Imam as-Syafii sebagai contoh mengikut adat resam Arab dan perasaan mereka yang mana kaum perempuannya suka menutup seluruh badan dan kaum lelakinya menutup sekadar tiga per empat badan. Imam Hanafi mengikut adat Ajam (Parsi) yang resamnya tidak jauh dengan Arab. Akan tetapi Imam Malik, guru kepada Imam as-Syafii menetapkan aurat mengikut adat resam orang-orang di sebelah Eropah. Dia membenarkan kaum lelaki menutup dua kemaluan sahaja dan begitu juga dengan kaum wanitanya. Jika terbuka buah dada dan belakang sekalipun dikirakan sembahyang mereka sah, apakah lagi di luar sembahyang.

[10] Imam Abu Bakar al-Jassas di dalam kitab Ahkamul Quran, jilid 3, halaman tiga berkata: "Sesungguhnya telah bersetuju ummah bahawa apa yang ditunjukkan oleh ayat (al-Quran) adalah mesti menutup aurat."

[11] Kemudian beliau mengemukakan beberapa hadis yang sahih daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* dan athar para sahabat untuk menerangkan maksud aurat sebagaimana yang terdapat pada ayat 26 daripada surah al-A'raf di atas pada halaman 30, jilid tiga, beliau berkata:

[12] "Telah datang beberapa athar daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* berhubung dengan masalah ini (menutup aurat) di antaranya hadis Bahzun bin Hakim yang diriwayatkan daripada bapanya dan diriwayatkan pula daripada neneknya, beliau berkata: "Aku bertanya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* aurat kami apakah yang kami gunakan dan apa yang kami tinggalkan? Lalu

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* bersabda: Hendaklah engkau peliharakan aurat engkau kecuali isterimu atau perempuan yang kamu miliki. Lalu aku bertanya: "Wahai Rasulullah! Jika kami berseorangan?"

[13] Baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah lebih patut dimalukan kepadanya."

[14] Dalam riwayat Abu Said al-Khudri daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* baginda bersabda: "Tidak harus seseorang lelaki yang memandang aurat seorang lelaki yang lain dan tidak harus seseorang wanita memandang aurat wanita yang lain."

[15] Pada hadis yang lain baginda bersabda: "Dilaknat mereka yang melihat kemaluan saudaranya."

[16] Allah berfirman dalam surah an-Nur, ayat 30: Suruhlah kepada orang mukmin hendaklah mereka rendahkan pandangan mereka dan mengawal kemaluan mereka; itu lebih baik untuk mereka; sesungguhnya Allah amat mengetahui apa yang mereka buat.

[17] Pada ayat 31 firman-Nya: Suruhlah para mukminat rendahkan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka; dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka melainkan apa yang zahir daripadanya.

[18] Ibnu al-Arabi berkata dalam al-Futuhat al-Makkiah jilid 1, halaman 521 pada bahagian `pada menyatakan batas aurat: "Sebahagian ulama mengatakan bahawa aurat lelaki itu hanyalah dua kemaluannya sahaja (qubul dan dubur).

Manakala sebahagian ulama pula mengatakan aurat lelaki itu dari pusat ke lutut. Di sisi kami (Ibnu al-Arabi) hanyalah dua kemaluannya sahaja yang dikira aurat yang hakiki, iaitu anggota-anggota manusia yang dicaci, dibenci dan dianggap buruk melihatnya. Dua kemaluan itu adalah tempat kepada apa yang kami sebutkan itu adalah menepati hukum haram, anggota-anggota selain daripada dua kemaluan itu dari pusat ke atas dan dari lutut ke bawah adalah menepati hukum syubhat yang sepatutnya berjaga-jaga kerana berternak di sempadan kawasan larangan itu hampir-hampir termasuk ke dalamnya.”

[19] Pada bahagian `Batas aurat perempuan' pula beliau berkata: “Sebahagian ulama mengatakan keseluruhan tubuh perempuan aurat kecuali muka dan dua tapak tangan. Ada pula ulama yang mengatakan demikian dengan tambahan tapak kakinya tidak termasuk aurat.

[20] Ada yang mengatakan perempuan keseluruhannya aurat.

[21] Ada pun mazhab kami (Ibnu al-Arabi), aurat pada perempuan hanyalah dua kemaluannya sebagaimana Allah berfirman: Mulailah mereka menutup atas kedua mereka dengan daun dari syurga. (Al-A'raf, ayat 22). Allah menyamakan di antara Adam dan Hawa pada menutup aurat keduanya (iaitu dua kemaluan). Jika perempuan diarah menutup adalah mazhab kami, tetapi bukannya tutupan itu kerana aurat malahan itu adalah undang-undang syarak yang berkehendakkan menutup dan tidaklah pasti menutup sesuatu itu kerana ia aurat.

[22] Dengan huraian itu jelaslah bahawa walaupun segala nas, pendapat para ulama muhaqqiqin boleh dikatakan telah ittifak (bersepakat) dan ijmak mengakui

bahawa aurat sebenar yang dikehendaki oleh Allah supaya manusia menutupnya itu hanyalah dua kemaluan (qubul dan dubur) sahaja sama ada pada kaum lelaki atau perempuan tanpa sebarang perbezaan kerana menutup dua kemaluan itu adalah suatu sifat yang membezakan di antara manusia dan haiwan sebagaimana berlalu keterangan Hujjatul Islam Shah Waliyullah ad-Dihlawi, termasuklah anggota-anggota yang berhampiran dengannya seperti kedua-dua batang paha dan buah kemaluan lelaki serta ari-ari. Semuanya dikira termasuk ke dalam bahagian aurat. Akan tetapi di akhir huraianya, Shah Waliyullah menegaskan bahawa semua hadis yang menerangkan masalah aurat dan meletakkan batasan-batasannya adalah berlawanan. Ini bererti keterangan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* itu tidak sama dalam masalah ini.

[23] Mengikut pendapat Shah Waliyullah semua hadis itu sahih (jelas), maka semuanya boleh dijadikan panduan.

[24] Pengertian aurat ini memang dimaklumi di kalangan umat Arab zaman silam. Al-Quran dan hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* tidak memberi makna yang jelas atau keputusan yang tidak boleh dipertikaikan. Dengan sebab itu perkhilafan (beza) pendapat di kalangan para ulama Islam tidak timbul sama sekali, tetapi apa yang berlaku adalah sebagaimana yang kita semua saksikan pada hari ini. Punca perbahasan mengenai masalah aurat ini hanya timbul daripada kefahaman yang semata-mata diambil daripada hadis-hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* yang keterangannya berlawanan dan juga pendapat para ahli tafsir yang memberi keterangan di bawah ayat-ayat yang tidak sarih

(jelas). Kerana sebab itulah Imam Ibnu Rusyd rahimahullah taala telah memberi penjelasan dalam Bidayatul Mujtahid, jilid 1; halaman 114: "Para ulama keseluruhannya telah ittifak (sepakat) mengatakan bahawa menutup aurat itu suatu kewajipan yang mutlak, tetapi mereka berselisih faham tentang penutupan itu adakah ia merupakan suatu syarat yang terkandung di dalam beberapa syarat bagi sah sembahyang ataupun tidak.

[25] Demikian pula mereka berlainan faham tentang batas-batas aurat pada lelaki dan perempuan, tetapi yang ternyata di dalam mazhab Imam Malik bahawa menutup aurat itu termasuk di dalam bahagian amalan sunat di dalam sembahyang sahaja. Di dalam mazhab Abu Hanifah dan as-Syafii menutup aurat itu sebahagian amalan fardu di dalam sembahyang. Sebab perselisihan mereka di dalam menentukan perkara itu ialah kerana hadis-hadis dan athar sahabat yang menjadi tunjang kepada masalah itu didapati saling bercanggah kenyataannya serta para sahabat telah berbeza dalam memahami maksud firman Allah (al-A'raf, ayat 31):

[26] Wahai anak-anak Adam pakailah perhiasan kamu pada setiap kali ke masjid. Adakah suruhan Allah dengan menggunakan perhiasan itu menunjukkan suruhan wajib atau sunat jua.

[27] Apakah yang dimaksudkan dengan perhiasan (az-ninah) itu? Imam Assudi mengatakan maksud perhiasan pada ayat itu ialah pakaian yang menutup aurat. Riwayat daripada Abu Hanifah, beliau berkata: Aurat terbahagi kepada dua bahagian, aurat mughallazah (aurat berat) dan aurat mukhaffah (aurat ringan).

[28] Aurat mughallazah itu adalah qubul dan dubur dan aurat mukhaffah, iaitu anggota-anggota selain daripada apa yang telah disebut ia daripada aurat."

Akhir sekali penulis ingin terangkan di sini bahawa rencana bahagian kedua akan disiarkan dalam majalah Al Islam keluaran Mac yang akan berada di pasaran esok.

**Analisa Ke Atas Artikel "Memahami Aurat Wanita" karangan Zainudin Idris.**

**Disebut dalam perenggan pertama:**

Pertikaian mengenai hukum aurat dan pakaian wanita sebenarnya telah lama berlaku di kalangan umat Islam. Setiap golongan bermati-matian dengan pegangan masing-masing tanpa menganalisis secara teliti sumber asal al-Quran, sunah dan ijmak para ulama. Selain itu mereka tidak merenungi tentang apakah hikmat yang terkandung dalam risalah Nabi Muhammad shallallahu `alaihi wassalam yang begitu umum dengan kitab suci al-Quran yang amat berhikmat lagi maha agung. Al-Quran diturunkan bukan untuk orang Arab sahaja malah untuk manusia sejagat.

**Analisa:**

Sejauh kajian penulis, yang wujud bukanlah pertikaian sehingga ke tahap

bermati-matian akan tetapi sekadar perbezaan pendapat di mana setiap tokoh yang cenderung kepada satu pendapat bersikap toleran terhadap pendapat yang lain. Ini kerana wilayah perbezaan tersebut tidak besar sehingga melibatkan hukum pokok agama tetapi kecil sekadar melibatkan tahap batasan aurat. Mereka semua bersepakat bahawa tubuh badan wanita adalah aurat yang wajib ditutup. Mereka hanya berselisih terhadap tiga anggota iaitu muka, telapak tangan dan telapak kaki – adakah ia wajib ditutup juga. Perbezaan ini disebut juga oleh saudara Zainudin ketika menukil pendapat Ibn 'Arabi dalam dalam artikel asal beliau, perenggan ke 19 dan 20:

“Sebahagian ulama mengatakan keseluruhan tubuh perempuan aurat kecuali muka dan dua tapak tangan. Ada pula ulama yang mengatakan demikian dengan tambahan tapak kakinya tidak termasuk aurat. Ada yang mengatakan perempuan keseluruhannya aurat.”

Setiap tokoh yang cenderung kepada salah satu daripada tiga pendapat ini memiliki dalil dan hujah sebagaimana yang tercatat di dalam kitab-kitab fiqh mereka. Penulis tidak akan menyalinnya di sini kerana ia akan mengambil ruang yang besar. Namun yang penting ketiga-tiga pendapat ini memiliki dasarnya daripada al-Qur'an dan al-Sunnah dan ia bukanlah semata-mata “pegangan masing-masing tanpa menganalisis secara teliti sumber asal al-Quran, sunah dan ijmak para ulama” sebagaimana dakwa saudara Zainudin.

**Disebut dalam perenggan ke 3 dan 4:**

Imam Waliyullah memberi takrif aurat di dalam kitab Hujjatullah al-Balighah pada

halaman 688, jilid 2; beliau berkata:

"Ketahuilah bahawa menutup aurat, saya maksudkan ialah anggota-anggota yang mendatangkan keaiban dengan sebab ia terbuka di hadapan khalayak ramai mengikut adat umat yang sederhana hidupnya seperti yang terdapat pada bangsa Quraisy pada masa itu, ia termasuk di dalam pokok (asas) tamadun yang diakui di sisi setiap golongan yang dinamakan manusia, dan ia di antara perkara yang membezakan manusia daripada sekalian pelbagai jenis haiwan. Dengan sebab itu syariat mewajibkan menutup aurat tersebut, dua kemaluan manusia (qubul/depan dan dubur/belakang), dua buah kemaluan, ari-ari dan bahagian anggota yang mengiringinya termasuk pangkal kedua-dua paha dikira yang paling jelas dari segi agama bahawa ia termasuk ke dalam bahagian aurat."

**Analisa:**

Daripada kata-kata di atas, kelihatan bahawa aurat manusia yang diwajibkan oleh syari'at untuk ditutup ialah kemaluan depan dan belakang. Benarkah yang sedemikian merupakan pendapat Imam Waliyullah? Rujukan penulis kepada kitab Hujjah Allah al-Balighah (Dar al-Ma'rifah, Beirut 1997) jld. 2, ms. 219-222 karangan al-Imam Syah Waliy Allah ibn 'Abd al-Rahman al-Dahlawi (seterusnya disebut dengan singkatan al-Imam al-Dahlawi) membuahkan hasil yang berlainan.

Daripada penjelasan al-Imam al-Dahlawi yang sepanjang 3 mukasurat, saudara Zainudin hanya mengambil satu perenggan yang letaknya di separuh kedua. Agaknya apa kata al-Imam al-Dahlawi di separuh pertama? Di sini penulis tidak



akan menterjemah ke semuanya kerana ia amat panjang. Akan tetapi penulis akan kemukakan poin-poin penting daripada perkataan al-Imam al-Dahlawi.

Al-Imam al-Dahlawi memulakan perbahasannya tentang aurat wanita dengan menjelaskan bahawa apabila seorang lelaki memandang kepada aurat wanita, ia akan menimbulkan syahwat yang akhirnya membawa kepada perkara-perkara maksiat. Atas dasar ini maka syari'at Islam menggariskan beberapa cara untuk menutup jalan-jalan yang boleh membawa kepada syahwat dan kemaksiatan ini. Antara cara tersebut adalah:

1. Tempat wanita adalah di rumah. Mereka hanya keluar apabila terdapat keperluan yang mendesak. Dalilnya ialah sabda Rasulullah shallallahu `alaihi wassalam yang bermaksud: **"Seorang wanita adalah aurat, maka apabila dia keluar daripada rumahnya syaitan akan menghias-hiaskannya."** Juga firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang bermaksud: **"Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu"** [surah al-Ahzab 33:33]
2. Wanita memakai jilbab (tudung) dan tidak menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami dan mahramnya sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Nur 24 ayat 31. Rukhsah (kelonggaran) diberikan kepada (a) wajah sebagai bentuk pengenalan dan (b) tangan kerana ia banyak membuat kerja. Selain itu rukhsah juga diberi kepada wanita tua yang sudah tiada daya tarikan.
3. Tidak boleh berdua-duan (khalwat).

4. Tidak boleh memandang aurat sesama jantina. Lelaki tak boleh pandang aurat lelaki, wanita tak boleh pandang aurat wanita.
5. Tidak boleh sesama jantina tidur satu "pakaian", yakni tidur satu selimut bersama-sama. Poin ke 4 & 5 ini untuk mengelakkan kemaksiatan sesama jantina seperti gay & lesbian.

Demikian ringkasan daripada keterangan al-Imam al-Dahlawi. Jelas daripada keterangan beliau bahawa aurat wanita bukanlah kemaluan depan belakang sahaja tetapi semua anggota tubuh badan kecuali muka dan tangan. Sekarang tibalah kita ke perenggan yang dinukil dan diterjemahkan oleh saudara Zainudin. Perhatian kita ditumpukan kepada satu ayat yang diterjemah oleh Zainudin sebagai: "Dengan sebab itu syariat mewajibkan menutup aurat tersebut, dua kemaluan manusia (qubul/depan dan dubur/belakang), dua buah kemaluan....." Sengaja atau tidak, saudara Zainudin telah meninggalkan huruf "waw" sebelum perkataan "dua kemaluan". Terjemahan harfiah daripada teks Arab yang sebenar ialah: "Dengan sebab itu syariat mewajibkan menutup aurat tersebut dan dua kemaluan manusia (qubul/depan dan dubur/belakang) dan dua buah kemaluan..." Sekalipun kita biasa menterjemah huruf "waw" sebagai "dan", yang benar di dalam ilmu bahasa Arab huruf "waw" memiliki 5 peranan. Peranan huruf "waw" di dalam ayat di atas adalah untuk memberi tumpuan atau penekanan (emphasis) sehingga terjemahannya dalam bahasa kita adalah: "Dengan sebab itu syariat mewajibkan menutup aurat tersebut, khasnya dua kemaluan manusia....."

Ini seumpama firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang bermaksud:

**“Sesiapa memusuhi Allah dan memusuhi Malaikat-malaikat-Nya dan Rasul-rasul-Nya, (waw) khasnya malaikat Jibril dan Mikail, (maka ia akan diseksa oleh Allah) kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang-orang kafir.”** [al-Baqarah 2:98] Jika diperhatikan ayat di atas, Allah menggunakan kata **“dan”** untuk malaikat Jibril dan Mikail. Kenapakah demikian padahal Allah Subhanahu wa Ta'ala telahpun menyebut makhluk **“malaikat-malaikat-Nya”** sebelum itu? Sebabnya adalah kerana Allah ingin memberi penekanan kepada dua orang malaikat yang khusus di antara semua malaikat, iaitu Jibrail dan Mikail.

Justeru daripada kajian kita ke atas keseluruhan penjelasan al-Imam Waliyullah al-Dahlawi, jelas bahawa bagi beliau aurat wanita adalah sesuatu yang boleh membuka jalan ke arah kemaksiatan lagi mendedahkan aib kepada orang ramai. Oleh itu aurat tersebut wajib ditutup, mewakili seluruh tubuh badan wanita kecuali muka dan telapak tangan. Jauh sekali daripada pendapat al-Imam Waliyullah al-Dahlawi bahawa aurat wanita yang wajib ditutup hanya kemaluan depan dan belakangnya.

**Disebut dalam perenggan ke 6:**

Asal hukum menutup aurat di dalam syarak difaham daripada firman Allah taala di dalam surah al-A'raf, ayat 26. Allah berfirman: Wahai anak Adam sesungguhnya Kami turunkan pakaian yang menutup kemaluan kamu dan pakaian menutup seluruh tubuh dan pakaian takwa (sederhana) itu lebih baik.

**Analisa:**

Memang benar bahawa ayat yang membentuk asas dalam hukum menutup aurat ialah ayat 26 surah al-A'raaf. Akan tetapi merupakan tindakan yang salah untuk menjadikan ayat 26 surah al-A'raaf sebagai dalil menentukan aurat dan pakaian untuk para wanita. Ini kerana ayat 26 surah al-A'raaf hanya membentuk asas hukum secara umum manakala perinciannya perlu dirujuk kepada ayat-ayat yang lain dan hadis-hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam. Untuk kesempatan ini penulis akan kemukakan dua ayat al-Qur'an yang memperincikan keumuman ayat 26 surah al-A'raaf di atas.

Ayat pertama ialah firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

**“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”** [surah al-Ahzab 33:59]

Ayat kedua ialah firman Allah Subhanahu wa Ta'ala: !

**“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah**

**mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.”**

[surah al-Nur 24:31]

Ayat pertama menyuruh Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam memerintah para isteri baginda dan semua perempuan beriman untuk melabuhkan pakaian sehingga menutup seluruh tubuh badan. Ayat kedua pula memerintahkan agar kain tudung yang sedia dipakai di kepala dilabuhkan ke hadapan agar menutup belahan leher dan dada. Kedua-dua ayat ini memperincikan aurat dan cara pakaian yang dikehendaki oleh syari'at Islam untuk menutup aurat tersebut. Penulis merasa aneh mengapa saudara Zainudin tidak mengemukakan kedua-dua ayat ini untuk menepati tajuk artikelnya Memahami Aurat Wanita.

**Disebut dalam perenggan ke 9:**

Sebenarnya para imam Islam telah pun menetapkan aurat yang wajib ditutup dan yang tidak wajib ditutup. Imam as-Syafii sebagai contoh mengikut adat resam Arab dan perasaan mereka yang mana kaum perempuannya suka menutup seluruh badan dan kaum lelakinya menutup sekadar tiga per empat badan. Imam Hanafi mengikut adat Ajam (Parsi) yang resamnya tidak jauh dengan Arab.

**Analisa:**

Di atas adalah satu kenyataan yang aneh lagi amat jauh daripada kebenaran. Para imam mazhab – semoga Allah merahmati mereka semua – tidak membicarakan apa-apa persoalan agama kecuali menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih sebagai dalil dan hujah. [rujuk buku penulis Pedoman-pedoman Bermazhab

Dalam Islam (edisi baru) (Jahabersa, Johor Bahru 2004), ms. 55-59]

Demikianlah halnya dalam menetapkan batas aurat wanita yang wajib ditutup. Mereka tidak ber hukum berdasarkan adat sesuatu masyarakat tetapi berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam. Para pembaca dijemput memerhatikan semula ayat-ayat di atas. Kedua-dua ayat 59 surah al-Ahzab dan ayat 31 surah al-Nur ditujukan kepada **"perempuan-perempuan yang beriman"**. Ia tidak ditujukan kepada perempuan daripada sesuatu bangsa atau suku kaum tertentu. Kedua-dua ayat ini membatalkan pendapat Zainudin yang mendakwa para imam mazhab menetapkan kewajipan aurat perempuan berdasarkan adat bangsa tertentu.

Kedua-dua ayat ini juga membatalkan pendapat kebanyakan para modernis dan aktivis wanita masa kini yang turut mendakwa bahawa memakai tudung untuk menutup aurat (menutup kepala, rambut dan dilabuhkan sehingga ke bawah dada) adalah ikutan adat masyarakat Arab semata-mata. Kedua-dua ayat di atas ditujukan kepada para wanita yang beriman dan sikap mereka terhadap kedua-dua ayat di atas bukanlah mencipta pelbagai dalih untuk menolaknya tetapi menerimanya dengan hanya berkata "Kami dengar dan kami taat". Ini sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

**"Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah**

**mereka berkata: Kami dengar dan kami taat; dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan.”** [surah al-Nur 24:51]

**Disebut dalam perenggan ke 9:**

Akan tetapi Imam Malik, guru kepada Imam as-Syafii menetapkan aurat mengikut adat resam orang-orang di sebelah Eropah. Dia membenarkan kaum lelaki menutup dua kemaluan sahaja dan begitu juga dengan kaum wanitanya. Jika terbuka buah dada dan belakang sekalipun dikirakan sembahyang mereka sah, apakah lagi di luar sembahyang.

**Analisa:**

Ini jelas adalah satu fitnah ke atas al-Imam Malik rahimahullah (179H). Setakat ini penulis tidak menemui mana-mana kitab fiqh Mazhab Maliki yang muktabar yang menerangkan sedemikian. Kita minta saudara Zainudin mengemukakan bukti yang jelas daripada mana-mana kitab fiqh yang muktabar dalam Mazhab Maliki untuk membenarkan dakwaannya itu. Sementara menunggu, para pembaca sekalian boleh mempertimbangkan beberapa poin di bawah ini:

1. Manhaj fiqh al-Imam Malik ialah al-Qur'an, al-Sunnah dan amalan agama penduduk Madinah. Al-Imam Malik tidak pernah menjadikan adat orang Eropah sebagai manhaj fiqhnya. [rujuk buku *The Origins of Islamic Law: The Qur'an, The Muwattha' and Madinan 'Amal* oleh Yasin Dutton (Curzon Press, Surrey 1999)]
2. Sepanjang hayatnya al-Imam Malik tidak pernah keluar dari Kota Madinah kecuali apabila hendak menunaikan amalan haji dan umrah.

3. Di zaman al-Imam Malik orang Eropah juga tidak pernah menjejak kaki di atas bumi Madinah kerana ia termasuk tanah haram yang dilarang ke atas orang bukan Islam. Berdasarkan poin kedua dan ketiga ini, bagaimana mungkin dikatakan beliau mengikut adat Eropah? Perlu diingatkan bahawa pada zaman al-Imam Malik tidak ada media cetak, elektronik dan internet yang boleh menghubungkan beliau dengan budaya Eropah.
4. Lebih terserlah, orang Eropah sendiri sama ada kaum lelaki atau perempuan kira-kira 1200 tahun, iaitu pada zaman al-Imam Malik, tidak berpakaian dengan hanya menutup kemaluan depan dan belakang sahaja.

Setelah membuat fitnah ke atas al-Imam Malik, saudara Zainudin seterusnya berkata: "Jika terbuka buah dada dan belakang sekalipun dikirakan sembahyang mereka sah, apakah lagi di luar sembahyang."

Daripada kata-kata di atas, tidak ragu lagi bahawa aurat wanita yang patut ditutup mengikut saudara Zainudin hanyalah kemaluan depan dan belakang sahaja. Ini tidak berbeza dengan kaum pendalaman Afrika yang hanya memakai cawat. Dengan artikelnya yang berjudul Memahami Aurat Wanita, inilah aurat dan cara berpakaian yang cuba difahami oleh saudara Zainudin ke atas umat Islam. Kita berkata, jika saudara Zainudin ingin bercawat ke sana ke sini maka dipersilakan. Akan tetapi janganlah cuba membenarkannya di atas nama "Syari'at Islam".



**Disebut dalam perenggan ke 10:**

Imam Abu Bakar al-Jassas di dalam kitab Ahkamul Quran, jilid 3, halaman tiga berkata: "Sesungguhnya telah bersetuju ummah bahawa apa yang ditunjukkan oleh ayat (al-Quran) adalah mesti menutup aurat."

**Analisa:**

Di atas hanyalah nukilan sepele daripada perkataan al-Imam Abu Bakar Ahmad bin 'Ali al-Razi al-Jashshash *rahimahullah* (370H) daripada kitabnya yang masyhur *Ahkam al-Qur'an*. Seterusnya daripada perenggan 11 hingga 16, saudara Zainudin menukil sebahagian hujah-hujah al-Imam al-Jashshash tentang aurat lelaki. Manakala dalam perenggan ke 17 saudara Zainudin menukil sebahagian daripada ayat 31 surah al-Nur. Penulis merasa hairan, kenapakah dalam sebuah artikel yang memiliki judul *Memahami Aurat Wanita*, saudara Zainudin tidak menukil hujah-hujah al-Imam al-Jashshash tentang aurat dan pakaian wanita?

Tak mengapa, berikut penulis salin beberapa hujah beliau ketika menafsirkan ayat 31 surah al-Nur. Terhadap firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang bermaksud: "**Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya**", berkata al-Imam al-Jashshash *rahimahullah*:

"Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas, Mujahid dan 'Atha' tentang firman-Nya: "**kecuali yang zahir daripadanya**", (mereka) berkata: "Apa yang ada

(kelihatan) pada muka dan telapak tangan, warna telapak tangan dan celak mata." Diriwatkan yang seumpama daripada Ibn 'Umar, demikian juga daripada Anas. Diriwatkan juga daripada Ibn 'Abbas (beliau berkata): "Ia adalah telapak tangan, muka dan cincin." Manakala A'isyah berkata: "Perhiasan zahir adalah gelang dan cincin yang tidak bermata." Berkata Abu 'Ubaidah: "Cincin tak bermata (dan) cincin." Berkata al-Hasan: "Mukanya dan apa yang nampak dari pakaiannya." Berkata Sa'id bin al-Musayyib: "Mukanya dan apa yang nampak darinya." Diriwatkan oleh Abu al-Ahwash daripada 'Abd Allah, beliau berkata: "Perhiasan itu ada dua, (pertama ialah) perhiasan batin yang tidak dilihat kecuali oleh suami - iaitu rantai, gelang dan cincin. (Kedua ialah) perhiasan zahir - iaitu pakaian." Berkata Ibrahim: "Perhiasan zahir ialah pakaian." " [*Ahkam al-Qur'an* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut), jld. 3, ms. 408]

Daripada penafsiran para sahabat dan tokoh generasi *Salaf* yang dinukil oleh al-Imam al-Jashshash, dapat kita ketahui bahawa perhiasan zahir seorang wanita yang tidak wajib untuk ditutupi ialah muka dan dua telapak tangannya serta alat-alat hias yang ada pada muka dan dua telapak tangan seperti celak dan cincin. Selain itu ada juga yang berpendapat bahawa perhiasan zahir seorang wanita adalah pakaiannya. Yang penting semua tafsiran ini menunjukkan bahawa seluruh tubuh badan wanita adalah aurat yang perlu ditutupi dengan pakaian kecuali wajah dan dua telapak tangannya. Ini sebagaimana yang dirumuskan oleh al-Imam al-Jashshash: "Ini menjadi dalil bahawa wajah dan dua telapak tangan wanita

bukanlah aurat.”

Terhadap firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang bermaksud: **“dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka”**, al-Imam al-Jashshash *rahimahullah* berkata:

“Dikatakan bahawa yang dimaksudkan adalah baju *al-Dar'u* (sejenis baju umpama baju kurung Melayu) yang memiliki belahan di bahagian lehernya. Apabila wanita memakai *al-Dar'u*, ia mendedahkan dada dan leher. Maka Allah memerintah mereka untuk menutupnya dengan firman-Nya: **“dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka”** (maksudnya hendaklah kain tudung kepala yang dipakai dilabuhkan ke depan agar menutup belahan dada dan leher). Di sini terdapat dalil bahawa dada wanita dan lehernya adalah aurat yang tidak boleh dilihat oleh orang lain.” [*Ahkam al-Qur'an*, jld. 3, ms. 409]

Daripada nukilan di atas dapat diambil hukum bahawa dada dan leher wanita termasuk aurat yang wajib ditutupi. Lebih tepat, seluruh tubuh badan wanita adalah aurat kecuali muka dan telapak tangannya. Demikian rumusan daripada penjelasan al-Imam al-Jashshash yang tidak dinukil oleh saudara Zainudin.

**Disebut dalam perenggan ke 19 hingga 21:**

Pada bahagian `Batas aurat perempuan' pula beliau berkata: "Sebahagian ulama mengatakan keseluruhan tubuh perempuan aurat kecuali muka dan dua tapak tangan. Ada pula ulama yang mengatakan demikian dengan tambahan tapak kakinya tidak termasuk aurat. Ada yang mengatakan perempuan keseluruhannya aurat.

Ada pun mazhab kami (Ibnu al-Arabi), aurat pada perempuan hanyalah dua kemaluannya sebagaimana Allah berfirman: Mulailah mereka menutup atas kedua mereka dengan daun dari syurga. (Al-A'raf, ayat 22). Allah menyamakan di antara Adam dan Hawa pada menutup aurat keduanya (iaitu dua kemaluan). Jika perempuan diarah menutup adalah mazhab kami, tetapi bukannya tutupan itu kerana aurat malahan itu adalah undang-undang syarak yang berkehendakkan menutup dan tidaklah pasti menutup sesuatu itu kerana ia aurat.

**Analisa:**

Di atas adalah nukilan daripada kitab *Futuh al-Makkiyyah* karangan Ibn 'Arabi *rahimahullah* (638H). Yang sepatutnya menjadi perhatian kita adalah pendapat jumhur ulama' berkenaan aurat wanita sebagaimana yang dinukil sendiri oleh Ibn 'Arabi pada perenggan pertama. Sekalipun wujud perbezaan pendapat, perbezaannya adalah amat kecil. Ringkasnya pendapat jumhur terbahagi kepada tiga:

1. Seluruh tubuh badan wanita adalah aurat kecuali muka dan telapak tangan.

2. Seluruh tubuh badan wanita adalah aurat kecuali muka, telapak tangan dan telapak kaki.
3. Seluruh tubuh badan wanita adalah aurat.

Adapun pendapat Ibn 'Arabi bahawa aurat wanita hanyalah dua kemaluannya, itu adalah ijtihad beliau. Walaubagaimanapun ini tidaklah bererti Ibn 'Arabi membolehkan kaum wanita bercawat sahaja. Perhatikan pada ayat terakhir di mana Ibn 'Arabi tetap akur kepada pakaian yang menutup tubuh badan wanita sebagai salah satu tuntutan syari'at.

Jika ditinjau dengan lebih mendalam, sebenarnya tidak wujud perbezaan tentang batas pakaian yang minimum untuk kaum wanita Islam antara jumhur ulama' dan Ibn 'Arabi. Yang wujud hanyalah perbezaan dalam menilai "sebab" kenapa wanita patut menutup tubuh badan mereka. Jumhur ulama' berpendapat sebabnya adalah kerana tubuh badan wanita adalah aurat. Ibn 'Arabi pula berpendapat sebabnya adalah kerana tuntutan syari'at. Justeru sekali lagi ditekankan, perbezaan yang wujud hanya dalam penilaian "sebab" dan bukan "batas" tubuh badan yang patut ditutup. Hal ini dapat dibuktikan secara praktikal juga. Di serata dunia terdapat ramai umat Islam yang cenderung kepada mengikut pendapat dan ijtihad mazhab tasawuf Ibn 'Arabi. Akan tetapi kita tidak dapati seorang jua daripada mereka yang bercawat sahaja, sebaliknya mereka berpakaian menutup tubuh badan mereka sebagaimana juga umat Islam yang lain.

**Disebut dalam perenggan ke 22:**

Dengan huraian itu jelaslah bahawa walaupun segala nas, pendapat para ulama muhaqqiqin boleh dikatakan telah ittifaq (bersepakat) dan ijmak mengakui bahawa aurat sebenar yang dikehendaki oleh Allah supaya manusia menutupnya itu hanyalah dua kemaluan (qubul dan dubur) sahaja sama ada pada kaum lelaki atau perempuan.....

**Analisa:**

Secara zahir kelihatan di atas adalah kesimpulan saudara Zainudin. Ringkasnya beliau mendakwa para ulama telah bersepakat bahawa aurat yang wajib ditutup di sisi syari'at Islam adalah dua kemaluan sahaja. Sejauh manakah kebenaran kesimpulan ini? Mari kita menilainya dari beberapa sudut:

1. Sehingga kini nukilan-nukilan daripada kitab para ulama yang dikemukakan oleh saudara Zainudin tidak ada yang dilakukan secara benar. Wujud jenayah ilmiah dalam bentuk nukilan yang tidak lengkap atau terjemahan yang diselewengkan. Maka bagaimana mungkin saudara Zainudin berkata "dengan huraian itu jelaslah bahawa....." padahal tidak ada apa-apa nukilan dan huraian yang benar mahupun jelas daripada beliau.
2. Dakwaan ijma' hanyalah daripada saudara Zainudin semata-mata. Rujukan-rujukan yang dikemukakan olehnya tidak ada yang menyebut ijma' dalam bab ini.

3. Mustahil wujud satu ijma' di sisi para ilmuan lalu ijma' tersebut tidak pernah diamalkan oleh umat. Seandainya para ilmuan bersepakat bahawa aurat yang wajib ditutup hanyalah dua kemaluan, pasti di mana-mana sahaja dari dulu sehingga sekarang kita dapat perhatikan umat Islam hanya bercawat dalam urusan harian mereka. Bercawat tidak pernah menjadi bentuk pakaian umat Islam. Hakikat ini tidak lain menunjukkan bahawa ijma' yang didakwa oleh saudara Zainudin tidak pernah wujud melainkan igauan beliau semata-mata.

**Disebut dalam perenggan ke 24:**

Pengertian aurat ini memang dimaklumi di kalangan umat Arab zaman silam. Al-Quran dan hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* tidak memberi makna yang jelas atau keputusan yang tidak boleh dipertikaikan. Dengan sebab itu perkhilafan (beza) pendapat di kalangan para ulama Islam tidak timbul sama sekali, tetapi apa yang berlaku adalah sebagaimana yang kita semua saksikan pada hari ini. Punca perbahasan mengenai masalah aurat ini hanya timbul daripada kefahaman yang semata-mata diambil daripada hadis-hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* yang keterangannya berlawanan dan juga pendapat para ahli tafsir yang memberi keterangan di bawah ayat-ayat yang tidak sarih (jelas).

**Analisa:**

Kata-kata saudara Zainudin di atas dapat kita analisa sepertimana berikut:

1. Sememangnya benar bahawa perkataan "aurat" sudah sedia maklum di kalangan umat Arab zaman silam. Maka atas kefahaman tentang pengertian sebenar perkataan "aurat", mereka semua berpakaian menutup tubuh badan dengan sempurna kecuali muka, telapak tangan dan telapak kaki. Ini sekali gus membatalkan dakwaan saudara Zainudin bahawa aurat yang wajib ditutup hanya kemaluan depan dan belakang.
2. Dalam ayat pertama saudara Zainudin mendakwa pengertian aurat sudah dimaklumi oleh umat Arab. Akan tetapi dalam ayat kedua saudara Zainudin mendakwa al-Qur'an dan hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam* tidak memberi makna yang jelas berkenaan dengan aurat. Di sini kita bertanya, bukankah al-Qur'an dan hadis itu pada asalnya berbahasa Arab dan diturunkan dalam persekitaran masyarakat Arab? Lalu bagaimana mungkin di satu sudut mereka sedia memakluminya padahal dalam sudut yang lain mereka berpendapat ianya tidak jelas? Nampaknya kenyataan saudara Zainudin ini saling membatalkan antara satu sama lain.

Yang benar masyarakat Arab memahami batas-batas aurat sebagaimana yang digariskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Atas sebab itulah mereka berpakaian menutup tubuh badan dengan sempurna kecuali muka, telapak tangan dan telapak kaki.

3. Tidak ada orang yang akan mendakwa dalil al-Qur'an bersifat tidak jelas manakala al-Hadis bersifat saling berlawanan melainkan kerana kejahilan dirinya sendiri dalam menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kedua-



dua sumber mulia di atas. al-Qur'an memiliki disiplin ilmu tafsir yang tersendiri, demikian juga bagi al-Hadis. Seandainya terdapat perlawanan antara dalil-dalil ini, maka terdapat disiplin ilmu yang khas bagi menyelesaikan perlawanan tersebut. [lebih lanjut rujuk buku penulis *Kaedah Memahami Hadis-Hadis yang Saling Bercanggah* (Jahabersa, Johor Bahru 2002)]

**Disebut dalam perenggan ke 24 dan 25:**

Kerana sebab itulah Imam Ibnu Rusyd rahimahullah taala telah memberi penjelasan dalam Bidayatul Mujtahid, jilid 1; halaman 114: "Para ulama keseluruhannya telah ittifak (sepakat) mengatakan bahawa menutup aurat itu suatu kewajipan yang mutlak, tetapi mereka berselisih faham tentang penutupan itu adakah ia merupakan suatu syarat yang terkandung di dalam beberapa syarat bagi sah sembahyang ataupun tidak.

Demikian pula mereka berlainan faham tentang batas-batas aurat pada lelaki dan perempuan, tetapi yang ternyata di dalam mazhab Imam Malik bahawa menutup aurat itu termasuk di dalam bahagian amalan sunat di dalam sembahyang sahaja. Di dalam mazhab Abu Hanifah dan as-Syafii menutup aurat itu sebahagian amalan fardu di dalam sembahyang....."

**Analisa:**

*Nukilan di atas akan penulis analisa dalam dua bahagian:*

**Pertama:**

*Perkataan sebenar al-Imam Ibn Rusyd rahimahullah (595H) di dalam kitab Bidayah al-Mujtahid (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1996), jld. 2, ms. 182 adalah seperti berikut: "Bersepakat para ilmuan bahawa menutup aurat adalah fardhu secara mutlak. Dan mereka berbeza pendapat sama ada ia adalah salah satu syarat daripada syarat-syarat sah solat atau tidak. Dan demikian juga mereka berbeza pendapat tentang batas aurat bagi seorang lelaki dan wanita. Dan yang zahir di dalam Mazhab Malik bahawasanya ia adalah daripada sunan solat manakala (di dalam mazhab) Abu Hanifah dan al-Syafi'iy ia adalah daripada kefardhuan solat.*

*Perhatikan bahawa saudara Zainudin telah menterjemah perkataan "daripada sunan solat" sebagai "bahagian amalan sunat di dalam sembahyang sahaja." Menterjemah istilah sunan sebagai "amalan sunat" adalah satu kesalahan yang amat fatal di sisi saudara Zainudin. Ini kerana setiap satu di antara mazhab fiqh yang empat memiliki pendefinisian yang tertentu bagi sesebuah istilah. Justeru tidak boleh mendefinisi sesebuah istilah melainkan merujuk kepada ahli-ahli dalam mazhab itu sendiri.*

*Adapun yang dimaksudkan dengan "sunan solat", ia adalah sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Baji rahimahullah (474H), salah seorang mujtahid Mazhab Maliki di dalam kitabnya al-Muntaqa Syarh al-*

**Muwattha' (Dar al-Kitab al-Islami, Beirut tp.thn.), jld. 1, ms. 247. Beliau berkata:**

*"Maka adapun berkenaan pakaian (solat) maka sesungguhnya baginya terdapat dua jumlah, jumlah yang fardhu dan jumlah yang utama. Maka adapun yang fardhu bagi seorang lelaki maka ia adalah apa yang menutupi aurat dan tidak wujud perbezaan pendapat tentang kefardhuannya. Akan tetapi para sahabat kami berbeza pendapat tentang tafsir yang sedemikian. Berkata al-Qadhi Abu al-Faraj, ia adalah salah satu fardhu daripada kefardhuan solat dan ini adalah juga pendapat Abu Hanifah dan al-Shafie. Dan berkata al-Qadhi Abi Ishaq sesungguhnya ia adalah daripada sunan solat, dan ini adalah juga merupakan pendapat Ibn Bukair dan al-Syaikh Abu Bakr. Adapun faedah perbezaan pendapat ini, bahawasanya jika kami berkata sesungguhnya ia adalah daripada kefardhuan solat maka solat akan batal dengan ketiadaan penutup aurat manakala jika kami berkata ia bukanlah daripada kefardhuan solat (ertinya ia adalah sunan) maka berdosa orang yang meninggalkan penutup aurat akan tetapi tidaklah batal solatnya."*

**Daripada keterangan al-Baji di atas, dapat kita ringkaskan bahawa terdapat dua pendapat di kalangan ahli fiqh Mazhab Maliki tentang hukum menutup aurat dan kaitannya dengan syarat sah solat. Yang pertama berpendapat ia adalah fardhu, sesiapa yang tidak menutup aurat maka batal solatnya. Yang kedua berpendapat ia adalah sunan, sesiapa yang tidak menutup aurat maka tidaklah batal solatnya tetapi dia berdosa besar.**

***Ini jauh berbeza dengan istilah sunat yang sedia kita fahami, bahawa jika buat dapat pahala, tak buat tak dosa. Seolah-olah menutup aurat dalam solat menghasilkan pahala manakala tak menutup aurat tidak mengakibatkan dosa apatah lagi membatalkan solat. Padahal yang dimaksudkan dalam Mazhab Maliki dengan istilah sunan ialah solat tetap sah jika tidak menutup aurat, namun ia akan mengakibatkan dosa.***

***Selain itu perlu juga diperincikan bahawa tidak menutup aurat yang dimaksudkan dengan istilah sunan adalah untuk jangka waktu yang singkat lagi tidak disengajakan. Jika seseorang itu mampu untuk menutup aurat namun dia sengaja enggan maka solatnya tidak sah. Mujtahid Mazhab Maliki, al-Imam al-Haththabi rahimahullah (954H) dalam kitabnya Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar al-Syaikh Khalil (Dar al-Fikr, Beirut 1398H), jld. 1, ms. 498 berkata:***

***"(Jika) Imam jatuh penutup auratnya ketika rukuk lalu dia menarik semula selepas mengangkat kepala (daripada posisi rukuk), berkata Ibn al-Qasim daripada Musa: Tidak apa-apa ke atasnya (yakni solatnya tidak batal) jika dia menarik semula. Akan tetapi jika dia tidak menarik semula maka perlu diulangi solat dalam waktunya kerana pada asalnya menutup aurat adalah daripada sunan solat."***

***Demikianlah maksud sebenar istilah sunan dan kaitannya dengan hukum menutup aurat sebagai syarat sah solat bagi Mazhab Maliki. Ia bukanlah "amalan sunat" sebagaimana yang diterjemahkan oleh saudara Zainudin.***

**Kedua:**

***Sekali lagi kita merasa hairan dengan sikap saudara Zainudin. Dengan sebuah artikel yang bertujuan membahas aurat wanita – malah juga dengan judul Memahami Aurat Wanita – kenapakah beliau tidak menukil keterangan al-Imam Ibn Rusyd tentang aurat wanita? Yang dinukil hanyalah muqaddimah al-Imam Ibn Rusyd berkenaan aurat manakala perinciannya ditinggalkan oleh saudara Zainudin. Di dalam kitab yang sama, Bidayah al-Mujtahid, jld. 2, ms. 185 (hanya selang dua mukasurat daripada yang dinukil oleh saudara Zainudin), terdapat sebuah bab khas yang memperincikan aurat wanita, iaitu Fasal Ketiga, Bab Masalah Ketiga.....di mana berkata al-Imam Ibn Rusyd:***

*"Ia adalah berkenaan batas aurat wanita, maka kebanyakan ilmunan berpendapat bahawa keseluruhan badannya adalah aurat kecuali wajah dan dua telapak tangan. Dan Abu Hanifah berpendapat kaki bukanlah aurat. Dan Abu Bakar bin 'Abd al-Rahman dan Ahmad (bin Hanbal) berpendapat seluruhnya adalah aurat.*

*Sebab perbezaan ini adalah berdasarkan kepada firman Allah Ta'ala (yang bermaksud): "Dan janganlah mereka (kaum wanita) memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya." [Surah al-Nur 24:31] - apakah pengecualian yang dimaksudkan merujuk kepada anggota tertentu atau anggota yang sememangnya tidak dapat dilindungi? (maksud pendapat yang kedua: sekalipun berpakaian sepenuhnya, mereka tetap dapat dikenali sebagai seorang wanita disebabkan zahir bentuk badan mereka)*

*Mereka yang berpendapat bahawa pengecualian tersebut bermaksud anggota yang sememangnya tidak dapat dilindungi ketika bergerak berkata seluruh badannya adalah aurat termasuk bahagian belakang. Mereka berhujah dengan keumuman firman Allah Ta'ala: "Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar)." [surah al-Ahzab 33:59]*

*Mereka yang berpendapat bahawa pengecualian tersebut bermaksud anggota yang secara kebiasaan (sebab tugas harian) tidak ditutup - yaitu muka dan dua telapak tangan - berkata bahawa dua anggota ini tidak termasuk aurat. Pendapat ini mereka perhujahkan bahawasanya wanita tidak menutupi mukanya (ketika melakukan ibadah) haji."*

**Demikian penerangan al-Imam Ibn Rusyd yang tidak dinukil oleh saudara Zainudin. Daripada penerangan di atas dapat kita rumuskan beberapa poin penting:**

- 1. Tubuh badan wanita adalah aurat yang perlu ditutupi.**
- 2. Wujud perbezaan pendapat tentang muka dan telapak tangan - adakah ia wajib ditutup atau tidak. Masing-masing pihak memiliki hujah tersendiri dalam perbezaan ini. Ia bukanlah "Setiap golongan bermati-matian dengan pegangan masing-masing tanpa menganalisis secara teliti sumber asal al-Quran, sunah dan ijmak para ulama" sebagaimana dakwa saudara Zainudin di bahagian**

*awal artikel beliau.*

- 3. Wilayah perbezaan pendapat amatlah kecil dan ia tidak mencemari kesepakatan bahawa tubuh badan wanita adalah aurat yang perlu ditutupi.**

*Hasil analisa:*

**Alhamdulillah daripada analisa ke atas hujah-hujah saudara Zainudin, penulis mendapati pendapat beliau bahawa aurat wanita hanyalah kemaluan depan dan belakang adalah pendapat yang salah. Pendapat yang benar berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Hadis serta hujah para ilmuan adalah bahawa seluruh tubuh badan wanita adalah aurat dengan pengecualian terhadap muka, telapak tangan dan telapak kaki. Ke atas tiga anggota ini wujud perbezaan pendapat sama ada ia termasuk aurat yang wajib ditutupi atau tidak. Namun wilayah perbezaan ini adalah amat kecil dan kita bersikap toleran lagi saling hormat menghormati terhadapnya.**

**Pada waktu yang sama penulis mendapati terdapat tiga metode perbahasan saudara Zainudin yang perlu diberi perhatian:**

**Pertama:**

**Saudara Zainudin gemar menggunakan susunan ayat yang bersifat memberi pengaruh yang palsu kepada para pembaca. Antara susunan**

*ayat yang penulis maksudkan adalah "Pertikaian mengenai hukum aurat...", "Setiap golongan bermati-matian...", "para ulama muhaqqiqin...", "telah ittifak (bersepakat)...", "hadis-hadis Nabi shallallahu `alaihi wassalam yang keterangannya berlawanan..." dan "ayat-ayat yang tidak sarif (jelas)." Susunan ayat-ayat di atas tidak lain hanya bertujuan mempengaruhi minda pembaca (word power) padahal hakikat yang sebenar adalah jauh berbeza.*

**Kedua:**

*Saudara Zainudin tidak segan-segan membuat fitnah ke atas para tokoh ilmuan Islam, semoga Allah merahmati mereka. Dakwaan kononnya "Setiap golongan bermati-matian dengan pegangan masing-masing tanpa menganalisis secara teliti sumber asal al-Quran, sunah dan ijmak para ulama" adalah satu fitnah yang mengisyaratkan para tokoh umat Islam tidak memiliki manhaj ilmiah dalam mengeluarkan hukum. Padahal yang benar saudara Zainudin sendiri yang tidak menganalisa secara teliti asas al-Quran, sunnah dan ijma' para ulama dalam menyusun artikelnya Memahami Aurat Wanita.*

*Demikian juga dakwaan bahawa para imam mazhab yang empat – semoga Allah merahmati mereka – telah mengeluarkan hukum aurat berdasarkan adat resam masyarakat tertentu. Ia adalah satu fitnah yang tidak mungkin dilakukan kecuali oleh para orientalis dan mereka yang memusuhi Islam.*

**Ketiga:**

*Saudara Zainudin juga telah melakukan beberapa jenayah ilmiah*



***ke atas kitab-kitab yang beliau nukil sebagai hujah. Jenayah ini wujud dalam bentuk terjemahan yang diselewengkan atau nukilan separa-separa yang tidak mencerminkan pendapat sebenar tokoh yang dinukilnya.***

***Penulis berharap saudara Zainudin atau lebih tepat – siapa jua pengarang asal artikel Memahami Aurat Wanita – dapat memperbetulkan dirinya daripada tiga metode perbahasan di atas. Pada waktu yang sama penulis menasihati para pembaca sekalian agar berwaspada terhadap tiga metode perbahasan di atas seandainya ia berulang dalam artikel-artikel saudara Zainudin yang lain atau daripada mana-mana penulis yang seumpama.***

**Kedudukan Hadis Ahad: Dari zaman awal Islam sehingga kini.**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah.

Jika pada satu masa yang lalu muncul satu golongan yang menolak hadis secara keseluruhannya, kini muncul pula golongan yang menerima sebahagian hadis dan menolak sebahagian yang lain. Mereka mendakwa menerima hadis yang bersifat mutawatir dan menolak hadis yang bersifat ahad.

Pada zahirnya manhaj kedua-dua golongan ini kelihatan berbeza. Akan tetapi jika kita mengkaji secara mendalam, sebenarnya tidak terdapat perbezaan antara kedua-dua golongan ini. Ini kerana jumlah hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang bersifat mutawatir amatlah sedikit berbandingkan hadis yang bersifat ahad. Justeru apabila golongan ini mendakwa menolak hadis ahad, mereka sebenarnya menolak sebahagian besar hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Manhaj ini tidak jauh berbeza dengan golongan yang menolak hadis secara keseluruhannya, hanya mereka ini (golongan kedua) lebih cerdik sedikit dalam mengelirukan orang ramai yang tidak pakar dalam bidang hadis.

### **Apakah Hadis Ahad?**

Ringkasnya, sumber-sumber ilmu Mustholah Hadis mendefinisikan hadis ahad sebagai sebuah hadis yang diriwayatkan oleh seorang atau dua orang perawi sahaja, khasnya di tingkatan pertama, yakni tingkatan para sahabat.

Ini berbeza dengan hadis mutawatir di mana ia adalah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh sejumlah perawi (melebihi 4) sehingga tidak mungkin mereka berbuat silap dalam meriwayatkannya.

### **Kedudukan Hadis Ahad Pada Zaman Awal Islam.**

Pembahagian hadis kepada sifat mutawatir dan ahad tidak dikenali pada zaman awal Islam, tepatnya pada zaman generasi Salaf. Bagi mereka, syarat untuk diterima sesebuah hadis sama ada dalam persoalan aqidah mahupun hukum adalah kesahihan sanadnya tanpa mempersoalkan sama ada ia bersifat mutawatir atau ahad.

Insya-Allah dalam artikel ini penulis akan memperincikan kenyataan di atas. Kita mulakan dengan mengkaji kedudukan hadis ahad di zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Pada zaman baginda, apa-apa ajaran Islam sama ada dalam bidang aqidah mahupun hukum disampaikan kepada umat secara berseorangan dan berkumpulan. Dalilnya adalah firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:!

***"Tidak sepatutnya bagi orang-orang Mukmin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang (طائفة) untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya***

***apabila mereka telah kembali kepadanya supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.***" [Surah al-Taubah 9:122]

*Ayat di atas memerintahkan "beberapa orang" untuk tidak keluar berperang, sebaliknya tinggal untuk mengajar agama kepada kaum mereka. Maksud "mengajar agama" adalah umum merangkumi aqidah dan selainnya. Istilah "beberapa orang" boleh mewakili seorang atau dua atau lebih, sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam sebuah ayat yang lain:!*

***"Dan jika ada dua golongan (!!!!!) dari orang-orang mukmin yang berperang maka damaikanlah antara keduanya."*** [Surah al-Hujerat 49:09]

*Berkata al-Imam al-Bukhari rahimahullah (256H): "Jika hanya dua orang yang berperang, mereka termasuk dalam makna ayat di atas." [al-Jami' al-Shahih (Dar al-Fikr, Beirut 1993M), jld. 9, ms. 280] Oleh kerana itu kita mendapati ajaran Islam pada zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam disampaikan oleh para sahabat secara perseorangan atau berkumpul dan tidak beramai-ramai dalam jumlah yang besar. Masyarakat mendengar ajaran tersebut tanpa mempersoalkan jumlah sahabat yang menyampaikannya. Pendek kata tidak timbul persoalan ahad atau mutawatir. Al-Imam Ibn al-Qayyim rahimahullah (751H) berkata:*

*"Termasuk hal ini (kedudukan hadis ahad) ialah pengkhabaran sebahagian sahabat kepada sebahagian yang lain kerana mereka sesungguhnya berpegang teguh kepada hadis yang*

*disampaikan oleh salah seorang dari mereka daripada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Tidak ada seorangpun daripada mereka yang berkata kepada orang yang menyampaikan hadis daripada Rasulullah bahwa hadis kamu adalah hadis ahad yang tidak memberi faedah ilmu sehinggalah (ia bersifat) mutawatir." [Mukhtasar al-Shawa'iq al-Mursalah (tahqiq: Ridhwan Jami' Ridhwan; Dar al-Fikr, Beirut 1997M), ms. 712]*

*Manhaj ini diteruskan selepas zaman kewafatan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Para sahabat radhiallahu 'anhum berusaha keras menyampaikan ajaran Islam ke pelbagai wilayah baru. Mereka bergerak secara bersendirian atau berkumpul namun tidak dalam jumlah yang besar. Orang ramai, yakni generasi tabi'in beriktikad dan beramal dengan setiap hadis yang sahih daripada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tanpa bertanya sama ada ia disampaikan secara ahad atau mutawatir.*

*Manhaj ini berlanjutan sehingga ke zaman para imam mazhab yang empat. Jika kita mengkaji iktikad mereka dalam perkara-perkara aqidah, jelas bahawa mereka menjadikan hadis yang sahih sebagai dalil tanpa membezakan sama ada ia bersifat ahad atau mutawatir. Al-Imam al-Syafi'iy rahimahullah (204H) pernah ditanya oleh Sa'id bin Asad berkenaan hadis umat Islam melihat Allah pada Hari Akhirat, beliau menjawab:*

*"Wahai Ibn Asad, putuskanlah ke atas aku baik semasa aku masih hidup atau sudah mati bahawa apa sahaja hadis yang sahih daripada Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam maka*

*ia menjadi pendapat (pegangan) aku sekalipun ia tidak sampai kepada aku.” [Riwayat al-Imam al-Baihaqi (458H) dalam Manaqib al-Syafi’iy (edisi ringkas oleh Muhammad Nur al-Din al-Banjari; Majlis al-Banjari li al-Tafaqquh al-Din 1996M), jld. 1, ms. 227].*

*Perhatikan bahawa al-Imam al-Syafi’iy tidak mensyaratkan bahawa hadis itu perlu bersifat mutawatir, yang disyaratkan hanyalah ia memiliki sanad yang sahih.*

*Manhaj yang seumpama juga dipegang oleh al-Imam Abu Hanifah rahimahullah (150H). Diriwayatkan daripada beliau:*

*"Kami menetapkan bahawasanya azab kubur (benar) wujud, ianya tidak mustahil dan kami menetapkan bahawa soal Munkar dan Nakir adalah hak sebagaimana yang datang (diriwayatkan) oleh hadis-hadis." [al-Washiyyah, ms. 23 sebagaimana dikemukakan oleh Muhammad bin 'Abd al-Rahman dalam Usul al-Din 'inda al-Imam Abi Hanifah (Dar al-Shami'in, Riyadh 1996M), ms. 504]*

*Al-Imam Ibn al-Jauzi rahimahullah (597H) meriwayatkan daripada Musaddad bin Musarhad al-Bashri bahawa al-Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah (241H) berkata:*

*"(Timbangan) al-Mizan adalah benar, (titian) al-Shirath adalah benar, beriman kepada (telaga) al-Haudh dan al-Syafa'at adalah benar, demikian juga beriman kepada al-'Arsy*

*dan al-Kursi dan beriman kepada malaikat maut bahawa ia mencabut ruh dan kemudian dikembalikan ruh kepada jasad. Juga beriman dengan peniupan sangkakala dan keluarinya dajjal ke atas umatnya dan turunnya 'Isa ibni Maryam lalu dibunuhnya (dajjal tersebut)."* [Manaqib al-Imam Ahmad bin Hanbal, ms. 169 sebagaimana dikemukakan oleh 'Abd Allah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki dalam Usul Mazhab al-Imam Ahmad: Dirasat Usuliyyah Muqaranah (Muassasah al-Risalah, Beirut 1998M), ms. 314].  
*Jelas bahawa sebahagian daripada perkara-perkara aqidah yang ditetapkan oleh al-Imam Ahmad di atas hanya disebut oleh hadis yang bersifat ahad namun berdarjat sahih.*

*Inilah juga manhaj al-Imam Malik bin Anas rahimahullah (179H) dan tokoh-tokoh lain yang sezaman dengan para imam mazhab yang empat. Al-Walid bin Muslim rahimahullah (194H) berkata:*

*"Aku bertanya kepada Sufyan al-Tsauri (160H), Malik bin Anas (179H), 'Abd al-Rahman al-Auza'iy (157H) dan al-Laits bin Sa'ad (174H) berkenaan hadis-hadis melihat Allah (pada Hari Akhirat) dan yang semisal, mereka berkata: Kami beriman kepadanya dengan membiarkan ia sebagaimana ia datang tanpa menafsirkannya." [Riwayat al-Imam Ibn Mandah (395H) dalam Asma' Allah 'Azza wa Jalla wa Shifatih 'ala al-Ittifaq wa al-Tafarrud (tahqiq: 'Ali bin Muhammad bin Nashr; Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, Madinah 2002M), jld. 3, ms. 115]*

*Demikian beberapa contoh pegangan para tokoh zaman awal Islam yang*

*menjadikan hadis sahih sebagai sumber iktikad dan amalan tanpa membezakan sama ada ia mutawatir atau ahad. Inilah pegangan yang benar berdasarkan beberapa sebab:*

1. Faktor kemungkinan berlakunya kesilapan dalam periwayatan seorang atau dua perawi disifarkan berdasarkan kaedah semakan sanad dan status para perawi hadis (*al-Jarh wa al-Ta'dil*). Apabila seorang perawi bebas daripada sebarang kekurangan atau kecacatan, maka sekaligus dia juga bebas daripada kemungkinan berbuat silap.
2. Antara perkara yang diperhatikan dalam menilai seorang perawi ialah (a) bertaqwa dengan ketaqwaan yang teguh lagi tinggi, (b) memelihara maruah dan (c) tidak melakukan kesalahan seperti maksiat dan bid'ah (*'Adl*); kemudiannya (d) berkemampuan untuk memelihara dan menyampaikan hadis yang mereka terima secara benar pada bila-bila sahaja diminta untuk berbuat demikian (*Dhabith*). Sifat-sifat ini menjamin seseorang perawi itu tidak akan menyampaikan sesuatu hadis melainkan dia benar-benar yakin bahawa ia berasal daripada Rasulullah secara lengkap lagi sempurna.
3. Setiap hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjadi hujah ke atas umat Islam tanpa mengira sama ada baginda meyampaikannya kepada seorang, dua orang atau ramai orang. Seandainya baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* mengetahui bahawa sabdanya tidak mampu diriwayatkan secara benar oleh seorang sahaja, baginda tidak akan menyampaikan apa-apa ajaran Islam melainkan dalam suasana orang ramai seperti khutbah.



***Kedudukan Hadis Ahad Selepas Zaman Awal Islam.***

*Selepas zaman para imam mazhab yang empat, ketulenan manhaj umat Islam mula dicemari dengan pemikiran falsafah dan ilmu kalam. Pemikiran ini sebenarnya sudah mula wujud di kurun pertama dan kedua hijrah tetapi dalam bentuk yang terpencil. Ia hanya mula mendapat tempat yang kukuh mulai kurun keempat dan kelima hijrah. Ringkasnya pemikiran ini memiliki manhaj yang mengunggulkan akal manusia di atas nas wahyu. Antara teori yang dikemukakan oleh pemikiran ini adalah hadis yang bersifat ahad tidak mungkin dapat menghasilkan ilmu yang pasti dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan alam ghaib. Sebaliknya akal manusia itu sendiri adalah alat yang dapat menghasilkan ilmu yang pasti berkenaan alam ghaib. Termasuk dalam perkara alam ghaib ialah apa yang berkaitan dengan aqidah umat Islam itu sendiri.*

*Pemikiran falsafah dan ilmu kalam ini sedikit sebanyak mempengaruhi manhaj ilmuan Islam daripada kurun keempat hijrah sehingga masa kini. Mereka membahagikan hadis kepada sifat mutawatir dan ahad. Mereka bersepakat bahawa hadis mutawatir dapat menghasilkan ilmu yang pasti manakala terhadap hadis ahad, mereka berbeza pendapat sama ada ia menghasilkan ilmu yang pasti atau sangkaan semata-mata. Akan tetapi perlu ditekankan bahawa perbezaan ini hanya berlaku apabila hadis ahad tersebut berdiri dengan sendirinya. Apabila hadis ahad tersebut memiliki pembuktian (qarinah) atau sudah terkenal dan menjadi amalan orang ramai, maka ia menghasilkan ilmu yang pasti tanpa perbezaan pendapat.*

*Al-Imam al-Syaukani rahimahullah (1250H) menulis:*

*"Ketahuilah bahawa perbezaan pendapat yang kami sebut pada awal perbahasan ini berkenaan hadis ahad sama ada menghasilkan ilmu yang berupa sangkaan atau kepastian, ia hanyalah berlaku apabila hadis ahad tersebut tidak disertai dengan pembuktian yang menguatkannya. Adapun jika ia disertai dengan pembuktian yang menguatkannya atau ia sudah masyhur atau dikenali secara terperinci, maka perbezaan tersebut tidak berlaku."*  
[Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul (tahqiq: Muhammad Hasan bin Muhammad; Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1999), jld. 1, ms. 203-204]

Oleh itu sekali lagi ditekankan bahawa apabila dikatakan bahawa para ilmuan mutakhir berpendapat hadis *ahad* hanya membawa ilmu yang bersifat sangkaan (*dzanniy*), pendapat mereka itu hanyalah apabila hadis *ahad* tersebut berdiri dengan sendirinya. Para ilmuan tersebut tetap berpegang kepada hadis ahad dalam kes-kes berikut:

1. Apabila hadis *ahad* tersebut berperanan sebagai penjelas kepada satu subjek yang asas atau pokoknya telah ditetapkan dalam al-Qur'an dan/atau al-Sunnah yang *mutawatir*. Maka dalam kes seperti ini hadis ahad diterima sebagai dalil penjelas yang *qath'iy*. Sebagai contoh, azab kubur ialah subjek yang asasnya telah ditetapkan oleh al-Qur'an. Hadis-hadis yang ada dalam subjek ini hanya berperanan menjelaskan bagaimana rupa azab kubur tersebut.
2. Apabila hadis *ahad* tersebut membahas satu subjek yang bersamanya terdapat beberapa hadis lain yang membahasnya juga. Maka sekalipun

semua hadis-hadis yang membahas subjek tersebut merupakan hadis *ahad*, menghimpun kesemuanya akan menghasilkan satu dalil yang menduduki taraf *mutawatir*. Sebagai contoh ialah hadis-hadis berkenaan azab kubur juga. Terdapat sangat banyak hadis yang membahasnya sehingga sekalipun ia semua merupakan hadis *ahad*, himpunan semua ini mengarahkan kepada kedudukan *mutawatir*.

3. Apabila hadis *ahad* tersebut menjadi sumber iktikad dan/atau amalan oleh orang ramai dari kalangan generasi Salaf. Maka ia menjadi dalil syari`at juga kerana tindakan sejumlah generasi Salaf yang beriktikad dan/atau beramal dengannya menjadi bukti hadis tersebut sebenarnya *mutawatir*, hanya periwayatan yang tercatat dalam kitab hadis yang bersifat *ahad*. Contohnya ialah waktu solat, cara solat, tatacara haji dan sebagainya.
4. Apabila hadis *ahad* tersebut memiliki beberapa petunjuk lain (*qarinah*) daripada al-Qur`an dan al-Sunnah yang mendukungi atau membenarkannya, maka ia juga diterima sebagai satu dalil *qath`iy*. Contohnya ialah hadis sahih daripada Ibn `Abbas *radhiallahu `anh* yang menerangkan Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* menjamakkan solat di Madinah kerana hujan. Hadis ini (menjamakkan solat tanpa musafir) diriwayatkan oleh Ibn `Abbas seorang sahaja. Akan tetapi ia didukung dan dibenarkan oleh beberapa petunjuk lain daripada al-Qur`an dan al-Sunnah yang menetapkan kemudahan kepada umat Islam apabila menghadapi kesukaran.

*Jika kita mengkaji secara mendalam empat kes di atas, dapat disimpulkan bahawa para ahli ushul masa kini juga berpegang kepada hadis ahad dan menjadikannya sebagai dalil yang qath'iy. Ini kerana tidak ada hadis ahad yang berdiri dengan sendirinya melainkan semua termasuk dalam salah satu atau lebih daripada kes-kes di atas. Dalam erti kata lain, perbincangan sama ada hadis ahad menghasilkan ilmu qath'iy atau dzanniy hanyalah merupakan perbincangan teori semata-mata sedangkan secara praktikalnya semua hadis ahad diamalkan sebagai satu sumber yang qath'iy.*

*Alhamdulillah daripada perincian di atas berkenaan kedudukan hadis ahad daripada zaman awal Islam sehingga kini, boleh kita rumuskan ia kepada lima poin penting:*

- 1. Pembahagian hadis kepada ahad dan mutawatir tidak dikenali pada zaman awal Islam. Asalkan hadis tersebut memiliki sanad yang sahih, umat Islam generasi awal beriktikad dan beramal kepadanya sama ada dalam urusan aqidah atau selainnya.*
- 2. Pembahagian hadis kepada ahad dan mutawatir adalah kerana pengaruh pemikiran yang mengunggulkan akal manusia di atas nas wahyu. Pemikiran ini mendakwa hadis ahad tidak mungkin dapat menghasilkan ilmu yang pasti berkenaan hal ghaib, khasnya dalam subjek aqidah, melainkan ilmu sangkaan semata-mata.*
- 3. Para ilmuan terkemudian berbeza pendapat sama ada hadis ahad dapat*

*menghasilkan ilmu yang pasti atau sangkaan. Namun jika hadis ahad tersebut memiliki pembuktian atau sudah menjadi iktikad serta amalan orang ramai, maka perbezaan ini tidak wujud lagi.*

- 4. Dengan itu juga perbezaan pendapat tentang kedudukan hadis ahad di kalangan ilmuan terkemudian hanyalah bersifat perbincangan teori manakala dari sudut praktikalnya mereka semua beriktikad dan beramal dengannya. Ini kerana di sisi ahli ilmu yang mendalam lagi luas pengetahuannya, tidak ada hadis ahad yang berdiri dengan sendirinya melainkan semuanya memiliki pembuktian lagi menjadi pegangan umat Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah seluruhnya.*
- 5. Segelintir golongan yang mempertikai dan menolak hadis ahad masa kini tidak terlepas daripada dua kemungkinan, sama ada mereka sendiri tidak memiliki ilmu yang mendalam berkenaan hadis ahad atau mereka sengaja ingin menolak hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dengan alasan "ianya hadis ahad".*

**Menganalisa dan Menjawab Lima Alasan  
Mereka yang Menolak Penurunan 'Isa Pada Akhir Zaman.**

oleh

Hafiz Firdaus Abdullah.

Antara iktikad *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah beriman kepada penurunan atau kebangkitan semula Nabi 'Isa *'alaihissalam* pada akhir zaman. Keimanan ini adalah berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* yang *mutawatir* yang menerangkan tentang penurunan semula Nabi 'Isa *'alaihissalam* pada akhir zaman.

Namun pada waktu yang sama wujud segelintir umat Islam yang menolak penurunan Nabi 'Isa *'alaihissalam* pada akhir zaman. Mereka memiliki beberapa alasan bagi penolakan ini. Namun jika kita mengkaji alasan-alasan mereka, semuanya dapat dirumuskan kepada lima alasan yang membentuk dasar penghujahan mereka. *Insyah-Allah* artikel yang ringkas ini akan menganalisa dan menjawab lima alasan tersebut. Tidak dinafikan bahawa wujud alasan-alasan yang lain juga. Akan tetapi memadai untuk ketika ini kita memberi tumpuan kepada lima alasan sahaja memandangkan ia adalah yang paling lazim mereka kemukakan.

**Alasan Pertama:**

Hadis-hadis yang menerangkan penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam bersifat *hadis ahad*. Tidak boleh berpegang kepada *hadis ahad* dalam persoalan yang melibatkan aqidah.

**Analisa dan Jawapan:**

Alasan di atas dapat kita jawab dari dua sudut. Pertama, pendapat yang mendakwa *hadis ahad* tidak boleh dijadikan pegangan dalam persoalan aqidah adalah pendapat orang-orang mutakhir yang tidak memiliki penguasaan sepenuhnya dalam bidang hadis. Sila rujuk artikel *Kedudukan Hadis Ahad: Dari zaman awal Islam sehingga kini* dalam buku ini.

Kedua, mendakwa hadis-hadis yang wujud dalam sesuatu persoalan sama ada bersifat *hadis ahad* atau *mutawatir* adalah tugas para ahli hadis sahaja. Seseorang yang bukan ahli hadis, apatah lagi jika hanya sekadar seorang pemikir dan modernis, tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mendakwa sesuatu persoalan itu hanya didasari oleh *hadis ahad*. Dakwaan bahawa persoalan penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam hanya didasari oleh *hadis ahad* adalah bukti terbaik bagi membenarkan poin kedua ini.

Ketahuilah bahawa hadis-hadis yang menerangkan penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam pada akhir zaman adalah hadis *mutawatir*. Berkata al-Imam al-Hafiz Ibn Katsir *rahimahullah* (774H) ketika menafsirkan ayat 61 surah al-Zukhruf:

"Dan sungguh telah *mutawatir* hadis-hadis daripada Rasulullah *shallallahu*

*'alaihi wassalam* berkenaan khabar penurunan 'Isa *'alaihissalam* sebelum Hari Kiamat sebagai seorang imam yang adil lagi menghukum *secara saksama*." [*Tafsir al-Qur'an al-'Azhim* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1999), jld. 4, ms. 120]

Perkataan Ibn Katsir ini dibenarkan oleh sekian ramai ahli hadis dahulu dan kini. Terdapat beberapa rujukan khusus yang menerangkan sifat *mutawatir* hadis-hadis penurunan Nabi 'Isa *'alaihissalam*. Antaranya:

1. *al-Taudhih fi Tawaturi ma Ja'a fi al-Muntazhar wa al-Dajjal wa al-Masih* oleh al-Imam al-Syaukani (1252H).
2. *Iqamah al-Burhan 'ala Nuzul 'Isa fi Akhir al-Zaman* oleh Syaikh Ahmad Shiddiq al-Ghumari.
3. *al-Tashrih bi ma Tawatur fi Nuzul al-Masih* oleh Syaikh Muhammad Anwar al-Kasymiri.
4. *Qishah al-Masih al-Dajjal ila Nuzuli 'Isa 'alahi salam Waqatlihi Iyyahu* oleh Syaikh Nasr al-Din al-Albani.

Para ahli hadis di atas telah membuktikan bahawa hadis-hadis penurunan Nabi 'Isa *'alaihissalam* pada akhir zaman bersifat *mutawatir*. Ia diriwayatkan daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* oleh lebih 12 orang sahabat. Sengaja penulis tidak menyalin hadis-hadis tersebut dalam artikel ini kerana ia akan mengambil ruang yang banyak.



**Alasan Kedua:**

Tidak ada ayat al-Qur'an yang menerangkan penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam pada akhir zaman.

**Analisa dan Jawapan:**

Alasan di atas dapat dibatalkan dengan merujuk terus kepada al-Qur'an al-Karim. Pertama, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan perancangan musuh Nabi 'Isa 'alaihissalam untuk menyalib dan membunuh beliau. Akan tetapi Nabi 'Isa 'alaihissalam tidak mati dibunuh melainkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* merehatkannya dan mengangkatnya ke sisi-Nya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:!

***Dan orang-orang (Yahudi yang kafir) itupun merancang tipu daya (hendak membunuh Nabi 'Isa), dan Allah pula membalas tipu daya (mereka); dan (ingatlah), Allah seabijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya. (Ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai 'Isa! Sesungguhnya Aku akan mewafatkan kamu (merehatkan kamu dengan sempurna: mutawaffika), dan akan mengangkatmu (rafi'uka) ke sisi-Ku."*** [Surah Ali 'Imran 3:54-55]

*Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam sebuah ayat yang lain:*

**"Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (di kayu palang - salib), tetapi diserupakan bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi 'Isa). Dan Sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham, mengenai Nabi 'Isa, sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (ragu-ragu) tentang menentukan (pembunuhannya). Tiada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan semata-mata; dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin. Bahkan Allah telah mengangkat (rafa'ahuLlah) Nabi 'Isa kepada-Nya; dan adalah Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."** [Surah al-Nisa' 4:157-158]

Kedua, Nabi 'Isa 'alaihissalam akan diturunkan semula pada akhir zaman sebagai isyarat akan hampirnya Hari Kiamat. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**"Dan sesungguhnya Nabi 'Isa menjadi tanda kedatangan Hari Kiamat, maka janganlah kamu ragu-ragu tentang (Hari Kiamat) itu, dan turutlah (petunjuk-Ku); inilah jalan yang lurus."** [Surah al-Zukhruf 43:61]

Ketiga, setelah diturunkan pada akhir zaman, kaum Ahli Kitab akan beriman kepada Nabi 'Isa 'alaihissalam. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**"Dan tidak ada seorang pun daripada kalangan Ahli Kitab melainkan dia akan beriman kepada Nabi 'Isa sebelum matinya dan pada Hari Kiamat kelak Nabi 'Isa akan menjadi saksi terhadap mereka."** [Surah al-Nisa' 4:159]

Ayat di atas menjadi dalil bahawa Nabi 'Isa 'alaihissalam belum wafat. Ini

kerana sehingga saat ini kaum Ahli Kitab belum beriman kepada Nabi 'Isa 'alaihissalam dengan iktikad yang benar melainkan ianya tersasar seperti iktikad *trinity* dan sebagainya (rujuk surah al-Nisa', ayat 171). Hanya pada akhir zaman apabila Nabi 'Isa 'alaihissalam diturunkan semula kaum Ahli Kitab seluruhnya akan beriman kepada beliau dengan iktikad yang benar. Setelah itu barulah Nabi 'Isa 'alaihissalam diwafatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Golongan yang menolak penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam mungkin berhujah kembali bahawa ayat-ayat di atas hanya bersifat umum tanpa menyebut penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam secara langsung dan jelas. Kita menjawab, inilah faktor yang membezakan antara aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan aliran-aliran lain yang menyelisihinya. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak memandang al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih sebagai dua sumber yang berpisah melainkan kedua-duanya saling melengkap, menjelas dan memperinci antara satu sama lain. [lebih lanjut rujuk buku *Manhaj al-Istidlal 'ala Masa'il al-'Itiqad 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* oleh Syaikh 'Utsman bin 'Ali Hasan (Maktabah al-Rusyd, Riyadh 1997)]

Oleh itu seandainya benar ayat-ayat di atas hanya bersifat umum, maka kita akan dapati hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* yang sahih lagi *mutawatir* yang memperjelasnya. Inilah antara peranan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*!

**"Dan kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang**

**memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.**" [Surah al-Nahl 16:44] [lebih lanjut rujuk buku penulis 20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya (Jahabersa, Johor Bahru 2000)].

Golongan yang menolak penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam mungkin berhujah kembali bahawa ayat 55 surah Ali 'Imran menyebut perkataan "mewafatkan kamu", yakni pada firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*: **"Sesungguhnya Aku akan mewafatkan kamu (merehatkan kamu dengan sempurna: mutawaffika), dan akan mengangkatmu (rafi'uka) ke sisi-Ku."** [surah Ali 'Imran 3:55] Perkataan "mewafatkan kamu" tidak lain bererti mematikan atau mencabut nyawa daripada jasad Nabi 'Isa 'alaihissalam. Demikian dakwa golongan yang menolak penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam.

Dakwaan ini dapat kita tolak dengan penjelasan bahawa perkataan *mutawaffika* memiliki dua erti, pertama ialah mematikan manakala kedua ialah merehatkan atau menidurkan. Malah kata akarnya memiliki pengertian "sempurna". [Syaiikh Muhammad Quraish Shihab – *Tafsir al-Mishbah* (Lentera Hati, Djuanda 2000), jld 2, ms. 97] Sebagai contoh sila rujuk ayat 60 surah al-An'aam:!

**"Dan Dia-lah yang menidurkan kamu (yatawaffakum) pada waktu malam, dan mengetahui apa yang kamu kerjakan pada siang hari, kemudian Ia bangunkan kamu daripadanya (daripada tidur)."**

Oleh kerana perkataan *mutawaffika* memiliki beberapa pengertian, maka

lahirlah beberapa tafsiran daripada pelbagai aliran terhadap ayat 55 surah Ali 'Imran. Al-Imam al-Alusi *rahimahullahu* (1275H) telah mencatatkan sebanyak tujuh pendapat. [*Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azhim wa al-Sabi'a al-Mutsani* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1994), jld. 2, ms. 172]. Salah satu daripadanya adalah dengan erti kematian dan ini menjadi pilihan aliran yang menolak penurunan Nabi 'Isa pada akhir zaman.

Namun manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam menghadapi perbezaan tafsiran seperti ini adalah merujuk kepada hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* sebagai penentu tafsiran manakah yang paling benar. Dengan melakukan rujukan dan kajian terhadap pelbagai hadis yang sahih lagi *mutawatir* dalam bab ini, jelas bahawa Nabi 'Isa *'alaihissalam* tidak mati tetapi diangkat dan "direhatkan" dengan cara yang hanya layak di sisi pengetahuan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Demikian ini menjadi tafsiran yang dipilih oleh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terhadap erti perkataan *mutawaffika* dalam ayat 55 surah Ali 'Imran.

Golongan yang menolak penurunan Nabi 'Isa *'alaihissalam* mungkin juga berhujah bahawa perkataan *rafa'ahuLlah* dalam ayat 158 surah al-Nisa' yang bermaksud "Allah telah mengangkat" Nabi 'Isa *'alaihissalam* sebenarnya bererti "mengangkat darjat Nabi 'Isa" dan bukannya mengangkat jasad Nabi 'Isa *'alaihissalam* sehingga terselamat daripada disalib dan dibunuh.

Hujah ini dapat kita jawab dengan penjelasan bahawa perkataan *rafa'ahuLlah* sememangnya juga dapat diertikan dari dua sudut: pertama ialah

mengangkat jasad manakala kedua ialah mengangkat darjat. Antara dua pengertian ini manakah yang benar? Sekali lagi untuk mencari jawapannya, manhaj kita sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* ialah merujuk kembali kepada hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* yang bertindak sebagai penjelas al-Qur'an. Dalam bab ini terdapat pelbagai hadis yang sahih lagi *mutawatir* bahawa yang dimaksudkan ialah mengangkat jasad Nabi 'Isa *'alaihissalam* sehingga beliau terselamat daripada disalib dan dibunuh.

Bahkan penafsiran ini juga telah dibenarkan oleh permulaan ayat 157 surah al-Nisa' sebagaimana yang telah dikemukakan di atas: "***Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (di kayu palang - salib), tetapi diserupakan bagi mereka.....***". Jelas bahawa yang diangkat oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ialah Nabi 'Isa dan bukan darjatnya kerana jika yang diangkat adalah darjatnya sahaja pasti Nabi 'Isa telah mati dibunuh di kayu palang (salib).

#### **Alasan Ketiga:**

Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wassalam* adalah nabi terakhir dan penutup segala nabi berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*!:

***"Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi. Dan***

**(ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”** [Surah al-Ahzab 33:40]

Oleh itu tidak mungkin Nabi 'Isa 'alaihissalam akan turun selepas Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wassalam*.

**Analisa dan Jawapan:**

Jika dicermati semula hadis-hadis yang menerangkan penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam pada akhir zaman, akan didapati bahawa beliau turun tanpa membawa syari'at baru. Sebaliknya beliau akan berhukum berdasarkan syari'at Muhammad *shallallahu 'alaihi wassalam*. Oleh itu al-Qadhi 'Iyadh *rahimahullah* (544H) telah menolak alasan ini dengan hujah:

“Penurunan 'Isa 'alaihissalam dan pembunuhan dia terhadap Dajjal adalah benar lagi sahih di sisi *Ahl al-Sunnah (wa al-Jama'ah)* berdasarkan hadis-hadis yang sahih berkenaannya. Dan tidaklah pada akal mahupun pada syari'at ini sesuatu yang membatalkannya, maka oleh itu wajib menetapkannya. Dan hal ini (penurunan Nabi 'Isa) telah diingkari oleh sebahagian aliran *al-Mu'tazilah* dan *al-Jahmiyyah* dan yang sefahaman dengan mereka dengan hujah bahawa hadis-hadis tersebut tertolak apabila dibandingkan dengan firman Allah *Ta'ala*: “kesudahan segala Nabi-nabi” [surah al-Ahzab 33:40] dan sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wassalam*: “Tidak ada nabi sesudah aku” dan berdasarkan kesepakatan kaum muslimin bahawa tidak ada nabi sesudah nabi kami (Muhammad) *shallallahu 'alaihi*

*wassalam* dan bahawasanya syari'at Islam berkekalan hingga Hari Kiamat tanpa dimansuhkan.

*Ini adalah penghujahan yang buruk kerana sesungguhnya tidaklah yang dimaksudkan dengan penurunan 'Isa 'alaihissalam sebagai penurunan nabi (yang baru) dengan syari'at yang memansuhkan syari'at kita. Dan tidaklah dalam hadis-hadis ini (dalam kitab Shahih Muslim) dan tidak juga selainnya apa-apa petunjuk yang membawa maksud sedemikian. Bahkan jelas daripada hadis-hadis yang sahih di sini (dalam bab ini - Kitab al-Fitan) dan apa yang telah mendahului dalam Kitab al-Iman dan selainnya bahawasanya (Nabi 'Isa) turun sebagai hakim yang saksama dan beliau berhukum dengan syari'at kita dan menghidupkan perintah-perintah daripada syari'at kita apa yang telah ditinggalkan oleh manusia (pada waktu akhir zaman tersebut).” [Dinukil oleh al-Imam al-Nawawi rahimahullah (676H) dalam Syarh Shahih Muslim (tahqiq: 'Irfan Haswani; Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut), jld. 9, ms. 199].*

**Alasan Keempat:**

Mustahil Nabi 'Isa 'alaihissalam boleh hidup dalam jangka masa yang amat panjang.

**Analisa dan Jawapan:**

Jika peristiwa pengangkatan Nabi 'Isa 'alaihissalam dan penurunannya



pada akhir zaman diukur dengan logik akal, pasti ia tidak logik bahkan mustahil. Akan tetapi jika diukur dengan kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* maka ia adalah benar lagi dapat berlaku. Sebagai contoh perhatikan dalam surah al-Kahf kisah beberapa sahabat yang berlindung di dalam gua (ayat 15-17). Lalu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menidurkan mereka (ayat 18) selama tempoh tiga ratus tahun (ayat 25):

Ini semua adalah kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang bukan merupakan urusan yang boleh kita campur tangan di dalamnya – apatah lagi memikirkan logik atau tidak dari sudut akal. Perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berkenaan kisah di atas:

**"Katakanlah: Allah jua yang mengetahui tentang masa mereka tidur; bagi-Nya lah tertentu ilmu pengetahuan segala rahsia langit dan bumi; terang sungguh penglihatan-Nya (terhadap segala-galanya)! Tidak ada bagi penduduk langit dan bumi pengurus selain daripada-Nya dan Ia tidak menjadikan sesiapa pun masuk campur dalam hukum-Nya."** [Surah al-Kahf 18:26]

Manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam persoalan seperti ini adalah menundukkan akal di bawah wahyu. Ini berbeza dengan ahli kalam, para falsafah, pemikir dan modernis di mana mereka mengunggulkan akal di atas wahyu. Yang dimaksudkan sebagai wahyu ialah ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis yang sahih. [lebih lanjut rujuk buku *Mawqif al-Mutakallimin min al-Istidlal bi Nushushu al-Kitab wa al-Sunnah* oleh Syaikh Sulaiman bin Shalih al-Ghashan

(Dar al-`Ashimah, Riyadh 1996)]

Akal dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk memahami wahyu, beriman kepadanya dan mempraktikkannya. Akal tidak berperanan menolak atau menghukum sumber wahyu sebagai mustahil. Wahyu adalah kalam Allah manakala akal adalah makhluk ciptaan Allah yang dikurniakan kepada manusia. Wahyu yang bersumber daripada Allah adalah sentiasa benar manakala akal yang bersumber daripada penalaran manusia tidak terlepas daripada pelbagai kelemahan dan kekeliruan. Justeru akal yang benar akan sentiasa selari dengan wahyu yang sah. Sebaliknya jika wujud pertentangan antara wahyu yang sah dan akal, maka yang perlu diperbetulkan ialah penilaian akal terhadap wahyu tersebut. Akal manusia sekali-kali tidak memiliki kemampuan untuk diunggulkan di atas wahyu yang sah sehingga menghukumnya sebagai "tidak benar" atau mustahil. [lebih lanjut rujuk buku *Muwafaqat Shahih al-Manqul li Shorih al-Ma'qul* oleh Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah *rahimahullah* (728H) (Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut)].

**Alasan Kelima:**

Keimanan kepada penurunan Nabi `Isa *'alaihissalam* pada akhir zaman menyebabkan kemunduran umat Islam. Ini kerana umat Islam tidak mahu melakukan apa-apa usaha kecuali menunggu penurunan Nabi `Isa *'alaihissalam*.

**Analisa dan Jawapan:**

Faktor sebenar kemunduran umat Islam ialah penguasaan dan penghayatan yang minimum terhadap ajaran Islam, daripada ajarannya yang pokok sehinggalah kepada tujuan-tujuannya yang luas. Sama-sama kita tahu bahawa umat Islam pada zaman awal berada pada kedudukan yang amat maju berbanding kita sekarang ini padahal mereka juga beriman kepada penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam pada akhir zaman. Perbezaannya adalah umat pada zaman awal Islam memiliki penguasaan dan penghayatan yang mendalam tentang ajaran Islam berbanding dengan umat Islam pada zaman sekarang.

Oleh itu kemunduran umat Islam masa kini bukanlah disebabkan oleh keimanan kepada penurunan Nabi 'Isa 'alaihissalam pada akhir zaman. Ianya disebabkan oleh kurangnya penguasaan dan penghayatan umat terhadap ajaran Islam. Cara untuk kembali maju bukanlah membuang sebahagian nas dan dalil tetapi mengkaji dan memahaminya dengan benar sehingga akhirnya dijadikan pemangkin ke arah kemajuan yang diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

## **Membongkar Aliran Islam Liberal**

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Sebagai agama wahyu yang terakhir untuk manusia sejagat, Islam amat mementingkan sifat keaslian dan ketulenannya. Ini kerana selepas Islam tidak akan ada sebarang agama baru yang bakal diturunkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk membetulkan apa-apa pencemaran yang berlaku ke atasnya. Pencemaran yang dimaksudkan adalah apa-apa penambahan, pengurangan, penukaran, pembatalan dan penyelewengan ke atas ajaran-ajaran Islam. Atas kepentingan inilah Islam sentiasa memberi peringatan kepada umatnya daripada merekacipta apa-apa bid'ah yang bakal mencemari keaslian dan ketulenannya.

Namun dari dahulu sehingga kini terdapat sebahagian umat Islam yang cenderung untuk mereka cipta bid'ah-bid'ah ke dalam agama Islam. Secara umumnya umat Islam ini dan jenis bid'ah yang mereka cipta boleh dibahagikan kepada dua sebagaimana yang dijelaskan oleh Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah rahimahullah (728H):

"Bid'ah itu ada dua jenis, yang pertama berkaitan dengan perkataan dan iktikad, (yang kedua) berkaitan dengan perbuatan dan ibadah. Bid'ah jenis yang kedua mencakupi jenis

yang pertama sebagaimana bid'ah jenis pertama akan mendorong kepada terjadinya jenis yang kedua.

Orang-orang yang berilmu, pemikir dan orang-orang seumpama yang mengikuti mereka, dikhuatiri jika mereka tidak berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah akan terjerumus ke dalam bid'ah jenis yang pertama. Sedangkan orang yang rajin beribadah, pemikir, berkemahuan keras dan orang-orang seumpama yang mengikuti mereka, dikhuatiri jika mereka tidak berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah akan terjerumus ke dalam bid'ah jenis kedua.

.....Maka sedia diketahui bahawa bid'ah (jenis pertama - perkataan dan iktikad) kerosakannya adalah lebih kuat dan para pembuatnya adalah lebih 'berakal' sedangkan bid'ah (jenis kedua - perbuatan dan ibadah) para pembuatnya adalah lebih jahil dan mereka berada jauh daripada mengikuti (sunnah) Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam" [Majmu' al-Fatawa (Dar al-Wafa', Kaherah 2002), jld. 22, ms. 306-307 & jld. 19, ms. 275]

Antara bentuk bid'ah yang lazim direka cipta oleh kelompok pertama adalah membuat ajaran-ajaran baru bagi "membetulkan" Islam, mengunggulkan dalil akal di atas dalil wahyu, mentakwil nas kepada maksud yang dicenderung oleh kehendak nafsu dan menjadikan Islam pengikut kepada suasana, jauh sekali daripada menjadikan Islam pemimpin kepada suasana. Berdasarkan manhaj di atas, kelompok pertama ini mencipta pelbagai doktrin baru tentang Islam yang jauh berbeza daripada apa yang disepakati oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Kelompok pertama ini sudah wujud sejak kurun-kurun awal Islam dan bergiat aktif sehinggalah ke hari ini. Nama gelaran mereka mungkin berbeza-beza tetapi manhajnya sama sepertimana yang disebut di atas. Antara nama yang masyhur digunakan oleh kelompok pertama ini pada masa kini adalah Islam Moden, Islam Pembaharuan, Islam Bebas dan sebagainya, manakala nama yang masyhur di Nusantara adalah Islam Liberal. Kelompok ini sudah juga wujud di Malaysia dan mereka aktif menyebarkan dakwah melalui media cetak dan elektronik. Sekalipun mereka tidak mengidentitikan diri mereka sebagai beraliran Islam Liberal, kita tetap dapat mengenali mereka berdasarkan manhajnya.

Artikel ini insya-Allah akan membantu para pembaca sekalian untuk mengenal dengan lebih mendalam What, Why, When, Where and How tentang aliran Islam Liberal supaya para tokoh aliran ini dan manhaj mereka dapat kita kenal sekalipun mereka tidak memakai lencana Islam Liberal ketika bercakap dan menulis. Yang lebih penting, pengenalan kepada aliran Islam Liberal akan menjadi perisai ilmu kepada diri kita sendiri supaya tidak terjerumus ke dalamnya.

### ***Apakah Islam Liberal?***

*Kamus Dewan* (DBP. Kuala Lumpur 1994) mendefinisikan perkataan *Liberal* sebagai "1. (bersifat) condong kepada kebebasan dan pemerintahan yang demokratik (misalnya menentang hak-hak keistimewaan kaum bangsawan), (fahaman) bebas. 2. bersifat atau berpandangan bebas, berpandangan terbuka (tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran dan sebagainya)."

Merujuk kepada definisi di atas, Islam sememangnya sebuah agama yang liberal. Ia membebaskan manusia daripada belenggu penyembahan sesama makhluk, bahkan juga membebaskan manusia daripada penindasan, kezaliman dan penghinaan sesama manusia. Islam juga memiliki dasar yang terbuka terhadap peradaban manusia selagi mana ia tidak melibatkan syirik yang menyekutukan Allah, perbuatan yang menyalahi syari'at-Nya dan kepercayaan kurafat yang merendahkan kedudukan manusia sehingga ke taraf kebinatangan.

Lalu apakah yang dikehendaki dengan gelaran *Aliran Islam Liberal*? Jawapannya dapat kita lihat sendiri pada penambahan perkataan "Liberal" kepada Islam yang sememangnya sudah liberal. Ertinya aliran ini mengkehendaki ciri keterbukaan dan kebebasan yang lebih daripada apa yang sedia ada dalam syari'at Islam yang asli lagi tulen.

### **Kenapa lahir aliran Islam Liberal?**

Sejak lebih kurang satu abad yang lepas, terdapat dua fenomena yang banyak mempengaruhi psikologi umat Islam. Pertama adalah fenomena 'penjajahan' oleh negara-negara Barat ke atas hampir seluruh negara umat Islam. Kedua adalah fenomena 'ketinggalan' dari sudut sains dan teknologi di belakang kebanyakan negara-negara Barat. Apabila berhadapan dengan dua fenomena di atas, sikap umat Islam boleh dibahagikan kepada empat:

Pertama adalah mereka yang merasa putus asa secara keseluruhan dan duduk diam menerimanya sebagai satu ketentuan yang sememangnya merendahkan

dan memundurkan mereka.

Kedua adalah mereka berpendapat agama adalah faktor penghalang bagi mencapai kekuatan dan kemajuan. Justeru untuk menjadi umat yang berkuasa dan maju, Islam perlu dipisahkan daripada kehidupan harian. Formula pemisahan ini yang digelar sekularisme terbukti berkesan mengingatkan bahawa semua negara Barat yang berkuasa lagi maju mempraktikkannya.

Ketiga adalah mereka yang juga berpendapat bahawa agama adalah faktor penghalang bagi mencapai kekuatan dan kemajuan. Namun untuk menyelesaikan faktor penghalang ini, mereka berpendapat caranya ialah membuka dan membebaskan agama daripada ajaran dan tafsirannya yang sekian lama telah menjadi pegangan umat. Kelemahan dan kemunduran umat Islam dianggap berpunca daripada belenggu kejumudan umat dalam menafsir dan mempraktikkan agama Islam. Kumpulan ketiga inilah yang digelar sebagai aliran Islam Liberal.

Kelompok terakhir adalah mereka yang mengakui akan hakikat kelemahan dan kemunduran yang dialami umat. Namun hakikat ini tidak mereka persalahkan kepada agama atau selainnya kecuali terhadap diri mereka sendiri dan umat Islam seluruhnya yang telah leka daripada berpegang dan mempraktikkan ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu untuk kembali kuat dan maju, umat Islam perlu mempelajari, memahami dan mempraktikkan semula secara sepenuhnya ajaran Islam yang asli lagi tulen. Formula 'Islam Sekular' atau 'Islam Liberal' tidak menjadi pilihan kelompok keempat ini kerana ia bukan cara untuk mencapai



kekuatan dan kejayaan yang sebenarnya. Kekuatan dan kejayaan yang sebenar hendaklah diukur dengan neraca wahyu Illahi yakni Islam yang berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah, bukan neraca peradaban Barat yang berteraskan materialisme dan hawa nafsu. Golongan keempat inilah yang benar. *Insyah-Allah* dengan kesungguhan mereka, kekuatan dan kejayaan akan kembali ke tangan umat Islam.

Yang paling menjauhi kebenaran adalah kelompok ketiga, iaitu kelompok Islam Liberal. Secara lebih terperinci, kelompok Islam Liberal adalah aliran yang muncul kerana kesan psikologi kekerdilan diri (*inferiority complex*) yang dihadapi oleh sebahagian umat Islam hasil penjajahan dan kemunduran yang dihadapi oleh mereka. Kesan kekerdilan ini diburukkan lagi dengan sikap tergiur lagi menyembah kepada negara-negara Barat yang menjajah lagi maju sehingga menyebabkan mereka sendiri terasa hina, bodoh, diperbudak dan hilang kejatian serta kebanggaan diri. Semua ini menghasilkan satu rumusan bahawa untuk mencapai kekuatan dan kemajuan, caranya adalah meniru segala formula peradaban yang dipraktikkan oleh negara Barat. Rumusan ini tidak akan berjaya selagi mana tidak dibuka dan dibebaskan tafsiran Islam daripada kejumudan pegangan umat selama ini.

### **Bagaimana manhaj Islam Liberal?**

Aliran Islam Liberal boleh dikenali melalui beberapa manhaj atau ciri-ciri yang semuanya mengarahkan kepada pembukaan dan pembebasan tafsiran

agama. Berikut ini akan disenaraikan beberapa manhaj utama mereka yang penulis ringkaskan daripada pelbagai sumber mereka sendiri. Sebelum itu ingin penulis ingatkan para pembaca yang budiman sekalian bahawa sebahagian daripada manhaj yang bakal disenaraikan mungkin merupakan sesuatu yang tidak dapat digambarkan sebagai yang diusulkan oleh orang yang mengaku diri mereka sebagai umat Islam. Namun inilah yang dikatakan sebagai 'Islam Liberal', iaitu Islam yang "terbuka dan bebas daripada belenggu tafsiran lama ke arah tafsiran yang baru lagi segar demi kejayaan umat".

Manhaj Islam Liberal tentang agama Islam.

Aliran Islam Liberal berpendapat agama Islam adalah agama yang benar. Namun pada waktu yang sama aliran Islam Liberal juga berpendapat semua agama selain Islam adalah benar juga. Apabila setiap penganut agama mendakwa hanya tuhanya dan ajarannya sahaja yang betul, itu hanyalah dakwaan yang relatif dalam konteks dia dan agamanya sahaja. Jika dilihat daripada konteks keseluruhan agama, maka semua agama yang memiliki konsep ketuhanan yang mengajar kepada kebaikan adalah sama-sama benar.

Manhaj seperti ini didirikan oleh Islam Liberal dengan tujuan supaya manusia yang menganut agama Islam dapat menggunakan sepenuhnya masa dan tenaganya untuk mencapai kemajuan tanpa dibazirkan kepada usaha membenarkan agamanya sahaja. Manhaj kesamaan antara agama merupakan manhaj utama aliran Islam Liberal. Bahkan ia adalah satu manhaj tersendiri yang unggul memandangkan agama-agama lain di dunia, sama ada yang masih tulen

atau yang telah diubah suai, tidak ada yang mendakwa manhaj kesamaan antara agama. Keunggulan manhaj utama Islam Liberal ini bukanlah menunjukkan keistimewaan mereka tetapi sebaliknya menunjukkan keterdesakan mereka mengorbankan segala sesuatu demi mencapai kehendak akal dan nafsu mereka.

Manhaj Islam Liberal tentang al-Qur'an.

Aliran Islam Liberal membahagi wahyu kepada dua ketagori: wahyu bertulis dan wahyu tidak bertulis. Wahyu bertulis adalah al-Qur'an dan ia adalah teks semata-mata. Wahyu tidak bertulis adalah akal manusia dan akallah yang sebenarnya menghidupkan teks al-Qur'an berdasarkan tujuan, konteks dan suasana zaman. Maka dengan itu al-Qur'an adalah sesuatu yang hanya bersifat menerangkan tujuan-tujuan agama manakala akal manusialah yang menyesuaikan selari dengan konteks zaman.

Sebagai contoh, terhadap firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*** [al-Maidah 5:38], tujuan yang sebenarnya dituntut oleh al-Qur'an adalah menjatuhkan hukuman kepada pencuri. Bentuk hukuman boleh berubah-ubah selari dengan peradaban manusia. Di zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*, bentuk hukuman adalah memotong tangan. Namun pada zaman kini bentuk hukuman boleh berubah kepada hukuman penjara selari dengan

peradaban manusia.

Demikian manhaj 'membuka dan membebaskan' tafsiran al-Qur'an yang dipegang oleh aliran Islam Liberal atas alasan untuk memajukan umat Islam. Manhaj ini juga mereka guna pakai terhadap semua hukum-hukum al-Qur'an termasuk perkara ibadah, sehingga apa yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* tidak semestinya dipraktikkan dalam bentuk yang sama pada zaman kini. Terhadap umat Islam seluruhnya yang tetap beristiqamah kepada ayat-ayat al-Qur'an, aliran Islam Liberal menyindir mereka sebagai "para penyembah teks" semata-mata.

Selain itu aliran Islam Liberal juga memiliki takwilan tersendiri terhadap beberapa ajaran al-Quran yang jauh berbeza daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Mereka menggariskan formula membaca al-Qur'an dengan metodologi yang baru. Hasilnya, aliran Islam Liberal berpendapat bahawa malaikat dan syaitan tidak wujud sebagai makhluk yang tersendiri melainkan ia adalah sikap baik dan buruk yang wujud saling bertentangan dalam setiap jiwa manusia (*the good and evil sides of man*). Syurga dan neraka tidak wujud melainkan ia adalah kesan psikologi kegembiraan dan kesedihan manusia. Hari akhirat juga tidak wujud melainkan ia adalah fasa manusia untuk berubah dari satu tingkatan ke tingkatan lain yang lebih matang dan sempurna. Cerita-cerita al-Qur'an tentang para Rasul, Nabi dan umat terdahulu sebenarnya hanyalah strategi demi keberkesanan dakwah. Para Rasul, Nabi dan umat terdahulu ini sebenarnya tidak wujud secara realiti. Sementara keimanan kepada Qadar dan

Qada' serta takdir tidak wujud, ia hanyalah salah tafsir umat terdahulu terhadap teks-teks al-Qur'an.

Mempercayai malaikat, syaitan, syurga, neraka, hari akhirat, cerita umat terdahulu serta takdir secara zahir hanyalah tahayul yang menghalang kemajuan umat. Selagi mana umat percayakan unsur-unsur tahayul tersebut, selagi itulah mereka akan terhalang daripada mencapai kejayaan yang bersifat hakiki. Demikianlah beberapa takwilan dan manhaj sesat aliran Islam Liberal yang mereka bangunkan atas formula *Re-reading the Qur'an*.

Manhaj Islam Liberal terhadap Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*

Sifat Nubuawah yang dimiliki oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* tidak lain hanyalah kemampuan seorang manusia untuk memimpin manusia yang lain (*leadership values*). Oleh itu siapa sahaja yang boleh memimpin boleh mengambil alih sifat nubuawah seumpama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* dalam memimpin manusia ke arah ciri-ciri yang baik. Demikian dakwa aliran Islam Liberal.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* – lanjut aliran Islam Liberal – hanyalah manusia biasa yang lazimnya berbuat silap dan benar. Namun umat Islam selama ini berpura-pura bahawa baginda adalah manusia yang sempurna, sehingga mereka juga – selain daripada menyembah teks al-Qur'an – juga menyembah Rasulullah. Yang benar peribadi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* tidak lebih hanyalah sebagai manusia biasa yang boleh dipuji dan dikritik. Justeru umat dituntut bersikap kritis untuk menimbang kelebihan dan

kekurangan baginda.

Oleh kerana itulah kita dapati tokoh-tokoh aliran Islam Liberal – termasuk di Malaysia – tidak segan-segan untuk mengkritik Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*. Di antara mereka ada yang menuduh baginda bernafsu seks yang kuat dan memiliki banyak perempuan simpanan (gundik). Ada juga yang menuduh baginda bukanlah pemimpin negara Islam tetapi hanyalah sekadar pegawai daerah (*DO – District officer*) semata-mata.

Adapun sunnah-sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*, maka tanpa ragu aliran Islam Liberal berpendapat ia hanya relevan untuk masyarakat Arab zaman baginda, ketinggalan untuk dipraktikkan pada zaman kini. Justeru aliran Islam Liberal memandang orang yang berjanggut, bersiwak, memakai serban, jubah dan sebagainya sebagai orang yang ketinggalan zaman lagi tertutup mindanya. Apabila minda mereka tertutup, sudah tentu tertutup juga pintu-pintu kejayaan sehingga bila-bila.

Merujuk kepada beberapa peristiwa kemukjizatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*, aliran Islam Liberal berpendapat ia hanya kisah-kisah yang direka cipta dan dibesar-besarkan (*exaggeration*) oleh orang-orang selepas kewafatan baginda. Contohnya ialah peristiwa Isra' dan Mikraj, ia hanyalah mimpi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* yang dibenarkan ke alam realiti oleh orang-orang yang taksuf terhadap baginda.

Manhaj Islam Liberal terhadap hadis-hadis.

Aliran Islam Liberal memiliki beberapa manhaj terhadap hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*, sekalipun yang termuat di dalam kitab *Shahih al-Bukhari* dan *Shahih Muslim*. Antaranya:

[1] Hadis-hadis tersebut tidak berasal daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam* melainkan hanya ciptaan orang-orang yang ingin menjaga dan memanfaatkan kepentingan diri mereka.

[2] Hadis-hadis yang benar hanyalah yang bersifat *mutawatir* manakala *hadis ahad* bersifat samar-samar dan tidak menjadi tuntutan ke atas umat untuk berpegang kepadanya.

[3] Hadis-hadis yang *mutawatir* sekalipun, kebenarannya hanya dalam konteks kehidupan masyarakat Arab pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*. Ia tidak lagi relevan untuk zaman kini kecuali sebagai kajian sejarah peradaban pada zaman baginda.

[4] Hadis-hadis tentang azab kubur, suasana hari akhirat (Padang Masyar, Titian Sirat, Pengadilan dsbgnya), Isra' dan Mikraj, Dajjal, Penurunan Nabi Isa, fitnah-fitnah akhir zaman dan sebagainya hanyalah cerita rekaan para perawi hadis untuk memberi pengaruh kepada orang ramai pada zaman mereka. Sekalipun hadis-hadis ini tercatat di dalam kitab-kitab hadis sahih, pada hakikatnya ia hanyalah cerita-cerita tahayul semata-mata.

[5] Kesilapan paling besar yang dilakukan oleh para imam hadis adalah mereka hanya memberi tumpuan kepada para perawi hadis dan tidak kepada

matan hadis. Seandainya mereka memerhati dan memberi kritik ke atas matan hadis, nescaya cerita-cerita tahayul sepertimana di atas tidak akan mereka masukkan dalam kitab-kitab mereka.

Demikianlah beberapa manhaj aliran Islam Liberal ke atas hadis-hadis dan para imam yang meriwayatkannya.

Manhaj Islam Liberal terhadap ilmu-ilmu Islam.

Ilmu-ilmu Islam seperti usul tafsir, usul fiqh, usul hadis, *al-Jarh wa al-Ta'dil* (kritik perawi hadis) dan sebagainya yang selama ini merupakan sesuatu yang baku di dalam disiplin ilmu-ilmu Islam diremehkan oleh aliran Islam Liberal sebagai buatan manusia (*man made*) yang tidak sunyi daripada pelbagai kecacatan dan kesalahan. Oleh itu aliran Islam Liberal tidak menghormati ilmu-ilmu di atas, jauh sekali daripada menggunakannya dalam tafsiran mereka untuk "membuka dan membebaskan" Islam.

Atas dasar ini juga aliran Islam Liberal membuka semula perbincangan, tafsiran dan ijtihad terhadap perkara-perkara yang sudah muktamad (*qath'iy*) kedudukannya di dalam agama. Mereka mendakwa apa yang selama ini dianggap *qath'iy* hanya relatif kepada pendapat manusiawi. Yang benar – menurut aliran Islam Liberal – perkara-perkara yang dianggap *qath'iy* tersebut masih terbuka dan bebas kepada pelbagai kemungkinan dan maksud. Atas kepelbagaian ini mana-mana pihak tidak boleh mendakwa pendapatnya sahaja yang benar, bahkan semua pendapat adalah benar tanpa mengira sebesar mana luasnya jurang pendapat tersebut.



Senada dengan itu, aliran Islam Liberal juga tidak menghormati ulama-ulama dunia Islam daripada dahulu sehingga kini. Pada mereka ulama-ulama tersebut hanyalah manusia biasa yang dibelenggui dengan tafsiran jumud akibat daripada "penyembahan mereka terhadap teks dan kaedah-kaedah usul yang mereka cipta sendiri." Oleh itu bukanlah satu keasingan apabila tokoh-tokoh aliran Islam Liberal secara terbuka menolak atau merendahkan pendapat seseorang ulama dengan alasan "Itu hanya perkataan ulama yang boleh kita terima atau tolak."

#### **Manhaj Islam Liberal terhadap hukum-hukum fiqh.**

Aliran Islam Liberal memiliki kaedah usul tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum fiqh, iaitu yang diambil adalah tujuan hukum dan bukan bentuk hukum. Bagi mereka, tujuan hukum adalah menjaga kemaslahatan manusia. Justeru bentuk hukum boleh diubah-ubah asalkan ia dapat menjaga kemaslahatan manusia sesuai dengan zaman yang mereka hidup.

Atas dasar ini, aliran Islam Liberal tidak segan-segan untuk merubah bentuk hukum yang sedia tertera di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Sebagai contoh, pembahagian harta faraid boleh diubah suai kepada apa yang 'adil' antara ahli waris, hak suami menjatuhkan talak diangkat manakala kes-kes perceraian hanya boleh diputuskan oleh hakim mahkamah, perkahwinan poligami dilarang, hak persaksian wanita dalam kes-kes jenayah adalah sama dengan lelaki, kes jenayah (hudud) boleh diubah suai bentuk hukumannya kepada

peradaban sezaman – malah – asalkan sesebuah negara itu memiliki hukuman jenayah tersendiri ia sudah dianggap menepati tuntutan agama, arak tidak haram selagi peminumnya tidak mabuk, masa ibadah (solat, haji, puasa) boleh diubah suai kepada masa yang selesa untuk masing-masing individu dan pelbagai lagi.

Contoh paling masyhur dalam usaha aliran Islam Liberal untuk membuka dan membebaskan tafsiran hukum fiqh Islam ialah dalam bab aurat wanita. Di mana sahaja wujud aliran Islam Liberal, akan wujud juga penafsiran semula ke atas batas aurat wanita. Ringkasnya, aliran Islam Liberal mendakwa bahawa menutup aurat – khasnya memakai tudung – hanyalah peradaban masyarakat arab di zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*. Dalam abad-abad awal selepas kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*, bentuk pakaian bertudung dan menutup tubuh badan seluruhnya telah menyelinap masuk ke dalam syari'at Islam sehingga dianggap sebagai salah satu kewajipan agama. Kewajipan yang sebenar – dakwa Islam Liberal – adalah apa sahaja bentuk pakaian yang dianggap sopan oleh masyarakat selari dengan tuntutan zaman dan peradaban.

### **Bahaya Islam Liberal**

Jika sebelum ini kaum Yahudi dan Nasrani telah mengubah ajaran-ajaran agama mereka, maka kini kita juga ada sebahagian umat beraliran Islam Liberal yang mengubah ajaran-ajaran Islam. Jika kita mengkaji secara mendalam

tentang manhaj aliran Islam Liberal sepertimana yang disenaraikan di atas, mudah untuk disimpulkan bahawa mereka adalah sekelompok manusia yang menyembah akal dan mempertuhankan peradaban Barat dalam beragama. Mereka ingin bebas daripada penjajahan dan kemunduran, namun sayang sekali yang bebas hanyalah tubuh badan manakala pemikiran mereka masih terjajah dan mundur menjadi hamba kepada negara-negara Barat. Mereka ingin menjadi moden padahal kemodenan mereka hanya tiruan kepada model negara-negara Barat yang pada asalnya tidak mengkehendaki apa-apa kebaikan kepada mereka. Apakah erti kemodenan yang diikuti-ikuti jika ia mengorbankan maruah dan harga diri?

Mereka mencari kejayaan bukan dengan mengikuti manhaj yang diredhai Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tetapi dengan manhaj mengikuti orang-orang bukan Islam. Dengan cara ini mereka berharap memperoleh kekuatan dan kemuliaan padahal kekuatan dan kemuliaan tersebut hanyalah milik Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini sebenarnya merupakan salah satu ciri orang munafik sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Sampaikanlah khabar berita kepada orang-orang munafik: bahawa sesungguhnya disediakan untuk mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya; (Iaitu) orang-orang yang mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Tidaklah patut mereka (orang-orang munafik) mencari kekuatan dan kemuliaan di sisi orang-orang kafir itu, kerana sesungguhnya kekuatan dan kemuliaan***

***itu semuanya ialah milik Allah.*** [al-Nisa' 4:138-139]

Malah tidak berlebihan jika dikatakan bahawa aliran Islam Liberal sebenarnya ingin mencipta agama tersendiri, lalu menumpang sekaki di atas agama Islam demi mencari kekuatan dan kedudukan. Yang mereka inginkan bukanlah agama Allah dan Rasul-Nya tetapi agama akal dan peradaban manusia. Terhadap golongan seperti ini Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman:!

***Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*** [surah 'Ali Imran 3:85]

Yang benar kita umat Islam yang beriman sama ada lelaki atau perempuan, tidak boleh mengubah apa-apa ketentuan yang telah dinyatakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wassalam*. Barangsiapa yang menukar, menambah, mengurang, menyeleweng dan sebagainya, mereka tergolong dalam orang-orang yang sesat sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:!

***Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.*** [al-Ahzab 33:36]

Kejayaan tidak diukur berdasarkan nalar akal atau peradaban kaum lain tetapi diukur dengan nilai ketaatan kepada syari`at Allah dan Rasul-Nya. Demikian itulah sikap orang-orang beriman yang berjaya sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*!:

***Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat", dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan.*** [al-Nur 24:51]

#### **Di mana dan siapa tokoh Islam Liberal?**

Aliran Islam Liberal wujud hampir di mana jua. Nama mereka mungkin berbeza-beza, bahkan mungkin tidak dikenali dengan nama tertentu. Akan tetapi manhaj mereka tetap sama iaitu membuka dan membebaskan tafsiran Islam demi mencapai kejayaan ala kebaratan. Apabila menyebut tentang tokoh-tokoh aliran Islam Liberal, terdapat satu kesamaan di antara mereka semua – iaitu mereka pernah mendapat didikan di negara Barat dan/atau pernah berkhidmat di mana-mana institusi pengajian Barat. Pengalaman ini menyebabkan mereka amat cenderung kepada apa sahaja yang berasal dari Barat tanpa memisahkan antara yang baik dan salah.

Di antara tokoh-tokoh aliran ini yang masyhur di Timur Tengah adalah Rifa`at Bik al-Thantawi, Thaha Husein, Ali `Abd al-Raziq, Mahmud Abu Rayya,

Ahmad Amin, Hasan Hanafi, Farag Foudah, Naser Abu Zaid, 'Athif al-Iraqi, Nawwal al-Sa'dawi dan sebagainya. Pendapat tokoh-tokoh aliran Islam Liberal di atas banyak yang telah dijawab dan ditolak oleh tokoh-tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* di Timur Tengah, bahkan sebahagian daripada mereka telah ditarik balik ijazah kelulusan oleh universiti-universiti tempat asal pengajian mereka. [lebih lanjut rujuk buku *Pembaruan Islam dan Orientalisme dalam Sorotan* oleh Dr. Daud Rasyid (Akbar Media, Jakarta 2002), ms. 20-45]

Tokoh-tokoh ini melahirkan banyak anak murid tersendiri yang bergiat aktif menyebarkan dakwah Islam Liberal sehingga hari ini. Tidak kurang juga adalah tokoh-tokoh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang bangun menjawab dan menolak mereka. Antara yang aktif ialah Syaikh Yusuf al-Qaradhawi, semoga Allah memeliharanya, di mana antara lain beliau pernah menulis:

"Di antara masalah paling penting yang sering saya peringatkan dalam beberapa buku yang saya tulis adalah berkenaan usaha musuh-musuh pemikiran Islam yang menciptakan keraguan terhadap ajaran-ajaran agama Islam yang sudah dapat diyakini kebenarannya tanpa ragu (*musallamaat*), dan berusaha mengubah perkara-perkara yang diyakini (*yaqiniat*) kebenarannya dan pasti menjadi perkara-perkara yang tidak pasti dan hipotetif (*zhanniaat*), serta hal-hal yang pasti dan kuat (*qath'iat*) menjadi tidak pasti dan mengandung pelbagai kemungkinan (*muhtamalaat*), yang dapat diambil atau ditolak, ditarik atau dilepas, dan dapat mengikuti pendapat kanan-kiri.

Sudah menjadi kejayaan yang amat besar jika mereka mampu menggoncang ajaran-ajaran agama yang *tsabit* lagi muktamad atau menyerangnya agar dapat dilenyapkan sehingga tidak menjadi sesuatu yang menghalang mereka saat mereka ingin menghancurkan benteng umat Islam atau setidaknya, menerobos pagarnya.

Pada zaman sekarang ini kita dapati ada orang yang meragukan keharaman khamar atau riba, atau tentang bolehnya talak dan berpoligami dengan syarat-syaratnya. Ada yang meragukan keabsahan Sunnah Nabi s.aaw. sebagai sumber hukum. Bahkan, ada yang mengajak kita untuk membuang seluruh ilmu-ilmu Al-Qur'an (*Ulumul-Qur'an*) dan seluruh warisan ilmu pengetahuan al-Qur'an kita ke tong sampah, lalu kemudian memulai membaca al-Qur'an dari nol dengan bacaan kontemporer dengan tidak terikat oleh suatu ikatan apa pun, tidak berpegang pada ilmu pengetahuan sebelumnya, juga tidak dengan kaidah dan aturan yang ditetapkan oleh ulama umat Islam semenjak berabad-berabad silam.

Di antara pendapat mereka adalah bahawa kalangan Ahli Kitab: Yahudi dan Nasrani, bukanlah kelompok kafir. Jika yang mereka maksudkan itu adalah Yahudi dan Nasrani bukan kalangan ateis yang mengingkari Tuhan dan wahyu, tentu hal itu benar dan tidak dipertentangkan lagi. Namun jika yang mereka maksudkan itu adalah bahwa mereka (Yahudi dan Nasrani) tidak kafir terhadap agama

Muhammad dan risalahnya serta al-Qur'an dan penyifatan kafir yang disematkan kepada mereka itu adalah dengan pengertian seperti ini, tentu klaim seperti itu adalah salah.

Kekafiran Yahudi dan Nasrani adalah sesuatu yang amat jelas terlihat bagi individu muslim yang memiliki ilmu keislaman, walaupun hanya sebesar atom. Hal ini juga sesuatu yang disepakati oleh seluruh umat Islam dari seluruh mazhab dan aliran pemikiran sepanjang masa, baik kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Syi'ah, Mu'tazilah dan Khawarij. Demikian juga dengan seluruh aliran umat Islam yang ada pada saat ini: Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Zaidiyyah, Ja'fariyyah dan Ibadaniyyah, seluruhnya tidak meragui kekafiran Yahudi dan Nasrani serta orang-orang yang tidak mengimani risalah Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam. Hal ini merupakan sesuatu yang sudah pasti kebenarannya, baik secara teori maupun praktikal." [Mauqif al-Islam al-'Aqdi min Kufr al-Yahud wa al-Nashara, edisi terjemahan Indonesia atas judul Bagaimana Islam Menilai Yahudi dan Nasrani (Gema Insani, Jakarta 2000), ms. 11-13]

*Selain itu terdapat juga beberapa tokoh aliran Islam Liberal yang menulis dalam bahasa Inggeris seperti Muhammad Arkoun dan Fazlur Rahman. Di antara mereka wujud juga tokoh seperti Fatima Mernissi yang tidak segan-segan membuat fitnah dan tuduhan palsu ke atas para sahabat Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam dan para ilmuan Islam demi menjayakan alirannya.*

*Di Indonesia, tokoh aliran Islam Liberal yang paling menonjol adalah Harun Nasution dan Nurcholis Majid. Daripada mereka lahir ramai lagi tokoh-tokoh baru yang berbilang jumlahnya. Akan tetapi alhamdulillah, para ilmuan Ahl*



al-Sunnah wa al-Jama'ah Indonesia tidak pernah membiarkan mereka selesa dengan dakyah Islam Liberal yang mereka kembangkan. Pelbagai buku dan makalah ditulis untuk menjawab dan menolak manhaj mereka, antaranya:

[1] Koreksi Terhadap Dr. Harun Nasution tentang "Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya" oleh Prof. H.M. Rasjidi. (*Bulan Bintang, Jakarta 1977*).

[2] Pembaruan Islam dan Orientalisme dalam Sorotan oleh Dr. Daud Rasyid (*Akbar Media, Jakarta 2002*) yang merupakan jawapan ilmiah lagi terperinci kepada Nurcholis Majid.

[3] Menelusuri Kekeliruan Pembaharuan Pemikiran Islam Nurcholish Majid oleh Abdul Qadir Djaelani. (*Penerbitan Yadia 1994*).

[4] Propaganda Sesat Penyatuan Agama oleh Bakr bin Abdullah Abu Zaid. (*Darul Haq, Jakarta 2001*).

[5] Bahaya Islam Liberal oleh Hartono Ahmad Jaiz. (*al-Kautsar, Jakarta 2002*).

[6] Islam Liberal: Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan dan Jawapannya oleh Adian Husaini dan Nuim Hidayat (*Gema Insani, Jakarta 2002*).

[7] Mewaspadaai Gerakan Kontekstualisasi al-Qur'an: Menanggapi Uliil Absar Abdala oleh Agus Hasan Bashari (*As-Sunnah, Surabaya 2003*).

[8] Anggapan Semua Agama Benar dalam Sorotan Al-Qur'an oleh Muhammad Thalib (*Menara Kudus, Jogjakarta 2003*).

**Adakah aliran Islam Liberal wujud di Malaysia?**

Jika dicermati manhaj aliran Islam Liberal sebagaimana yang penulis senaraikan di atas, mudah untuk dikenal pasti bahawa aliran ini sudah wujud di Malaysia, hanya nama 'Islam Liberal' sahaja yang belum wujud. Malah penulis yakin para pembaca sekalian telah dapat mengenali secerah sinaran matahari siapakah tokoh-tokoh aliran Islam Liberal di Malaysia tanpa perlu penulis menyenaraikan nama-nama mereka. Sekalipun tokoh-tokoh tersebut tidak mengemukakan semua daripada manhaj aliran Islam Liberal yang penulis senaraikan di atas, yakinilah dalam masa-masa terdekat ia tetap akan dikemukakan secara bertahap-tahap, *one by one*.

Satu perkara penting yang perlu diketahui berkenaan tokoh-tokoh ini adalah mereka terdiri daripada generasi baru yang telah belajar daripada kesilapan guru-guru mereka daripada generasi awal. Oleh itu mereka tidak akan mengulangi kesilapan tersebut. Pelajaran utama yang mereka teladani adalah jangan mengemukakan manhaj Islam Liberal secara mendadak dan terus terang. Akan tetapi kemukakannya secara bertahap-tahap dilapik dengan susunan bahasa yang dapat memikat keyakinan para pembaca awam.

Maka bukanlah satu keasingan apabila kita mendapati tokoh-tokoh aliran Islam Liberal di Malaysia lazimnya akan melapik perbahasan mereka dengan kata-kata "tujuan kami hanya untuk membuka fikiran....." , "Kami hanya ingin membebaskan umat yang selama ini dibelenggu oleh tafsiran lama....." , "Dalam bab ini terdapat perbezaan pendapat yang besar....." , "Tidak ada ayat al-Qur'an

yang jelas dalam bab ini.....” , “Hadis-hadis saling bertentangan sehingga tidak dapat dipastikan kebenaran.....” , “Ini bukanlah daripada hal-hal muktamad agama.....” , “Kami hanya membanding antara beberapa pendapat yang sedia ada.....” , “Perbincangan ini bertujuan meningkatkan kematangan umat dalam beragama.....” dan pelbagai lagi yang seumpama.

Perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam ayat berikut ini dan ambillah iktibar daripadanya:

***Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal ia adalah orang yang amat keras permusuhannya. [al-Baqarah 2:204]***

Gerakan Islam Liberal di Malaysia, sekalipun tanpa memakai lencana ‘Islam Liberal’, lebih banyak bersifat meniru apa yang sebelum ini wujud di negara-negara Timur Tengah dan Indonesia. Artikel-artikel bercorak manhaj Islam Liberal yang muncul di akhbar-akhbar harian dan majalah *al-Islam* sebenarnya hanyalah hujah-hujah lama yang dikemukakan semula dalam bentuk yang baru. Tidak ada idea pemikiran yang tulen melainkan tiruan yang diberikan solekan baru. Sesiapa yang lazim membaca tulisan-tulisan aliran Islam Liberal di Timur Tengah dan Indonesia sejak beberapa dekad yang lepas akan mendapati apa yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh tempatan tidak lain hanyalah ‘lagu lama yang dimainkan dengan tempo baru’.

Malah adakalanya hasil tulisan yang dikemukakan juga diambil terus-terus daripada penulisan tokoh Islam Liberal luar negara. Sebagai contoh, perhatikan artikel *Fenomenologi Tudung* oleh Nasaruddin Umar yang dikemukakan oleh majalah *al-Islam* edisi Mac 2004 (ms. 76-78). Nasaruddin Umar ialah salah seorang tokoh terkemuka aliran Islam Liberal di Indonesia. Terdapat beberapa lagi artikel beliau yang boleh dirujuk di laman Jaringan Islam Liberal Indonesia. Perhatikan juga catitan tambahan di akhir artikel tersebut: "Nasaruddin Umar adalah Guru Besar Ilmu Tafsir Universitas Islam Negeri Jakarta dan kini sedang melakukan Post Doctoral Research di SOAS, University of London." Inilah yang penulis maksudkan beberapa perenggan di atas, bahawa kebanyakan tokoh-tokoh aliran Islam Liberal adalah "mereka yang pernah mendapat didikan di negara Barat dan/atau pernah berkhidmat di mana-mana institusi pengajian Barat."

#### **Pesan penulis kepada para pembaca**

*Tiada cara mudah untuk kita menangani aliran Islam Liberal melainkan kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menuntut ilmu-ilmu agama daripada para tokoh yang ikhlas, jujur dan mendapat petunjuk Allah shallallahu 'alaihi wassalam. Dengan ilmu-ilmu tersebut kita dapat membezakan antara yang hak dan batil, sekali gus menerangkan apa yang hak dan menjawab apa yang batil.*

Pada waktu yang sama hendaklah kita berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar diberikan hidayah ke jalan yang benar dan pemeliharaan daripada jalan yang sesat. Ingatlah bahawa jalan menuju kebenaran hanya satu manakala

jalan menuju kesesatan adalah banyak. Jalan kebenaran adalah apa yang ditunjukkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih berdasarkan pemahaman generasi awal umat (*al-Salaf al-Salih*) manakala jalan kesesatan adalah apa yang menyelisihinya.

**Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

*Zikir-Zikir Selepas Solat Fardhu  
(Sebagaimana yang Diajar dan Dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.)*  
Jahabersa 1999 & 2002 & 2004

*Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca atau Tidak ?*  
Jahabersa 1999 & 2002

*Marilah Kita Berselawat Ke Atas Rasulullah (s.a.w.)  
(Suatu Jemputan Ke Arah Berselawat Dengan Sebenar-benar Selawat dan  
Huraian Tentang Beberapa Salah Faham Dalam Bab Berselawat)*  
Jahabersa 1999 & 2002

**Marilah Mendirikan Sembahyang**

Jahabersa 2000

**Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam**

Edisi Pertama: Jahabersa 2000  
Edisi Baru: Jahabersa 2004

**Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan**

Jahabersa 2000 & 2004

*Solat Tarawikh:  
Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.*  
Jahabersa 2000

**20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya**

Jahabersa 2002 & 2004

*Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.*  
Jahabersa 2002

**Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil**

Jahabersa 2003

*Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah:  
73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian  
Zamihan Mat Zin al-Ghari*  
Jahabersa 2003

*Apakah Jihad Di Jalan Allah ?*

**Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad**

Jahabersa 2003

*Apakah Jihad Di Jalan Allah ?*

**Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya**

Jahabersa 2004

*Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah.*

*Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah  
dan 5 Strategi Asas Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.*  
Jahabersa 2004

*Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam Persoalan Khalifah.*

*Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada ayat-ayat al-Qur'an  
yang dijadikan hujah oleh Syi'ah dalam persoalan khalifah.*

216

Jahabersa 2004

**Koleksi Soal Jawab Agama, e-book dan Artikel**

[www.al-firdaus.com](http://www.al-firdaus.com)



**Buku-buku yang disunting oleh Hafiz Firdaus Abdullah**

*Christianity through the lens of Christian & Muslim Scholars*

*Part One: The History of Christianity, The Concept of Salvation, The Doctrine of the Trinity and Incarnation (al-Hulul wa al-Ittihad)*

Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004)

*Christianity through the lens of Christian & Muslim Scholars*

*Part Two: The Doctrine Of The Original Sin And The Atonement, The Crucifixion And The Resurrection Of Jesus Christ, Jesus Was Sent Only To The Israelites, The Authenticity Of The Bible, Contradictions And Errors In The Biblical Text.*

**Oleh Muhammad Amin Yaacob (Jahabersa 2004)**

*Koleksi Kertas Kerja Seminar “Ahli Sunnah Wal Jamaah Golongan Tauladan”*

**(Jahabersa 2004)**

*Biografi Tokoh Orientalis Menurut Kitab al-A'lam al-Zarikli.*

Oleh Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

*Leo Africanos: Pengembara Muslim Yang Belum Dikenali Ramai.*

Oleh Dr. Pekka Masonen & Mohd. Fikri bin Che Hussain (Jahabersa 2004)

*Petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah Berkenaan Haid, Istihadah dan Nifas.*  
Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Azzahari bin Murad.  
(Jahabersa 2004)

**Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu Ushul al-Fiqh**

Oleh Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Penterjemah: Fadlan bin Mohd.  
Othman (Jahabersa 2004)

**Hafiz Firdaus bin Abdullah** lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Berpegang kepada konsep "*Bukan siapa yang berkata tetapi apa yang dikatakan*", Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

*Alhamdulillah* sambutan yang baik daripada para pembaca menjadi pendorong kepada beliau untuk terus menulis topik-topik yang lebih penting dan besar. Sehingga kini Hafiz Firdaus telah menulis belasan buah buku bersama Penerbitan Jahabersa dengan sambutan yang luas di Malaysia dan negara-negara jiran.